

7 Pilih pemimpin atas semangat fastabikul khairat - *Presiden*

12 Putus hubungan dengan Keadilan cuma acah-acah

BIL 50 | 7 - 13 MEI 2017 | HARGA RM2.00 | SABAH/S'WAK RM2.50

PP18978/03/2016(034450)

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

Jahanam PAN dan ribut: Maafkan mereka, doakan mereka



ms9



Umno/Pas kempen guna kaum dan agama

ms2

Jangan 'kebuloq' sayangkan jawatan



ms2

Para pemimpin Pakatan Harapan dalam sidang media selepas mesyuarat Majlis Presiden baru-baru ini. Kini mereka bersedia gunakan 1 logo, 1 manifesto dan 1 calon melawan BN.

Sedia gunakan 1 logo, 1 calon dan 1 manifesto

PH DIDAFTAR HADAPI PRU

Tulisan penuh muka 2



PAKATAN HARAPAN akan didaftar segera bagi membuat persediaan menghadapi pilihan raya umum ke 14 dengan menggunakan satu logo, satu manifesto dan satu calon. Ia dibuat ketika Pas membuat keputusan rasmi keluar dari kumpulan pembangkang melalui mukamarnya yang ke 63 hujung minggu lalu.

EZKEMBARA
NO. 107/11-6874

KINI SEMUA BOLEH MENGEMBARA
03 - 6184 1542/013 - 673 9000

| | | |
|---------------------|--|--|
| Maldives | DEC DARI RM 2899 DARI RM 2599 | NOV DARI RM 1299 DARI RM 1099 |
| Turki | NOV DARI RM 4899 DARI RM 3899 | NOV DARI RM 1399 DARI RM 1099 |
| Seoul, Korea | NOV DARI RM 2999 DARI RM 2490 | Bandung |
| Tokyo, Jepun | AUG SEP OKT NOV DARI RM 1399 DARI RM 1199 | |
| BACKPACKERS | DARI RM 2590 | |

SILA LAYARI WWW.EZKEMBARA.com

Pakatan Harapan sedia hadapi PRU 14

SELEPAS Pas meninggalkan blok pembangkang secara rasmi melalui keputusannya dalam Muktamar ke 63 hujung minggu lalu, Pakatan Harapan (PH) kini bersedia untuk hadapi pilihan raya umum secara satu pasukan.

Gabungan empat parti ini akan mempunyai satu logo, satu manifesto dan satu calon dalam pilihan raya

umum nanti untuk melawan BN.

PH akan didaftarkan sebagai gabungan PKR, DAP, Amanah dan Bersatu minggu depan apabila logo yang sesuai dipilih selepas memegang jawatan dan perlembagaan dimuktamadkan dalam mesyuarat Majlis Presiden PH Sabtu lalu.

Dengan setiap parti mempunyai taraf yang sama, Tun Dr Mahathir Mohamad akan didaftarkan sebagai

penasihat dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail sebagai pengerusi manakala Mohamad Sabu, Tan Sri Muhyidin Yassin dan Lim Guang Eng pula dinamakan sebagai naib-naib pengerusi.

Perlembagaan juga diisi dengan satu klausa bagi membolehkan seorang lagi penasihat dilantik, yang dipercayai dipersiapkan untuk Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas beliau

bebas memegang jawatan politik nanti.

Mesyuarat juga telah memilih Saifudin Abdullah sebagai setiausaha agung gabungan itu manakala M Kulasegaran (Naib Presiden DAP) sebagai bendahari.

Setiap parti akan mempunyai tiga wakil dalam Majlis Presiden Pakatan Harapan.

PKR akan diwakili Mohamed

Azmin Ali, Nurul Izzah Anwar dan Saifuddin Nasution Ismail manakala Bersatu pula diwakili oleh Datuk Seri Mukhriz Mahathir, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman dan Dr Shahrudin Md Salleh.

Amanah diwakili Salahuddin Ayub, Dr Mujahid Yusof Rawa dan Anuar Tahir manakala DAP adalah Tan Kok Wai, Teresa Kok dan Anthony Loke.

Umno/Pas kempen guna kaum dan agama

KEMPEN menggunakan kaum dan agama sedang diperhebatkan sekarang dan yang menjadi sasaran adalah DAP dan rakan-rakannya dengan anggapan parti itu anti Islam dan pemimpinnya bakal menjadi perdana menteri jika Pakatan Harapan menang dalam PRU nanti.

Menurut Ketua Komunikasi Amanah Selangor, para antagonis (musuh) Pakatan Harapan sedaya upaya menggambar kononnya kolisi politik ini dikuasai oleh DAP.

"Padahal mereka tahu bahawa Perjanjian Pakatan Harapan meletakkan setiap parti mempunyai hak dan kedudukan yang sama dan keputusan adalah dibuat secara konsensus," katanya.

Bagi beliau, mereka sebenarnya masih terperangkap dengan paradigma pemikiran feodal usang ala-BN yang sentiasa mengangap bahawa hubungan politik itu semestinya bersifat ketuanan atau berasaskan formula "master-slave".

Ini adalah falsafah politik feodal

dan masyarakat Melayu konservatif secara umumnya masih feodal pemikiran mereka.

"Naratif politik berasaskan "master-slave" sememangnya mudah menggigit sentimen dan sokongan politik di kalangan golongan konservatif ini," kata Jamzuri dalam satu tulisannya.

Katanya, sejak 60 tahun lebih, naratif politik ini digunakan oleh BN sebagai alat pecah dan perintah. Orang Melayu mesti bertuanan Umno.

"Orang Cina mesti bertuanan MCA. Orang India mesti bertuanan MIC. Kesemua ini mesti pula bertuanan kepada golongan elit politik di kalangan segelintir pemimpin Umno dan sekutu mereka yang berkuasa," katanya.

Hakikatnya dunia hari, kata Jamzuri, sepatutnya sudah lama meninggalkan politik tribal seperti ini.

"Dalam dunia tribal, manusia tidak boleh hidup tanpa naungan tokoh dan kelompok. Aktiviti, pemikiran, dan malah identiti



seseorang itu mesti terikat dengan naungan tokoh dan kelompok masing-masing. Era itu sudah usang dan tidak lagi relevan," katanya.

Politik hari ini, katanya, mesti berasaskan nilai dan keupayaan, bukan kelompok atau tokoh lagi.

Pakatan Harapan, katanya, menampilkan naratif politik yang baru yang lebih progresif dengan menggagaskan kepemimpinan politik berasaskan nilai dan kompetensi.

Nilai-nilai yang sedang digagaskan di dalam naratif politik Pakatan Harapan ialah kepemimpinan politik yang amanah, jujur, terbuka, demokratik, telus, progresif, inklusif dan peduli.

"Adapun kompetensi teras yang perlu dibangunkan di dalam kepemimpinan politik Pakatan Harapan ialah kebolehan berkomunikasi, berartikulasi, mahir ekonomi, diplomatik, kooperatif, cekap

pengurusan, dan berwibawa.

"Ia sepenuhnya bebas dari sentimen kelompok, perkauman atau bigotri," tegas beliau.

Maka itu, katanya, retorik golongan konservatif bahawa Pakatan Harapan kononnya dikuasai oleh kelompok tertentu sahaja sebenarnya hanyalah manifestasi kepada kemunduran dan keusangan pemikiran politik mereka.

Jangan 'kebuloq' sayangkan jawatan, kata MP kepada Pas



Jumlah kerusi pembangkang dan kerajaan di Selangor jika Pas keluar dari kerajaan negeri.

PARA pemimpin Pas diberikan ingatan agar jangan sampai dilihat 'kebuloq' (gila) hendakkan jawatan sehingga sanggup kekal dalam kerajaan negeri Selangor walaupun muktamar secara sebulat suara telah memutuskan hubungan dengan PKR.

Ahli parlimen Pas dari Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar berkata, beliau dari awal lagi mahu Pas mengekalkan hubungan dengan parti pembangkang yang lain khasnya PKR.

"Tetapi kalau sudah kita buat keputusan putus dengan PKR, kita kena keluarlah dari kerajaan negeri Selangor. Kalau kita kekal dalam kerajaan negeri Selangor, nanti orang kata kita 'kebuloq' nak jawatan," kata bekas naib presiden dan ketua penerangan Pas itu.

Perwakilan dalam Muktamar Pas ke 63 di Kota Sarang Semut, Alor Setar Sabtu lepas sebulat suara meluluskan usul memutuskan

tahaluf siasi dengan PKR dengan cara semuanya berdiri, selepas pembahas mengutup dan menyerang sehingga memfitnah bekas rakan tahaluf siasi mereka itu.

Namun begitu, usul itu diserahkan kepada Majlis Syura untuk dilaksanakan dan disinilah permainan tarik tali akan dilakukan.

Majlis Syura boleh membuat keputusan untuk menangguhkan pelaksanaan usul ini sehingga menjelang PRU akan datang bagi membolehkan kira-kira 5,000 pemimpin dan ahli Pas kekalkan jawatan mereka di bawah kerajaan negeri Selangor.

Jika Pas keluar dari kerajaan negeri Selangor, Pakatan Harapan masih kekal majoriti apabila mempunyai 30 dari 56 kerusi dalam Dewan Negeri Selangor.

DAP mempunyai 15 kerusi, PKR (13) manakala Amanah (2).

Pembangkang pula akan mempunyai 26 kerusi iaitu Pas (13), BN (12) dan Bebas (1).

TOLAK PANDANGAN PEMUDA PAS

Dalam pada itu, Mahfuz tidak bersetuju dengan kenyataan ketua pemuda Pas yang baru Mohamad Khalil Abdul Hadi yang berkata Pas tidak perlu keluar dari kerajaan negeri Selangor walaupun memutuskan hubungan dengan PKR.

"Exco Selangor dilantik atas cadangan menteri besar. MB adalah dari PKR. Bila sudah putus hubungan dengan PKR, kena berundurilah.

"Rakyat hanya melantik Adun dan ahli parlimen tetapi exco dilantik atas nasihat dan cadangan MB bukan oleh rakyat," kata Mahfuz.

Manifesto khas untuk wanita

KUALA LUMPUR: Angkatan Wanita Parti Amanah Negara (Awan) akan memastikan manifesto khusus kepada golongan wanita diwujudkan dalam tawaran Pakatan Harapan bagi melindungi hak-hak dan kepentingan para pekerja.

Ketuanya Dr Siti Mariah Mahmud berkata, pengalaman luas Pakatan Harapan semasa mentadbir Selangor dan Pulau Pinang meyakinkan beliau bahawa gabungan parti politik ini mempunyai keupayaan yang jauh lebih tinggi untuk melindungi hak-hak dan kepentingan para pekerja.

Beliau berkata demikian dalam ucapan kepada seluruh pekerja di Malaysia sempena Hari Pekerja, 1 Mei lalu.

Ahli parlimen Kota Raja itu juga berkata,

Awan sentiasa mengalu-alukan sebarang dasar progresif yang membela hak pekerja wanita.

"Langkah beberapa institusi perbankan tahun ini seperti Maybank dan Standard Chartered yang memberikan cuti bersalin lebih panjang dengan bergaji boleh membantu kaum ibu yang bekerja mendapat lebih ketenangan dan fokus dalam menguruskan kerjaya serta keluarga.

"Walaupun bagaimanapun, saya yakin masih terdapat banyak lagi ruang yang boleh dimanfaatkan bagi meningkatkan kebajikan para pekerja meliputi soal elaun, tempoh masa bekerja, cuti dan sebagainya.

"Tidak lupa juga kepentingan untuk mewujudkan suasana tempat kerja yang selamat kepada golongan wanita daripada



DR SITI MARIAH MAHMUD

sebarang penganiayaan dan gangguan berbentuk seksual," katanya.

Menurut beliau juga, suasana ekonomi semasa yang menghakiki nilai wang dan kuasa beli meletakkan para pekerja dalam tekanan bagi menguruskan kehidupan dan keluarga.

"Dalam sesetengah situasi, terdapat pekerja yang terpaksa membuat dua atau lebih kerja hanya untuk menampung keperluan harian sahaja.

"Walaupun secara asasnya nampak baik, tetapi keadaan ini juga boleh menyebabkan masa bersama keluarga turut terjejas sehingga menjejaskan keharmonian antara ibu bapa dan anak-anak.

"Saya senantiasa memandang serius perkara ini kerana konsep bekerja sebagai satu ibadah untuk menampung keperluan hidup dan membina keluarga yang sejahtera sudah terjejas," katanya.

Urus dahulu kelemahan anak syarikat Felda

KUALA LUMPUR: Harapan Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Abdul Samad untuk mengubah nasib 112,000 peneroka dengan meningkatkan pulangan daripada aset dipegang Felda berjumlah RM3.97 bilion dalam tempoh dua tahun, agak sukar terlaksana sekiranya masih terdapat kelemahan pengurusan dan kewangan dalam Felda Global Ventures Bhd (FGV) dan Felda Investment Corp (FIC).

Pandangan ini dilontarkan Pengerusi Task Force Felda Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Wan Mohd Shahrir Wan Abd Jalil.

Wan Mohd Shahrir berkata, pada masa ini Felda memiliki 33% saham

FGV sedangkan sebanyak RM2 bilion dilaburkan dalam FIC.

"Beliau (Shahrir) mengakui kelemahan pelaburan Felda dalam dua anak syarikat itu yang tidak memuaskan hatinya.

"Ini kerana pulangan yang rendah sejumlah RM3.97 bilion itu tidak mampu menampung perbelanjaan Felda.

"Felda telah bertindak untuk menjual asetnya untuk mengatasi aliran tunai," jelas Wan Shahrir.

Menurutnya, jika Felda menjual asetnya bagi menampung kerugian sedangkan perniagaan utama daripada FGV dan FIC masih lagi tidak membawa keuntungan, ia

akan meningkatkan beban Felda.

Shahrir dalam wawancara dengan The Star baru-baru ini berkata, FGV menyumbang sejumlah RM300 juta kepada Felda termasuk RM250 juta di bawah perjanjian pajakan tanah manakala pulangan daripada FIC adalah jauh berbeza daripada syarikat-syarikat pelaburan lain milik kerajaan.

Menurut Shahrir, RM2 bilion yang dilaburkan dalam FIC tidak memberi pulangan yang diinginkan.

FIC yang ditubuhkan pada 2013 mempunyai pelaburan di bidang perhotelan, hartanah dan disenaraikan di Bursa Malaysia.

Wan Mohd Shahrir yang juga

Ahli MPT Bersatu, berkata, walaupun Ahli Parlimen Johor Bahru itu telah mengarahkan ahli lembaga jawatan dan melantik beberapa pengurusan baharu, ia masih tidak munasabah untuk menyelesaikan isu FGV dan FIC.

Justeru beliau mencadangkan agar seluruh pengurusan FGV di bawah Pengerusinya Tan Sri Isa Samad, Ahli Lembaga Pengarah dan di peringkat pengurusan bawahan melepaskan semua jawatan kerana kegagalan FGV membawa pulangan pelaburan yang memuaskan kepada Felda sejak ditubuhkan.

"Atau jika berlaku sebarang

penyelewengan Tan Sri Shahrir perlu menjalankan siasatan secara terperinci apa sebenarnya masalah FGV yang gagal membawa pulangan kepada Felda yang selama ini telah menjejaskan pendapatan 112,000 peneroka.

"Jika ada individu yang didapati menyeleweng perlu dibawa ke muka pengadilan hatta jika dianya pengerusi FGV sendiri," ujarnya.

Wan Mohd Shahrir yang juga Pengerusi Perhubungan PPBM Negeri Pahang juga kurang bersestuju dengan cadangan Shahrir untuk melaksanakan sukuk jangka panjang bagi mengatasi tabungan Felda.

1MDB-IPIC: Pengerusi PAC patut letak jawatan

KUALA LUMPUR: Pengerusi Kira-kira Wang Negara (PAC) Datuk Hasan Arifin disaran meletak jawatan ekoran sikap berdiam diri berhubung keputusan kes timbang tara antara 1MDB dan International Petroleum Investment Corporation (IPIC).

Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua berkata, Hasan patut memberi laluan kepada individu yang lebih serius tentang integriti, kebertanggungjawaban dan bersedia untuk menjawab kepada rakyat Malaysia.

"Di sebalik menjawab permintaan agar siasatan dibuka semula, Pengerusi Jawa-

tankuasa Kira-kira Awam, Datuk Hasan Arifin kekal berdiam diri.

"Malah, bukan sahaja beliau tidak mengeluarkan sebarang kenyataan mengenai isu penting itu yang melibatkan lebih RM15 bilion wang pembayar cukai, beliau juga telah mengelakkan pertanyaan media," katanya dalam satu kenyataan media.

Tony mengulas keengganan Hasan membuka semula siasatan PAC terhadap syarikat bermasalah milik negara itu ekoran perkembangan terbaru melibatkan keputusan kes timbang tara di London.

Hasil keputusan itu, IPIC akan menerima bayaran berjumlah USD1.205 bilion, manakala 1MDB dan Kementerian Kewangan akan bertanggungjawab ke atas faedah masa depan dan bayaran pokok bagi bon bernilai USD3.5 bilion yang sebelum ini dijamin IPIC.

Tony yang juga Setiausaha Publisiti DAP, dalam kenyataannya sebelum ini mendakwa rakyat Malaysia terpaksa membayar dua kali ganda hutang yang ditanggung 1MDB kepada IPIC.

1MDB sebelum ini kerugian USD3.51

bilion apabila mendakwa 'tersalah bayar' kepada Aabar Investments PJS Limited (BVI) yang 'disangka' sebagai anak syarikat IPIC.

Bagaimanapun, menurut Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (DOJ), BVI sebenarnya adalah syarikat palsu yang mempunyai nama hampir sama dengan anak syarikat IPIC, Aabar Investment PJS (Aabar).

IPIC menafikan BVI sebagai anak syarikatnya sehingga menimbulkan pertikaian antara 1MDB dan syarikat Abu Dhabi itu dan seterusnya membawa kepada kes timbang tara.

Terima kasih Presiden Pas kerana bantu AMANAH

Oleh **ARIF ATAN**

PENGKALAN CHEPA: Presiden AMANAH Mohamad Sabu menghargai peranan Pas yang diterajui Datuk Seri Abdul Hadi Awang kerana dianggap memberi sumbangan secara tidak langsung kepada parti Islam generasi kedua itu.

Menurutnya, kenyataan Abdul Hadi yang juga Ahli Parlimen Marang seperti disiarkan dalam

akhbar pro Umno-BN, Mingguan Malaysia 16 April lalu adalah salah satu bentuk sumbangan yang dimaksudkan.

"Saya berterima kasih kepada Presiden Pas kerana banyak membantu AMANAH dan Pakatan Harapan.

"Diantaranya apabila Presiden Pas buat kenyataan mengatakan orang Melayu boleh mengundi sama ada Umno atau Pas.

"Tu dia, rupanya kamu (Pas) bersama (Umno). Ini yang syok ni. Kami cagak (sebelum ini), kamu tak percaya," ucapnya dalam nada berseloroh pada Ceramah Pakatan Harapan di Kijang, dekat sini, baru-baru ini.

Terdahulu, Abdul Hadi dalam wawancara khas bersama akhbar tersebut menegaskan kuasa politik orang Melayu ada pada Pas dan Umno.

"Jika mana-mana parti nak tadbir Malaysia, pilih Pas atau Umno. Kita terbuka kepada mana-mana parti nak bersama dengan Pas, syaratnya terima Islam," kata Abdul Hadi dipetik.

Mengulas lanjut, Mohamad yang dikenali sebagai Mat Sabu menyifatkan kenyataan Abdul Hadi yang secara terbuka berpihak kepada Umno itu bercanggah dengan apa yang ditekankan dalam perjuangan

Pas sebelum ini untuk terus menentang Umno-BN.

Bahkan, beliau berkata, lantaran pendirian itulah dirinya pernah menjadi tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Tiba-tiba sekarang boleh undi Umno atau Pas. Ertinya sudah ada kerjasama.

"Inilah perkataan Presiden Pas yang amat membantu kita. Sekarang ini kami tak larat nak cetak

Minda Pengarang

Pakatan Harapan siap hadapi PRU14

WALAUPIUN keadaan politik Malaysia bercelaru, lebih-lebih lagi situasi politik di negeri Selangor, tetapi Parti Amanah Negara di seluruh tanahair, melalui semua bironya, telah melangkah jauh ke depan dengan pelbagai program peduli rakyat.

Aktivistik AMANAH melangkah pantas, bukan saja di bandar besar dan kecil, tapi juga di luar bandar, malah di pedalaman seperti di Tanjung Piai, Pontian Johor, sebuah perkmpungan nelayan yang kini sedang diusahakan untuk menjadi sebuah bandar baru.

Di situ, sudah ada pejabat AMANAH di pekan Simpang Empat, Serkat, berhamiran Tanjung Piai. Sudah ada beberapa kali perjumpaan dan ceramah Pakatan Harapan di halaman rumah Timbalan Presiden AMANAH, dan ramai orang kampung yang hadir. Malah ramai yang mengisi borang menjadi ahli AMANAH dan Bersatu.

Begitu juga di tempat-tempat lain di Johor, Perak, Pulau Pinang dan lain-lain negeri. Di Kelantan, di bawah pimpinan Datuk Husam Musa dan Datuk Wan Abd Rahim Wan Abdullah, program AMANAH – besar dan kecil – diadakan setiap hari dan berduyun-duyun orang ramai menyertainya.

Demikian juga di Perak, termasuk di Manong, Kuala Kangsar, Taiping, Bukit Gantang, Parit dan Teluk Intan, malah hampir semua daerah di negeri itu sudah dilihat AMANAH menebarkan sayapnya. Warna oren di mana-mana.

Begitu juga di Pahang, Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang, Kedah dan di mana-mana saja ada kegiatan AMANAH. Aktivistik parti memberikan minyak percuma kepada penunggang motosikal, manakala AWAN menyantuni masyarakat pelbagai peringkat, mengatur program sendiri.

Demikian juga ARIF, biro pemuda

yang tidak kalah dengan kegiatan mereka. Kini, aktivis AMANAH memberi tumpuan kepada persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang. Jentera pelbagai peringkat digerakkan.

Satu hal yang sangat menarik ialah hubungan pendukung AMANAH dengan non-Muslim begitu erat. Mereka bekerjasama melaksanakan program yang diatur. Malah di pentas ceramah bergandingan antara pemimpin AMANAH, DAP, KeADILan dan yang terbaru Bersatu.

Mereka senada menyatakan kesepaduan untuk menentang Umno-BN dalam PRU14. Ini perkembangan yang amat positif untuk mencapai tujuan ke Putrajaya. Dalam sepanjang sejarah, dengan 14 kali PRU diadakan, parti politik sentiasa bergandingan pelbagai kaum. Tidak ada satu parti politik yang boleh bertahan dengan memencilkan diri bertanding atas nama satu kaum dan agama.

Bahkan di Kelantan dan Terengganu, dua negeri yang didominasi pengundi Melayu, parti politik kedua-dua negeri itu terpaksa juga menerima hakikat – sebanyak sedikit – memerlukan sokongan non-Muslim.

Oleh itu, nyatalah bahawa demografi pengundi di Malaysia adalah komponen antara Melayu-Islam dan non-Muslim. Dari itu, walau apapun hujah, inilah hakikatnya.

Menafikan logik ini adalah salah sama sekali.

Tetapi jika mahu juga percaya bahawa sesuatu kaum di negara ini, konon boleh bertanding sendiri tanpa sokongan kaum lain, itu hanya sebuah khayalan. Dalam ilmu politik, khayalan atau angan-angan mengundang kekecewaan akhirnya. Justeru, politik dan pilihan raya ialah sesuatu yang nyata, bukan khayalan berdasarkan ego pemimpin dan parti yang dipimpinnya.

Allah berfirman dalam surah **Al-Shams 9-10**, yang bermaksud: **“Sungguh, pasti berjaya orang yang membersihkan dan menggilap jiwanya. Sebaliknya memang kecewalah siapa yang membiarkan jiwanya dilumur kekotoran.”**

Tarbiyah gembeleng kekuatan AMANAH

Penegasan secara serius perlu sentiasa diberikan kepada semua tentang kepentingan tarbiyah. Pada hemat saya, mana-mana Muslim yang menyertai Parti Amanah Negara mesti ditarbiyah melalui usrah, qiamullail, Nunji, mukhayyam tarbawi, seminar, halaqah, diskusi, konvensyen ataupun program pembangunan yang dianjurkan oleh parti.

Selaras dengan itu, seruan saya kepada seluruh kepimpinan di semua peringkat hendaklah kalian berusaha bersungguh-sungguh, memberi penekanan dan keutamaan kepada aspek vital dan *dhoruri* ini; iaitu tarbiyah dan pentarbiyahan yang bukan sekadar melepaskan batok di tangga.

Aspek pembangunan ini perlu diperkasakan dan aktiviti perlu diperbanyakkan demi memastikan pemimpin dan aktivis kita mempunyai kekebalan sahsiah, jati diri, tidak mudah hanyut dalam menempuh cabaran dan godaan perjuangan.

“**... khusus kepada seluruh para penggerak AMANAH, mereka perlu sentiasa mempersiapkan diri mereka untuk ditarbiyah dan mentarbiyah dalam setiap lapangan kerja dakwah dan dalam setiap lapangan kehidupan seharian.**”



Pencerahan Mingguan **TANWEER USBU'II**

USTAZ ABDUL GHANI SAMSUDDIN
Timbalan Penasihat Umum AMANAH

Saya ingin kemukakan beberapa saranan kepada seluruh peringkat kepimpinan Parti Amanah Negara, iaitu marilah kita dedahkan diri kita dengan Tarbiyah Rabaniyah, yang manhajnya terkandung dalam Al-Quran dan Sunnah Nabi. Pelaksanaannya telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.

Jika Rasulullah s.a.w. sendiri dibimbing dan dita'limkan oleh Allah Azza Wajalla dengan teguran lansung dari-Nya, malah baginda mendedahkan dirinya sendiri dengan Tarbiyah Ilahiyah sepanjang hidupnya, dan ini memaparkan kemuncak akhlak yang ada pada diri baginda s.a.w., maka apatah lagi kita yang bukanpun bertaraf nabi seperti baginda.

Oleh itu, khusus kepada seluruh para penggerak AMANAH, mereka perlu sentiasa mempersiapkan diri mereka untuk ditarbiyah dan mentarbiyah dalam setiap lapangan kerja dakwah dan dalam setiap lapangan kehidupan seharian.

Dengan demikian, insya-Allah kita akan terpelihari dari berbagai-bagai kesilapan, kebingungan dan selamat dari jebak syaitan dan dedak parti lawan.

Allah berfirman dalam surah Al-Shams 9-10, yang bermaksud: “Sungguh, pasti berjaya orang yang membersihkan dan menggilap jiwanya. Sebaliknya memang kecewalah siapa yang membiarkan jiwanya dilumur kekotoran.”



Ada yang mengajak saya untuk kembali semula ke parti asal kerana pada mereka parti yang saya sertai sekarang ini adalah parti liberal dan sekular. Namun jika ditanya dimana sekular dan liberalnya mereka tidak dapat memberikan jawapan yang kukuh.

Menuduh secara melulu itu memang sangat mudah. AMANAH adalah sebuah Parti Islam yang meletakkan dasar serta matlamat perjuangannya adalah Islam. Apa yang membezakan AMANAH dengan parti asal saya adalah dalam soal pendekatan dan strategi politik.

Kami tidak mahu hanya sekadar menjadi penasihat kepada pemerintah. Kami mahu mengambil alih pentadbiran bagi memastikan agenda melawan rasuah dan penyelewengan dapat direalisasikan.

USTAZ AHMAD AWANG
Penasihat Umum AMANAH



Iktibar kes-kes 26 April

PADA 26 April 2010, Aminulrasyid memandu kereta milik kakaknya ke kedai mamak bersama sahabatnya untuk menonton perlawanan bola, tanpa pengetahuan keluarganya. Dalam perjalanan pulang, mereka terserempak dengan kereta polis.

Polis mengejar mereka dari belakang, dan melepaskan 21 tembakan ke arahnya. Remaja yang berumur 15 tahun ini berada dalam ketakutan, cuba sedaya-upaya untuk pulang ke rumah dan memohon maaf kepada ibunya. Tetapi arwah tidak kesampaian.

Pada 26 April 2017, Mohamad Thaqif Amin meninggal dunia di hospital. Budak berumur 11 tahun ini disebut kakinya dengan hos air sehingga darahnya beku oleh seorang pembantu warden di sebuah sekolah tahfiz. Kedua-dua kaki adik Thaqif terpaksa dipotong.

Beberapa hari kemudian, doktor mendapati tangan kanan adik juga dijangkiti kuman dan perlu dipotong untuk menyelamatkan nyawanya. Pembedahan dijadualkan, namun ditangguhkan kerana jantungnya tidak stabil. Pada jam 2.05 petang, arwah tidak sempat menjalani pembedahan untuk selama-lamanya.

Tarikh 26 April terlalu pedih untuk dikenang, meskipun dua nama ini tidak semestinya terpahat dalam ingatan kita selama-laman-

ya. Ya, sesungguhnya arwah Aminulrasyid telah melakukan kesilapan, kerana memandu tanpa lesen, yang mungkin membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.

Saya tidak pasti apakah denda atau hukum yang memadai, jikalau kesilapan ini enggan dimaafkan. Namun, sudah tentu 21 peluru terlampau berat untuk nyawa yang berusia 15 tahun ini.

Saya tidak pasti apakah kesilapan arwah Thaqif. Catatan diarinya menunjukkan dia menanggung tekanan dan kesakitan yang ketara, sehingga arwah tidak boleh tahan lagi. Kepada Tuhan arwah mendoa, agar dibukakan pintu hati ibu bapa dan gurunya, supaya arwah dibenarkan untuk berpindah sekolah.

Arwah mendakwa dirinya ditumbuk tanpa sebab. Maknanya, arwah tidak sedar apa silapnya, jikalau ada. Jikapun ada, sebesar mana kesilapan yang boleh dilakukan seorang budak berusia 11 tahun?

Saya teringat iklan Hari Raya Aidilfitri tahun 2016 tajaan TNB, membawa mesej "Tiada Kesilapan Yang Tidak Boleh Dimaafkan". Budak yang nakal itu membera-



Siang-Malam
Lim Hong Siang

nikan diri untuk mengakui kesilapannya di depan ayah, menyenaraikan satu persatu kesalahan yang pernah dilakukan tanpa pengetahuan ayahnya. Tatkala kita semua tertunggu-tunggu untuk mengetahui

apa lagi kesalahan yang dilakukan budak itu, budak itu sebenarnya sedang menunggu saat-saat dirinya dimaafkan. Lepas itu ... ayahnya memaafkannya, dengan pelukan yang erat.

Di Malaysia, iklan sebegini selalunya ditatap dengan rasa suka berbau benci. Suka kerana mesejnya mencuit hati, terharu; benci kerana realitinya sentiasa bertentangan dengan apa yang diiklankan.

Ingat lagi iklan Hari Merdeka arahan Almarhum Yasmin Ahmad, menampilkan dua budak yang saling menyukai, dengan mesej tiada perkauman dari mata kanak-kanak? Realitinya pedih kerana tempoh itu Pemuda Umno sedang sibuk menghunus dan menjulang keris dalam Perhimpunan Agung Umno!

Sekali lagi, realitinya pedih apabila Aminulrasyid tidak sempat dimaafkan ibunya. Sosok tubuh arwah dihalang 21 peluru, mayat arwah ditikam fitnah bahawa ada

parang dalam keretanya.

Budak ini melakukan kesilapan dan telah cuba untuk memohon maaf. Tetapi apabila orang dewasa melakukan kesalahan dengan bertindak keterlaluan sehingga membunuh seorang remaja, pelbagai alasan malah pembohongan direka untuk menghalalkan kesalahan diri.

Dan budak sering dipersalahkan untuk menjustifikasikan kesalahan orang dewasa. Apabila budak berumur 11 tahun dibelasah, ada yang mengandaikan sudah tentu budak itu yang bersalah.

Jarang sekali kita terfikir, jikapun budak itu yang bersalah, apakah wajar dia dibelasah sedemikian rupa? Dan jikalau hukuman itu melampaui batas, bukankah itu salah orang dewasa, yang tidak harus diselindung dengan kata-kata seperti "untuk mendisiplinkannya", "demi kebaikan kanak-kanak"?

Beginilah jujuknya wajah orang dewasa, yang bukan sahaja enggan mengaku salah, malah mendakwa kesalahan itu dilakukan demi kebaikan kanak-kanak. Mereka mencari dan memperbesar kesalahan kanak-kanak atau remaja untuk menghalalkan hukuman yang keterlaluan, tetapi pada masa yang sama, membusu terhadap kesalahan yang lebih besar, oleh orang dewasa lain, terutamanya yang berada dan berkuasa.

Mereka yang mencuri di tepi

jalan dibelasah seteruk-teruknya, tetapi mereka yang menyamun RM2.6 bilion, diberi peluang malah dituntut saksi jikalau ingin membuktikan kesalahannya.

Justeru, apakah asas moralnya orang dewasa untuk memimpin? Sujud menyembah mereka yang berkuasa dan angkuh memijak mereka yang tidak berkuasa. Sejak dua tiga tahun kebelakangan, pernahkah politikus kita, dengan ikhlas dan rendah diri untuk memahami rintihan dan keperluan kanak-kanak serta remaja?

Apa gunanya Perdana Menteri duduk di kedai mamak untuk menonton pertandingan bola bersama rakyat tetapi gagal menjamin keselamatan rakyat apabila mereka pulang ke rumah? Apa kaitannya politik melabel ini bi-awak dan itu anjing, mencemuh ini jahanam dan itu butir tahi, dengan pembangunan kanak-kanak dan remaja?

Dengan kata lain, apabila remaja kita dijahanamkan, di manakah politik ini? Apabila mereka berada dalam ketakutan dan kesakitan, di manakah politik ini? Akuilah sahaja, bahawa orang dewasa tidak pernah bertaubat dalam hal ini. Remaja dan kanak-kanak cuma mewarisi realiti yang teruk daripada orang dewasa. Lepas tu ... apa lagi pada 26 April tahun-tahun akan datang?

Penting hubungan erat berterusan dengan non-Muslim

Di tengah-tengah gegak gempita teriakan perkauman dan ekstrem agama oleh pihak tertentu, adalah wajar Parti Amanah Negara mengulangi sekali lagi komitmennya memperteguh hubungannya dengan non-Muslim.

Teriakan perkauman dan ekstrem agama begitu ketara terutama menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 tidak lama lagi, dan ini sangat tidak dialu-alukan, bahkan merosakkan keharmonian kaum di negara ini.

AMANAH yang mendukung konsep "Islam sebagai rahmat seluruh alam" menjadi komponen dalam Pakatan Harapan yang dianggotai sama oleh KeADILan, DAP dan Bersatu.

Pakatan mega pembangkang ini, yang saling teguh-meneguhkan, diyakini akan menjadi tantangan kepada Umno-BN dalam PRU14. Kini, komponen Pakatan Harapan sedang menggubal manifesto bersama, di samping manifesto sisipan untuk tiap negeri. Demikian juga logp bersama sedang diusahakan, selain perbincangan pembahagian kerusi yang beransur-ansur akan bermula.

Setakat ini, hubungan komponen



CETUSAN MINDA
ABDUL SHUKUR HARUN

Pakatan Harapan dengan non-Muslim tidak ada masalah, bahkan berjalan dengan sangat harmonis. Bahkan hubungan AMANAH sendiri dengan non-Muslim, sama ada ahli DAP atau bukan ahli DAP sangat erat.

Mereka tahu, dasar AMANAH dan sikap AMANAH selama ini. Bahkan mereka sangat hormat akan pendukung AMANAH.

Tidak ada istilah permusuhan, curiga-mencurigai, tidak ada perseteruan. Muslim dan non-Muslim mempunyai hak yang sama di sisi perlembagaan dan undang-undang.

Seperti juga Muslim, maka non-Muslim juga mempunyai hak untuk hidup, dilindungi nyawa dan harta benda mereka.

Saya masih ingat pesanan Almarhum Ustaz Fadzil Mohd Noor, bahawa hubungan Muslim dengan sesama Muslim adalah atas asas hubungan agama, tetapi dengan non-Muslim ialah berasaskan hubungan kemanusiaan kerana ini dituntut oleh Islam.

Inilah konsep yang dipegang kukuh oleh pendukung AMANAH dan akan kekal.

AMANAH bersama komponen parti dalam Pakatan Harapan – DAP, KeADILan dan Bersatu – akan terus bekerjasama erat

menghadapi PRU14.

Ini kerana, secara logik akal dan tuntutan politik di negara ini, adalah mustahil sesebuah parti politik boleh *survive* tanpa sokongan dan kerja sama antara parti Muslim dengan non-Muslim.

Malaysia sendiri, sepanjang sejarahnya, semua parti yang bertanding sejak dulu lagi, saling perlu-memerlukan. Malah dalam PRU yang lalu, ternyata, calon Melayu menang dengan sokongan non-Muslim. Selangor, Perak, Johor, Pulau Pinang, malah Kedah adalah contohnya.

Maka itu, semua pihak perlu menyedari demografi pengundi dan latar belakang politik yang ada,

Jika ada sebarang parti politik yang berangan-angan untuk bertaanding dalam PRU14 atas kepercayaan boleh menang dengan kekuatan sendiri, tanpa sokongan non-Muslim, maka itu hanya angan-angan atau khayalan sendiri, yang sama sekali

tidak berjejak di bumi nyata. Ataupun sekadar melayani ego pemimpin dan pendukung parti.

Pilihan raya ialah tawaran parti politik dan calon yang bertanding, melalui manifesto dan segala janji yang diberikan. Penyundi akan memilih calon yang terbaik dan manifesto parti yang bertanding.

Parti politik boleh saja mendakwa partinya akan bertanding banyak kerusi dan akan menawan banyak negeri dalam PRU14. Itu boleh saja dikatakan, tidak perlu apa-apa bayaran. Hanya sebuah kata-kata yang boleh mengegarkan, malah untuk menyenangkan hati.

Dari itu, AMANAH perlu bekerja keras bersama komponen dalam Pakatan Harapan untuk mencapai kemenangan dalam PRU14 dengan mengekalkan hubungan erat dengan non-Muslim seperti yang ada sekarang.



Presiden AMANAH, Mohamad Sabu dan Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang sentiasa mengambil berat isu hubungan antara kaum.

Perubahan pasti berlaku di Sarawak

BAGAIMANA perkembangan AMANAH Sarawak sekarang?

Alhamdulillah AMANAH sekarang berkembang dengan pesat. Kita tengah menunggu untuk mendaftarkan beberapa lagi kawasan yang baru selain kawasan Bintulu dan kawasan Miri sebelum ini.

Antara kawasan yang akan kami daftarkan adalah Santubong, Tanjung Manis, Batang Sadong, Sibul, dan beberapa lagi kawasan yang sedang dikenal pasti.

Apakah kesan penyertaan AMANAH dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak tahun lepas khususnya terhadap perkembangan AMANAH di negeri ini?

Walaupun baru ditubuhkan secara serentak di semua negeri semasa majlis penubuhan Parti Amanah Negara pada 16 September 2015 yang lalu, kami menyahut cabaran yang datang apabila menyertai Pilihan Raya Negeri Sarawak yang ke-11 dengan menghantar 13 orang calon dari pelbagai latar belakang.

Kami mempunyai calon dari kalangan wanita, golongan muda, dari kalangan bangsa Melayu, Iban dan Melanau. Kami juga mengemukakan calon yang berpengalaman, veteran dan pernah menjawat jawatan dalam sektor awam.

Kesan yang paling ketara kini adalah AMANAH dipandang sebaris dengan parti yang lain walaupun baru beberapa bulan ditubuhkan ketika itu.

Salah satu dari kebanggaan kami adalah AMANAH Sarawak yang mula-mula sekali bertanding dalam pilihan raya berbanding negeri-negeri lain. Alhamdulillah.

Adakah AMANAH masih meneruskan khidmat di kawasan-kawasan yang ditandingi pada PRN lalu. Apa sambutan masyarakat?

Ya, kami masih pergi ke kawasan yang kami tandingi pada PRN yang lalu walaupun terdapat banyak kekangan seperti kos pengangkutan, jarak yang jauh dan sebagainya.

Sesuai dengan motto parti kita iaitu 'Amanah, Progresif dan Peduli', sudah semestinya kita perlu cakna dengan keadaan dan susah senang rakyat.

Tentang perkara ini, saya teringat dengan kisah Saidina Umar yang meronda di tengah malam untuk meninjau keadaan rakyatnya. Apabila melalui sebuah kawasan, beliau

MOHAMAD FIDZUAN ZAIDI, 39, menggalas tugas sebagai Pengerusi AMANAH Sarawak ketika parti itu mula bertapak di negeri tersebut lebih setahun lalu. Graduan Universiti Malaysia Sarawak dalam jurusan Internet Working Technology, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat ini pernah belajar di Kolej Islam Sultan Alam Shah (Kisas) Selangor.

Telah beristeri dengan lima cahaya-mata, beliau mula berkecimpung di arena politik dengan menyertai Pas. Kagum dengan dua tokoh Pas, Almarhum Ustaz Fadzil Mohd Noor dan Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat beliau tertarik untuk menceburkan diri dalam politik selepas mengikuti ceramah Mohamad Sabu yang kini Presiden AMANAH berkaitan isu semasa negara.

terdengar anak kecil yang menangis kelaparan kerana menunggu ibunya memasak. Dek kerana terlalu lapar, si ibu menyuruh si anak tidur dahulu sementara menunggu makanan masak, sedangkan yang di masak hanyalah seketul batu.

Menyedari akan keadaan tersebut, Saidina Umar bergegas ke perbendaharaan negara lantas membawa sendiri seguni tepung untuk keluarga tersebut.

Kisah ini menjadi pendorong kepada kami untuk berkhidmat kepada rakyat negeri ini khususnya mereka yang terpinggir dan me-



merlukan bantuan tanpa mengira masa mahu pun musim pilihan raya.

Sentimen kenegerian begitu mendalam di Sarawak dan dieksploitasi BN sepenuhnya. AMANAH dianggap sebagai parti Semenanjung. Bagaimana AMANAH Sarawak menghadapi situasi ini?



Pakatan Harapan Sarawak mencapai persetujuan awal pembahagian kerusi bagi PRU akan datang.

Sentimen dan semangat kenegerian memang wujud dalam setiap warga negara Malaysia. Ini perkara normal dan lumrah.

Yang menjadi masalah apabila jurang perbezaan antara kemajuan di Semenanjung Malaysia dengan kami yang berada di Sabah dan Sarawak yang amat ketara dan berada jauh terkebelakang terutama dari segi kemudahan asas dan infrastruktur.

Begitu juga apabila jurang antara bandar dengan luar bandar. Ramai yang beranggapan bahawa AMANAH adalah parti Semenanjung. Sebenarnya AMANAH adalah parti semua negeri-negeri yang ada di Malaysia sejajar dengan semangat federalisme yang dipegang oleh semua rakyat Malaysia.

AMANAH Sarawak juga diterajui anak tempatan yang tahu tentang budaya, cara hidup dan sensitiviti masyarakat tempatan.

Pakatan Harapan Sarawak telahpun mengadakan rundingan pengagihan kerusi bagi PRU-14. Setakat ini, berapa kerusi Parlimen bakal ditandingi AMANAH di Sarawak?

AMANAH adalah rakan baru dalam Pakatan Harapan dan menggantikan Pas dalam pertandingan PRU akan datang. Insya Allah, kami akan bertanding di semua kerusi yang ditandingi oleh Pas pada masa lalu bagi mewakili Pakatan Harapan iaitu Parlimen Kota Samarahan, Parlimen Batang Sadong, Parlimen Tanjung Manis, Parlimen Igan dan Parlimen Sibuti.

Bersandarkan keputusan PRN tahun lalu, adakah AMANAH yakin dapat melakukan kejutan dalam PRU akan datang?

Apa yang berlaku pada Pilihan Raya Negeri yang lalu adalah merupakan sentimen yang berlainan dengan sentimen Pilihan Raya Parlimen pada masa akan datang.

Kos kehidupan yang semakin meningkat dan juga peluang pekerjaan yang semakin berkurang kini menjadi isu utama di negeri ini. Sekiranya kita mampu untuk menawarkan gandingan parti pembangkang yang bersatu dan dapat menawarkan formula pemerintahan negara yang dapat meyakinkan masyarakat, tidak mustahil berlakunya gelombang perubahan di kalangan rakyat.

Kami mendekati masyarakat bagi mendengar sendiri masalah dan cadangan dari mereka.

LIHAT MUKA 7



Fidzuan bersama Timbalan Setiausaha Agung AMANAH Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus menyampaikan cenderahati kepada bekas calon AMANAH Dun Gedong Rapelson Richard Hamit.



Program kebajikan terus dilaksanakan AMANAH Sarawak bagi mendekati masyarakat terpinggir.

Pilih pemimpin atas semangat fastabikul khairat

PEMILIHAN Gabenor Jakarta menarik perhatian seluruh dunia khususnya di kalangan orang-orang Islam. Kenyataan-kenyataan secara 'sweeping statement' amat berbahaya kepada masa depan keharmonian antara agama dan kaum di atas muka bumi ini.

Pada pandangan saya, kenyataan sebahagian para ulama mengatakan wajib memilih Anies kerana dia beragama Islam dan wajib menolak Ahok kerana dia orang Cina dan beragama Kristian, barang kali sesuai ditunjukkan di sesetengah tempat tetapi tidak boleh dibuat kenyataan secara menyeluruh.

Tahaluf Siyasi atau persefahaman politik sering dibuat oleh ahli-ahli gerakan Islam di atas muka bumi ini. Pengalaman di Malaysia, parti Islam pernah membuat tahaluf dengan orang-orang bukan Islam.

Pada pilihan raya umum 2008 dan 2013, orang-orang bukan Islam sanggup mengundi calon-calon dari parti Islam sehingga calon-calon daripada parti Islam mendapat kemenangan di hampir 30 kerusi parlimen.

Begitulah juga parti Islam menang sehingga 15 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) di Selangor, iaitu sebuah negeri yang masyarakatnya majmuk, di mana orang bukan Islam sanggup mengundi calon-calon dari parti Islam selain calon daripada parti mereka.

Tahaluf Siyasi atau kerjasama politik

ini berjalan begitu baik sekali. Kalaulah kita meletakkan orang Islam hanya wajib memilih calon Islam, orang bukan Islam juga boleh mengatakan sedemikian dengan mereka hanya memilih calon yang bukan beragama Islam.

Maka bayangkan apa akan terjadi kepada Datuk Bandar London, Sadiq Khan yang beragama Islam kerana penduduk Islam London berjumlah tidak sampai 20 peratus. Namun di atas kehebatan dan kecekapan-nya, beliau diundi sebagai Datuk Bandar oleh warga kota London.

Begitulah kerusi-kerusi Parlimen. Beberapa orang Islam menang mewakili parlimen dan majlis bandar di United Kingdom kerana mereka saling bertahaluf dan bekerjasama dalam politik.

Begitu juga tentang orang-orang Islam yang menang sebagai Ahli Parlimen di Perancis, Jerman dan lain-lain

MINDA PRESIDEN



MOHAMAD SABU



Sadiq Khan dipilih sebagai Datuk Bandar London walaupun penduduk London beragama Islam hanyalah minoriti.

negara, hanya disebabkan adanya tahaluf atau kerjasama antara orang Islam dan bukan Islam terutamanya dari sudut membuat kebaikan dan kebajikan.

Sepatutnya kita perlu utarakan tentang konsep

'fastabikul khairat' atau berlumba-lumba untuk mengejar atau membuat kebajikan. Sesiapa yang mampu memberikan kebajikan kepada rakyat, tidak rasuah, tidak sombong, tidak menyeleweng, itulah pilihan rakyat yang dipilih, bu-

kan semata-mata di atas latar belakang agama seseorang.

Bayangkan juga jika ada yang mengatakan orang Islam wajib memilih calon Islam, dan orang bukan Islam pula hanya boleh memilih calon yang bukan Islam, maka tidak ada satu kerusi parlimen pun orang Islam akan menang di benua India. Ini kerana tidak ada satu kawasan parlimen di benua India yang majoriti mutlaknya orang Islam. Kalau ada pun di kerusi campuran, orang Islam paling tinggi sekitar 30 peratus dan tidak pun melebihi 50 peratus.

Di Indonesia, Anies seharusnya diangkat atas faktor kehebatannya, intelektualnya, ataupun kecemerlangannya tetapi bukan atas faktor agama Islamnya semata-mata. Kempoen bersifat agama seperti itu merbahaya pada masa hadapan dan akan menyebabkan terbuka ruang kepada orang melakukan rasuah dan salah guna kuasa dengan mengambil kesempatan atas nama Islam.

Sebab itu 'sweeping statement', bahawa orang Islam wajib memilih Anies kerana ia Islam dan wajib menolak Ahok kerana dia Cina dan beragama Kristian, hanya memberi implikasi buruk pada masa hadapan politik Indonesia, politik Asia Tenggara dan politik dunia.

Bagi parti Islam AMANAH, kita akan terus berjuang dengan membawa Islam sebagai rahmat untuk semua di samping konsep berlumba untuk melakukan kebajikan, kebaikan kepada manusia dan kepada alam.

Inilah konsep perjuangan sebenarnya dan bukan menempah satu kenyataan yang akhirnya mengikat umat Islam untuk muncul memimpin pada masa akan datang. ■

DARI MUKA 6

Selain itu, akhbar mingguan Amanah juga banyak membantu terutama versi digital kerana capaian maklumat sekarang semakin menyeluruh.

Apakah tawaran AMANAH kepada rakyat Sarawak?

Memandangkan pilihan raya kali ini adalah pilihan raya umum dan bukannya pilihan raya negeri, jadi tawaran kami adalah bersifat tawaran Pakatan Harapan Malaysia untuk

rakyat negeri Sarawak.

Sekiranya terpilih mewakili mana-mana Parlimen di negeri Sarawak, kami akan memastikan hak negeri Sarawak seperti mana dalam Perjanjian Malaysia dilaksanakan.

Kami juga akan memastikan jurang antara pembangunan di Sarawak dan juga Sabah seiringan dengan pembangunan di negeri-negeri di Semenanjung terutama yang berkaitan dengan keperluan

asas dan infrastruktur.

Kami juga akan memastikan semakin banyak peluang pekerjaan dicipta di semua daerah dengan bantuan agensi kerajaan persekutuan yang memastikan komuniti tempatan juga merasai nikmat kekayaan negara.

Begitu juga dengan pelaksanaan gaji minima yang kami rasakan amat rendah terutamanya di Sarawak, dan kami mencadangkan agar gaji

minima adalah bersesuaian dengan kadar kos kehidupan semasa.

Institusi kekeluargaan juga mesti diperkukuhkan dengan memperbanyakkan aktiviti yang dapat mengeratkan ikatan keluarga.

Apakah yang saudara harapkan daripada rakyat Sarawak?

Kami mengharapkan agar rakyat Sarawak berubah dengan memberi

peluang kepada Pakatan Harapan Sarawak terutamanya dari Parti Amanah Negara Negeri Sarawak untuk mewakili mereka dalam Dewan Rakyat sesi akan datang.

Wakil rakyat dari Barisan Nasional Sarawak dilihat tidak berbunyi dan tidak dilihat memperjuangkan suara rakyat Sarawak di Parlimen, sedangkan masih banyak masalah tidak disuarakan.

“ Kami juga akan memastikan jurang antara pembangunan di Sarawak dan juga Sabah seiringan dengan pembangunan di negeri-negeri di Semenanjung terutama yang berkaitan dengan keperluan asas dan infrastruktur. ”



Majlis pelancaran AMANAH Negeri Sarawak.



Majlis ilmu turut dianjurkan bagi mengislah masyarakat.

Tsunami Mahathir diramal dalam PRU 14

KETIKA Pas meramalkan akan berlaku 'tsunami hijau' dalam pilihan raya akan datang ini, penganalisis berpendapat, 'Tsunami Mahathir' yang akan berlaku.

Pensyarah Kanan dari Sekolah Perdana Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Mazlan Ali berkata, di mana-mana sahaja Mahathir pergi sekarang, orang ramai akan turun menyambut beliau.

Mazlan berkata, petanda-petanda sokongan rakyat terhadap Dr Mahathir dari segi penilaian sains politik, apabila kehadiran ramai penyokong di kalangan orang Melayu yang di luar kelaziman.

"Petanda bahawa rakyat mahukan perubahan apabila kita melihat orang perempuan bawa anak kecil dan ada golongan muda berseluar pendek hadir mendengar ceramah. Petanda ini antaranya dapat dilihat dalam ceramah-ceramah Tun Mahathir.

"Beberapa perhimpunan dilakukan Tun Mahathir di kawasan majoriti pengundi Melayu boleh mencecah 3,000-5,000 orang misalnya di Jerantut, Pasir Puteh dan beberapa kawasan lain.

"Potensi Tun Mahathir ini 'merbahayakan' kepada sokongan rakyat terhadap Umno-BN," ujarnya kepada laman web *Malaysia Dateline*.

Pengarah Pusat Kajian Strategik Pas (PPP), Dr Mohamad Zuhdi Marzuki meramalkan akan

berlaku 'tsunami hijau' iaitu tsunami sokongan kepada Pas yang simbolnya berwarna hijau dalam pilihan raya umum akan datang.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi pula berkata, hasil kajian dalaman yang dijalankan oleh partinya menunjukkan mereka mempunyai peluang cerah memenangi 40 kerusi Parlimen pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"Kita ada kajian sendiri dan tidak menerima yang lain. Kajian kami bukan berdasarkan telefon, rambang tetapi ia (maklum balas) daripada jentera seluruh negara," katanya pada sidang media di Kota Sarang Semut Jumaat 28 April lepas selepas selesai muktamar Pas ke 63.

Seorang lagi pengkaji, Mohamad Hisomuddin Bakar mempertikaikan ramalan Pas ini.

Pengerusi Eksekutif Ilham Centre yang banyak membuat kajian tentang Pas i

tu bertanya, apa asas perkiraan Pas kali ini.

"Paling saya nak tahu, apakah simulasi Pas ini masih meletakkan undi bukan Melayu di tahap lama.

"Mustahil sebenarnya jika hanya bergantung kepada undi Melayu untuk dapat 40 kerusi," kata beliau.

BN DALAM BAHAYA

Bagi Mazlan, Perdana Menteri Datuk Seri Mohd



Najib Razak berhadapan waktu getir untuk menentukan tarikh Pilihan Raya Umum ke-14 masuk penggal ketiga pemerintahannya kali ini.

Ini kerana, katanya, kerajaan Umno-BN berhadapan tentangan kuat di kalangan orang Melayu yang menyokong perjuangan Tun Dr Mahathir Mohamad dalam Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) yang kini menyertai gabungan Pakatan Harapan yang dianggotai PKR, DAP dan Amanah untuk menolak kerajaan BN.

Beliau menjangkakan waktu paling kondusif pilihan raya umum akan diadakan pada Ogos atau September tahun ini dan waktu efektif pada Mac 2018.

"Hari ini situasi tidak memihak kepada perdana menteri dan kerajaan Umno-BN.

"Kalau boleh petunjuk ekonomi, harga minyak, penyelesaian 1MDB dan jika kerajaan boleh buat inisiatif dalam bajet memainkan peranan untuk kerajaan kembali menambat hati rakyat.

"Kerajaan ada masa lagi dan saya percaya waktu kondusif antara Ogos dan September tahun ini.

"Jika ia tidak berlaku maka waktu efektif pada Mac tahun hadapan pilihan raya umum akan diadakan.

"Ini kerana cabaran sangat getir dan meletihkan dihadapi oleh perdana menteri kerana

tentangan daripada Tun Mahathir dan penyokongnya di kalangan dalam Umno dan gabungan parti dalam Pakatan Harapan kini," ujarnya kepada *Malaysia Dateline*.

Mazlan berkata sudah pasti kali ini perdana menteri akan lebih berhati-hati kerana potensi Dr Mahathir dalam mencipta tsunami (gelombang rakyat) sebagaimana yang pernah teretusnya gelombang rakyat pada PRU11 (2008) lalu, apabila lima negeri pernah jatuh ke tangan pembangkang.

"Hari ini sekali lagi gelombang kedua dalam tempoh 10 tahun (2008-2018) akan berlaku. Gelombang kedua lebih hebat - tidak mustahil sekiranya Pakatan Harapan boleh menang pilihan raya dan tidak mustahil Tun Mahathir akan kembali menjadi perdana menteri.

"Ini kerana melihat kepada kepimpinan ketigatiga pemimpin parti (PKR, DAP, Amanah) dalam Pakatan Harapan ini tidak ada pemimpin yang lebih berwibawa berbanding Tun Mahathir.

"Tidak mustahil akan tercatat dalam sejarah Tun Mahathir akan kembali menerajui negara-Anwar (Datuk Seri Anwar Ibrahim) tidak ada peluang jika dia dibebaskan kerana tempoh larangan kekal lima tahun tidak layak untuknya menjadi ahli politik," ujarnya.

Katanya lagi, walaupun berlaku pertandingan tiga penjur (BN, PH, Pas), BN masih berpeluang untuk kekal kerajaan tetapi ujarnya, tidak mustahil Pakatan Harapan juga boleh membentuk kerajaan tetapi kerugian adalah Pas.

"Kelebihan BN kerana wujudnya persemipadanan semula kawasan pilihan raya yang memihak kepada kerajaan.

"Pas pula kena ingat kemenangannya dalam Pakatan Rakyat (PR) dahulu kerana wujudnya anti Umno dikalangan orang Cina yang memberi undi kepada PR.

"Tetapi hari ini jika Pas bersendirian- ibarat kata kalau sebiji buah...Pas hanya tinggal 'mempuluh' isi sudah habis.

"Walaupun mereka boleh bertanding kemungkinan akan hilang wang pertaruhan dan berkemungkinan juga akan hilang kerusi yang pernah dimenangnya pada PRU 13 lalu," ujarnya.



Dr Mazlan berkata, 'Tsunami Mahathir' akan berlaku dalam PRU14 nanti.

Muktamar hasilkan persepsi buruk kepada Pas

Oleh **ZIKRI ABDULLAH**

Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar menyifatkan muktamar tahunan Pas yang berakhir Isnin 1 Mei lalu sebagai gagal dan menjadikan Pas semakin terpinggir.

"Sebagai ahli yang amat sayangkan Pas, saya sungguh sedih kerana apa yang berlaku pada muktamar itu menyebabkan persepsi orang ramai terhadap Pas semakin buruk," katanya ketika berceramah di program menuju Kelantan baru di Kota Bharu malam tadi.

Menurutnya kini Pas semakin dilihat mahu bermusuhan dengan semua orang dan semakin lunak dan mesra dengan Umno dan Barisan Nasional selepas



Mahfuz Omar

menyerang dan memutuskan hubungannya dengan rakan tahalufnya, PKR.

"Dengan keputusan bercerai talak tiga dengan PKR, kini semua parti-parti pembangkang dianggap musuh dan dilabel dengan perkataan-perkataan yang buruk," katanya.

Kepimpinan Pas kini, katanya bersifat songsang berbanding dengan kepimpinan terdahulu.

"Arwah Ustaz Fadhil, Yusuf Rawa serta Tuan Guru Nik Abdul Aziz mencari kawan seramai mungkin sementara Tuan Guru Haji Hadi menghalau kawan-kawan yang sudah lama bersama," katanya.

Mengambil semangat Israk dan mikraj, Mahfuz berkata Allah SWT membuka kaedah siasah dan dakwah kepada Rasulullah SAW.

"Ketika baginda bersedih kerana

kematian isteri dan bapa saudara yang banyak membatu, Allah menunjuk jalan.

"Peristiwa perjalanan malam ini membawa nabi bertemu nabi-nabi terdahulu.

"Ini untuk gambarkan usaha dakwah dan siasah ini bukan kita keseorangan tetapi ada ramai kawan yang menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan.

"Sebab itu dalam melaksanakan kerja besar dan berat mesti kita ramai-kawan bukan cipta permusuhan dengan semua orang," katanya.

Mengenai tuduhan kepada Amanah sebagai parti pengkhianat, beliau mengingatkan Pas supaya meneliti sejarah.

"Dulu sudah ada orang Pas keluar parti tubuh Berjasa dan Hamim.

"Masa buat Angkatan Perpaduan Ummah untuk jatuhkan Umno tahun 1990, Tok Guru Aziz terima meraka bersama.

"Kalau parti bekas orang Pas ini pengkhianat, adakah kita nak kata arwah Tok Guru telah berpakat dengan pengkhianat," soal beliau.

Beliau turut menyeru ahli Pas supaya berani menegur pimpinan jika mahu parti itu terus maju.

"Memang kita kena taat kepada parti, tapi bila jelas ada perkara yang merosakkan, teguran mesti dibuat.

"Islam bukan agama yang suruh ikut tanpa membuat penilaian dalam segala perkara," katanya.

Jahanam PAN dan ribut: **Maafkan mereka, doakan mereka**

Bermula dari kecaman terhadapnya oleh Dewan Ulama sehinggalah kepada tragedi ribut melanda Pas, AMANAH sentiasa menunjukkan sikap positif dalam berpolitik di negara ini.

Kecaman 'Jahanam PAN' dijawab dengan maafkan mereka manakala ketika tragedi ribut yang melanda muktamar Pas pula, AMANAH cepat-cepat meminta ahlinya mendoakan kebaikan untuk mangsa ribut itu walaupun didakwa menyindir oleh pemimpin Pas.

"Saya berharap semoga semua rakyat negeri Kedah, khususnya ahli-ahli Pas yang berkampung sempena muktamar agar bertenang dan saya berdoa semoga mereka semua berada dalam keadaan selamat," kata Presiden AMANAH, Mohamad Sabu dalam satu kenyataan segera selepas berlaku ribut itu.

Kecaman Dewan Ulama Pas terhadap AMANAH dalam muktamar sayap utama parti itu tidak langsung mendatangkan kesan kepada para pemimpin parti gabungan Pakatan Harapan tersebut, malah Naib Presiden AMANAH menasihati anggota parti itu supaya memaafkan dan mendoakan kebaikan terhadap mereka.

Naib presiden AMANAH, Hasnuddin Mohd Yunus dalam pesanan yang tular di media sosial mengemukakan pertanyaan, "Adakah anda semua boleh dan mampu tersenyum puas kalau ada rakan anda tersasul memaki orang lain?"



Kawasan khemah yang diserang ribut di muktamar Pas.

Beliau lantas memetik firman Allah SWT dalam surah Al-Hujarat ayat 11 yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah sekumpulan orang laki-laki merendahkan kumpulan yang lain, boleh jadi yang ditertawakan itu lebih baik dari mereka. Dan jangan pula sekumpulan perempuan merendahkan kumpulan lainnya, boleh jadi yang direndahkan itu lebih baik; dan janganlah suka mencela dirimu sendiri dan jangan memanggil dengan gelaran yang mengandung ejekan; seburuk-buruk panggilan adalah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan barangsiapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim."

Hasnuddin juga memetik hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan



Polis dan bomba membantu mangsa.



Sebuah jentera bomba memberi bantuan kepada mangsa ribut.

oleh Muslim yang bermaksud: "Memadai seseorang dikira berbuat keburukan jika dia merendahkan saudaranya sesama muslim."

Beliau juga mengingatkan tentang sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Sesungguhnya darah kalian, harta kalian dan kehormatan kalian haram atas kalian..." (HR Bukhari Muslim)

Hasnuddin turut mengingatkan ahli Amanah bahawa setiap kumpulan

umat Islam mempunyai maruah dan kehormatan walaupun cara mereka tidak dipersetujui kelompok yang lain.

Malah katanya, Rasulullah s.a.w. menghalang umat Islam mencela saudara Islamnya yang lain berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim:

"Mencela seorang muslim adalah kefasikan, dan membunuhnya kekefuran."

"Semoga semua yang membaca

coretan sedia memaafkan mereka.

"Tuhan akan tinggikan kemuliaan dan maruah kita apabila kita bersabar, memaafkan dan mendoakan kemampuan buat mereka yang melaknat dan mencera kita," ujarnya.

Ketika majlis pembukaan Muktamar Dewan Ulama, Ketua Dewan Ulama Pas Kedah Mohd Rejab Md Akhir meminta para perwakilan supaya berdiri dan mengetuai ikrar yang diakhiri dengan laungan 'Jahanam PAN' (AMANAH), diikuti laungan takbir.

"Sebelum saya memulakan ucapan, saya minta semua berdiri kita baca ikrar 'Jahanam PAN,'" kata Rejab ketika menyampaikan ucapan pembukaan yang dirasmikan Timbalan Mursyidul Am Datuk Ahmad Yakob.

Bagaimanapun, rata-rata pengguna media sosial mengemak sikap Pas tersebut sekaligus mempersoalkan sejauh mana parti yang memusuhi Pakatan Harapan itu mengamalkan 'budaya politik matang dan sejahtera' seperti yang dilayangkan.

Sementara itu, penganalisis politik yang juga pensyarah universiti awam, Dr A Zachary S memandang berat kecenderungan pemimpin Pas mengutuk dan melaknat lawan politik mereka.

Menurut beliau, perkataan 'laknat' boleh dilihat dari dua makna iaitu cerca, kutuk dan pengusiran dari rahmat Allah.

Dr Zachary menjelaskan, melaknat orang mukmin lain oleh seorang mukmin termasuk dalam perkara dosa dan Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Sesiapa yang melaknat seseorang Mukmin, maka itu seperti membunuhnya." [HR Bukhari, 10/464]

Malah tambah beliau, Allah SWT sendiri melarang umat Islam melaknat seorang kafir secara individu.

Menurutnya, Rasulullah s.a.w. pernah ditegur Allah SWT kerana mendoa laknat Abu Jahal dan kafir Quraisy menerusi firman-Nya:

"Tidak ada sedikit pun campur tanganmu dalam urusan mereka itu atau Allah menerima taubat mereka atau mengazab mereka kerana sesungguhnya mereka itu orang-orang yang zalim." [Ali Imran: 128]

"Hukum melaknat orang kafir yang masih hidup dilarang oleh Allah kerana boleh jadi Allah merahmati dia sehingga dia mendapatkan hidayah untuk memeluk Islam dan menjadi orang mukmin.

"Jika orang kafir pun dilarang Allah kita melaknat, inikan pula sesama muslim dan mukmin?" ujar beliau.



Seorang mangsa ribut yang cedera diberikan rawatan.



RAFIZI RAMLI

Oleh ARIF ATAN

Rafizi lucu dicabar Pas

Presiden Keadilan berasa lucu dengan cabaran perwakilan Pemuda Pas dari Selangor, Mohd Sukri Omar supaya beliau 'berani menjadi anak jantan' dan bertanding sekali lagi di parlimen berkenaan.

"Saya berasa lucu dengan cabaran itu. Jika tidak kerana tindakan pentadbiran Datuk Seri Najib Razak yang secara berterusan mengheret saya ke mahkamah (sama ada pertuduhan jenayah atau saman sivil), saya sudah

tentu akan mempertahankan kerusi Parlimen Pandan.

"Lagi pun, saya adalah wakil pembangkang pertama yang memenangi kerusi itu dengan majoriti yang besar iaitu sekitar 27,000 undi (atau 67 peratus undi popular).

"Malah kemenangan PRU-13 lalu menjadikan saya ahli parlimen Melayu pembangkang yang mempunyai saiz majoriti paling

besar di seluruh negara, jauh meninggalkan sahabat-sahabat dari Pas," jelasnya.

Turut membandingkan pencapaian pimpinan kanan Pas, Rafizi berkata, undi Melayu yang dimenangnya di peringkat Parlimen Pandan jauh meninggalkan undi Melayu yang dimenangi Naib Presiden Pas, Datuk Iskandar Abdul Samad yang bertanding di Dewan Undangan Negeri (Dun) Cempaka iaitu dalam Parlimen Pandan.

"Maknanya ada pengundi Melayu di Pandan yang mengundi saya tetapi tidak mengundi Pas. Sebab itu adalah sangat lucu apabila Pemuda Pas mencabar saya bertanding di Pandan kerana saya bukannya takut atau mahu lari ke mana-mana!" tegasnya dalam satu kenyataan.

Sukri mencabar Rafizi jika pemimpin itu sanggup berdepan dengan gerak gempur yang dilancarkan ahli-ahli Dewan Pemuda Pas selain mendakwa tuduhan Rafizi yang

kerap dilemparkan terhadap kepemimpinan parti itu sebagai tidak berasas.

Mengulas lanjut, Rafizi menjelaskan dirinya tidak dapat bertanding lagi dalam pilihan raya akan datang kerana telah dijatuhkan hukuman penjara satu tahun setengah atas pertuduhan membongkar Laporan Ketua Audit Negara berkaitan 1MDB.

Beliau mendedahkan bagaimana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak membayar anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan geran kerajaan diambil 1MDB walaupun dikeluarkan untuk anak syarikat LTAT.

"Malah saya mengikuti laporan serangan Pemuda Pas terhadap saya dari kandung tertuduh di Mahkamah Sesyen 8, Mahkamah Shah Alam atas pertuduhan berhubung pendedahan saya mengenai skandal NFC (Pusat Fidlot Negara) dahulu," tambah Rafizi lagi.

KUALA LUMPUR: Bukan tidak mahu bertanding di Parlimen Pandan tetapi tindakan pentadbiran Najib yang tidak putus-putus mengheretnya ke mahkamah menyebabkan Rafizi Ramli tidak dapat mempertahankan kerusi yang dimenangnya itu.

Sehubungan itu, Rafizi yang juga Naib

Pakatan Harapan bela nasib bekas tentera

MERBOK: Nasib ramai bekas tentera tidak terbela sehingga ada yang terpaksa hidup miskin dan mengharapkan simpati orang ramai walaupun telah berjuang mempertahankan nyawa untuk negara.

Ketua Pendaftar Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Kedah, Mejar (B) Anuar Abdul Hamid berkata, ramai bekas tentera yang hidup miskin dan perlu menangan-

gung keluarga setelah bersara.

"Kalau tidak percaya cuba semak buku akaun bank mereka, ada yang baki tidak sampai RM100.

"Yang amat memilukan masih ada yang masih berhutang pinjaman perumahan serta anak yang masih belajar di universiti dan bersekolah," jelasnya lagi.

Khidmat yang dicurahkan bekas tentera, ujar beliau seperti

tidak dikenang dan dibalas kerana janji-janji untuk mengurniakan tanah kepada bekas perajurit masih belum tertunai.

"Sepatutnya selepas berkhidmat melebihi tempoh tertentu, bekas tentera sudah mempunyai kediaman dan tanah seperti mana yang dijanjikan.

"Dalam sisa baki usia yang ada, bekas tentera terpaksa mencari sesuap nasi dengan berjaga siang

dan malam sebagai pengawal keselamatan dan seumpamanya," tegasnya.

Menurutnya, terdapat juga bekas tentera yang terpaksa mencari rezeki dengan menjadi nelayan, turun ke bendang dan juga mencari upah membuat kerja-kerja kampung.

Sehubungan itu, tambah beliau, Pakatan Harapan akan memberi perhatian terhadap

masalah perumahan, pendidikan anak-anak dan kesihatan bekas tentera jika diberi peluang menerajui Putrajaya.

Turut berucap pada majlis ceramah Pakatan Harapan itu ialah Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar, Ahli Parlimen Sungai Petani Datuk Johari Abdul dan Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional Faiz Fadzil.

Jangan sampai dilihat sayangkan jawatan

KUALA LUMPUR: Ahli parlimen Pas meminta pimpinan parti itu agar jangan sampai dilihat 'kebuloq' (lapar) hendak jawatan apabila memutuskan hubungan dengan Keadilan tetapi mahu kekal dalam kerajaan negeri Selangor yang menteri besarnya disandang Keadilan.

Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar berkata, beliau dari awal mahu Pas mengekalkan hubungan den-

gan parti pembangkang yang lain khususnya Keadilan.

"Tetapi kalau sudah kita buat keputusan putus dengan Keadilan, kita kena keluarlah dari Kerajaan Negeri Selangor. Kalau kita kekal dalam Kerajaan Negeri Selangor, nanti orang kata kita 'kebuloq' nak jawatan," kata bekas Naib Presiden Pas itu.

Mahfuz tidak bersetuju dengan kenyataan Ketua Pemuda Pas yang baru Mohamad Khalil

Abdul Hadi bahawa Pas tidak perlu keluar dari kerajaan negeri walaupun memutuskan hubungan dengan Keadilan.

"Exco Selangor dilantik atas cadangan Menteri Besar. MB adalah dari Keadilan. Bila sudah putus hubungan dengan Keadilan, kena berundurilah.

"Rakyat hanya melantik Adun dan ahli parlimen tetapi Exco dilantik atas nasihat dan cadangan MB, bukan oleh

rakyat," kata Mahfuz.

Mahfuz mengingatkan Khalil bahawa ketika Datuk Seri Azmin Ali dilantik sebagai Menteri Besar, beliau hanya melantik tiga exco Pas berbanding empat ketika Tan Sri Khalid Ibrahim menjawat Menteri Besar Selangor.

"Ini menunjukkan nak lantik exco dan bilangannya berapa bergantung kepada Menteri Besar bukan ditentukan oleh

rakyat," katanya.

Muktamar Pas Pusat pada 30 April lalu telah meluluskan usul memutuskan hubungan dengan Keadilan.

Usul itu kemudian diserahkan kepada Majlis Syura Pas.

Khalil ketika sidang media mengumumkan, Pas tidak perlu keluar dari Kerajaan Negeri Selangor kerana Exco bukan dilantik oleh Keadilan atau DAP.

Sentimen kaum halangan besar lakukan perubahan

KUALA KEDAH: Presiden AMANAH Mohamad Sabu menyifatkan pendirian Pas pada masa ini jauh berbeza dengan apa yang pernah ditekankan dahulu.

Bekas Timbalan Presiden Pas itu berkata, parti berkenaan sebelum ini mendidik ahlinya supaya melawan asabiah atau perkauman serta menolak pihak yang membelakangi keadilan.

"Kita diajar lawan asabiah. Dalam usrah dan pengajian, kita ditekankan jangan cenderung kepada orang yang zalim. Sekarang, puak yang bercakap itu bersama Umno untuk memainkan isu sentimen Melayu Islam.

"Dulu parti lama (Pas) dituduh parti ajaran sesat, parti ajaran menyeleweng, parti menentang pembangunan.

"Kita pun terpaksa jelajah seluruh Malaysia terangkan bahawa kami bukan sesat, kami menentang penyeleweng bukan pembangunan, kami tidak salah guna agama.

"Sekarang? (Timbul) tuduhan 1MDB, RM90 juta, tuduhan RM200 juta, Q7," ujarnya pada Ceramah Pakatan Harapan dekat sini, 28 April lalu.

Mengulas pendedahan Naib Presiden Keadilan, Rafizi Ramli tentang pihak yang terlibat dalam skandal 1MDB, beliau berpendapat sentimen kaum dan agama yang sedang diperalat berisiko untuk menghalang rakyat melakukan perubahan.

Tambahan pula jelasnya, apabila Presiden Pas mengeluarkan kenyataan dibolehkan turut mengundi Umno pada Pilihan Raya Umum

ke-14 (PRU14).

"Rafizi dedah kepincangan Najib, tiba-tiba pemimpin parti lama saya kata pilihan raya akan datang boleh undi Umno atau undi Pas. Ini apa ini? Apa dah jadi?"

"Saya yakin kalau rakyat Malaysia berfikir secara emosional walaupun Rafizi dedah penyeleweng macam mana pun, tidak akan berani tukar (kerajaan)," tegas Mohamad yang mesra dikenali sebagai Mat Sabu.

Berucap pada ceramah umum Pakatan Harapan di Pejabat BPR Dun Kubang Rotan, Taman Kekwa, dekat sini, beliau turut mendedahkan isu yang diketengahkan sekumpulan intelektual Melayu yang mengunjungi pemimpin AMANAH baru-baru ini.

"Ada Tan Sri, bekas Ketua Pen-

garang Utusan, bekas pegawai kerajaan yang hebat. Mereka juga tidak lama lagi akan mengunjungi Keadilan.

"Mereka kata orang Melayu jangan berpecah sangat. Jangan terlalu keras melawan pemerintah yang ada. Salah seorang Tan Sri itu kata kalau berpecah begini, Kit Siang akan ambil alih pemerintahan Malaysia.

"Dia kata dia ada maklumat yang cukup, dia ada rakaman ucapan Kit Siang kalau Melayu berpecah, Cina akan perintah Malaysia.

"Ini Tan Sri bekas pegawai kerajaan yang cukup berpengaruh (yang bercakap)," kata Mohamad.

Sehubungan itu, beliau berpendapat pendekatan memainkan sentimen perkauman

ini akan dilaksanakan Umno dan Pas dalam kempen pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun beliau optimis kerajaan yang dikuasai BN akan dapat ditumbang sekiranya majoriti rakyat berfikir secara rasional berdasarkan fakta.

"Kalau fikir secara akal, rasional, secara matematik, rakyat akan tukar pemerintahan kerana dia tahu Lim Kit Siang tidak akan boleh memerintah secara bersendirian.

"Saya yakin dengan penerangan yang ada, dengan pencapaian kita dapat 52 peratus undi popular (pada PRU13). Dengan datangnya Bersatu, Mahathir, kita dapat buang ketakutan itu dan BN akan tumbang PRU akan datang," tegas Mohamad lagi.

Dilantik menteri walaupun langgar syarat Kementerian Kewangan

Nor Mohamed punca BNM rugi

KUALA LUMPUR: Bekas Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim tetap bertegas bahawa kerugian ditanggung Bank Negara Malaysia (BNM) ekoran urusan tukaran wang asing (Forex) pada awal dekad 90-an berpunca daripada Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Bekas ketua pembangkang itu mendakwa, kerajaan mahu menggunakan pengakuan beliau bagi meletakkan kesalahan kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang kini mengetuai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu).

"Saya konsisten dengan kenyataan saya dalam menggesa peletakan jawatan Nor Mohamed Yakcop bagi kerugian Forex kemudiannya," kata Anwar kepada pemberita selepas perbicaraan kes qazaf di Mahkamah Syariah Shah Alam, 28 April lalu.

Anwar dipercayai mengulas dakwaan kononnya beliau sering mengubah kenyataan berhubung kerugian BNM akibat urusan Forex.

Menurut Anwar, beliau memilih untuk

bekerjasama dengan Pasukan Petugas Khas Forex selaku mantan Menteri Kewangan (1991-1998) dan berpuas hati dengan ruang yang diberikan oleh Pengerusinya Tan Sri Sidek Hasan.

"Mereka mahu menggunakan saya untuk menyerang Mahathir, tetapi saya berkata kamu tidak boleh menggunakan ini untuk menyerang Mahathir semata-mata," katanya ketika diiringi pegawai penjara dan polis.

Dalam kenyataan media sebelum ini, Anwar menjelaskan ketika menyandang Menteri Kewangan, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Zain Azraai Zainal Abidin menyatakan kebimbangan Perbendaharaan Amerika, Bank Pusat England dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tentang penglibatan BNM dalam urusan Forex bermula dari 1989.

Bagaimanapun, Gabenor BNM Tan Sri Jaafar Hussein menafikan penglibatan aktif BNM dalam Forex sambil menekankan ia adalah sekadar mempertahankan kedudukan ringgit dalam pasaran.

Ekoran laporan yang membimbangkan dari media antarabangsa dan pasaran Zurich, sekitar akhir 1991 dan awal 1992, Anwar sekali lagi meminta penjelasan dan Jaafar menjelaskan Pengarah Urusan BNM yang terlibat dalam urusan itu ialah Nor Mohamed Yakcop.

Gabenor BNM, kata Anwar akhirnya mengakui jumlah terlibat adalah lebih besar dari yang dijangka dan oleh kerana beliau dan Kementerian Kewangan tidak dimaklumkan mengenai hal itu, Jaafar sendiri menjelaskan kepada media dengan menyebut "kerugian atas kertas".

"Berikutnya saya terpaksa menangani permasalahan tersebut di Parlimen, terutama persoalan-persoalan yang dibangkitkan Ketua Pembangkang ketika itu, YB Lim Kit Siang.

"Kerajaan memberikan penjelasan BNM sambil menjelaskan keutuhan ekonomi. Namun saya menegaskan arahan agar BNM menghentikan dagangan Forex tersebut," ujarnya.

Bagaimanapun di luar pengetahuan

beliau, urusan tersebut diteruskan pada 1993 dan jumlah kerugian ketika itu dianggarkan sekitar RM9 bilion hingga RM10 bilion.

"Gabenor BNM membuat pengakuan kepada saya bahawa Tan Sri Nor Mohamed Yakcop tidak memberi laporan tepat kepadanya dan beliau telah menerima peletakan jawatan Tan Sri Nor Mohamed Yakcop sebagai pegawai yang bertanggungjawab.

"Tan Sri Jaafar sendiri mengambil tanggungjawab sepenuhnya, walaupun saya akui kewibawaannya dan percaya bahawa beliau tidak diberikan keterangan lengkap oleh Tan Sri Nor Mohamed Yakcop," jelas Anwar.

Urusniaga Forex itu dihentikan oleh Gabenor BNM yang baru, Tan Sri Ahmad Don pada 1994 dan mula membayar kerugian sekitar RM500 juta setiap tahun.

Menurut Anwar, setelah beliau dipenjarakan pada September 1998, Nor Mohamed Yakcop telah dilantik sebagai penasihat ekonomi kepada Perdana Menteri malah dilantik Menteri Kewangan Kedua pada 2008.

Ini katanya, bertentangan dengan syarat yang dikemukakan Kementerian Kewangan ketika Nor Mohamed Yakcop diberhentikan pada tahun 1998 yang menghalang beliau terlibat dalam mana-mana institusi kewangan negara.

'Jahanam PAN' serlah sikap fanatik Pas

ALOR SETAR: "Ganasnya ulama Pas," itulah kata-kata yang diluahkan Pengerusi AMANAH Kedah, Datuk Dr Ismail Salleh mengulas insiden yang berlaku di Mukhtar Dewan Ulama Pas Pusat yang diadakan di Sekolah Rendah Islam Darul Ulum (SRIDU), dekat sini, 27 April lalu.

Dr Ismail merujuk ucapan aluan Ketua Dewan Ulama Pas Kedah, Ustaz Mohd Rejab Md Akhir yang mengakhiri ikrar yang dibacanya dengan ungkapan "Jahanam PAN".

PAN adalah panggilan para pemimpin Pas apabila merujuk kepada AMANAH.

"Beliau bukan sahaja tidak mampu untuk menyebut nama Parti Amanah Negara sebagai Amanah tetapi sebagaimana biasa menyebut 'PAN'.

"Inilah pemikiran yang ada dalam

Dewan Ulama dan ahli-ahli Pas.

"Golongan agamawan yang banyak menentukan pemikiran dan hala tuju Pas sepatutnya memberi contoh dan teladan baik kepada ahli-ahli mereka dan juga masyarakat umum," jelasnya lagi.

Namun ulamak Pas, ujar beliau gagal mengamalkan akhlak Islam walaupun mendakwa memperjuangkan Islam.

"Mereka bukan sahaja mengelegarkan Amanah sebagai PAN, tetapi mengutuk keras dengan laungan 'Jahanam PAN'.

"Pemikiran fanatik ini bukanlah baru dan asing dalam Pas kerana fanatisme ini menyebabkan mereka tidak boleh menerima kepelbagaian dan kelainan dalam berfikir.

"Dalam Pas perbezaan pemikiran

dan pendekatan adalah satu dosa," ujarnya lagi.

Beliau turut mengimbau insiden dalam Mukhtar Tahunan Pas di Batu Pahat dua tahun lalu apabila seorang perwakilan bertaraf ustaz telah membaca doa selama 15 minit untuk mengutuk dan melaknat pemimpin yang mempunyai perbezaan pandangan dan pendekatan dalam Pas.

"Apalah yang boleh diharapkan oleh masyarakat umum kalau perbezaan pandangan sekalipun tidak dapat diraikan.

"Sebenarnya masyarakat tidak begitu bodoh untuk menilai perkara ini.

"Ini jugalah merupakan antara faktor mengapa dalam beberapa tinjauan yang dijalankan ketika ini, mendapati Pas semakin hilang sokongan," tegasnya lagi.

SPR jangan jadi komponen BN

PUTRAJAYA: Pemuda AMANAH menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bersikap adil kepada semua parti politik memandangkan badan itu bukannya komponen parti BN.

"Kita tidak mahu SPR sebagai badan yang dilantik menguruskan perjalanan pilihan raya di negara kita ini pilih bulu, berat sebelah.

"Kita tidak mahu SPR menjadi badan suruhanjaya yang berintegriti, amanah, adil dan saksama kepada semua parti politik," tegasnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyerahkan memorandum Pemuda AMA-

NAH kepada SPR di ibu pejabat suruhanjaya itu di Putrajaya, 28 April lalu.

Memorandum tersebut ekoran penyebaran surat ditandatangani Setiausaha SPR, Datuk Abdul Ghani Salleh yang memaklumkan pemberhentian edaran salinan daftar pemilih tambahan kepada parti politik.

Mengulas lanjut, Sany mendesak supaya surat bertarikh 18 April itu ditarik semula.

"Kalau surat ini benar dikeluarkan oleh SPR, kita berasa sangat-sangat dukacita dan kesal dan mohon supaya surat ini dapat ditarik semula supaya keadilan boleh diberikan kepada kami, parti-parti politik pembangkang," ujarnya.

Kes rayuan qazaf Anwar disambung 5 Jun



Anwar dikawal ketat pegawai penjara setibanya di Mahkamah Syariah Shah Alam bagi mengikuti saman qazaf beliau.

SHAH ALAM: Prosiding kes rayuan qazaf Ketua Umum Keadilan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dibacakan buat kali pertama di Mahkamah Syariah dekat sini, 28 April lalu akan disambung semula 5 Jun hadapan.

Peguam beliau Fadhlina Sidek berkata, mahkamah meneliti semula keputusan Mahkamah Tinggi Syariah sebelum ini yang menolak permohonan Anwar untuk memulakan prosiding qazaf.

"Kita berharap mahkamah mempertimbangkan. Kita sangat optimis sebab Mahkamah Syariah sebenarnya mempunyai bidang kuasa yang sangat luas untuk membuat keputusan," jelasnya.

Pada 27 Oktober tahun lalu,

Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam menolak permohonan Anwar untuk memulakan prosiding qazaf terhadap peguam kanan Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang didakwa memfitnah beliau berhubung kes liwatnya.

Hakim Syarie Mohamed Fouzi Mokhtar memutuskan sedemikian selepas mendapati mahkamah itu tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan tersebut atas alasan perbuatan liwat tidak termasuk dalam kesalahan qazaf.

Mengulas lanjut, Fadhlina berkata, mahkamah syariah boleh keluar daripada kerangka sedia ada untuk membetulkan kembali keputusan.

"Penting untuk menjelas-

kan definisi qazaf itu supaya kita dapat kenal pasti qazaf ini di bawah (bidang kuasa) mana. Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Syariah. Kita mahu mahkamah syariah progresif," tambahnya lagi.

Anwar pada pertengahan tahun 2015 memfailkan aduan qazaf di bahagian penguatkuasa Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) melalui isterinya, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail.

Muhammad Shafee menuduh Anwar melakukan liwat dengan bekas pembantu peribadinya, Saiful Bukhari Azlan tanpa mengemukakan empat orang saksi lelaki atau ikrar orang yang dituduh (Anwar) seperti yang diwajibkan oleh undang-undang.

Putus hubungan dengan Keadilan cuma acah-acah sahaja

RAMAI yang membicarakan persoalan putusnya hubungan Pas dan Keadilan hasil keputusan Mukhtamar Tahunan Pas di Kedah baru-baru ini. Walaupun usul itu diterima dan diluluskan Mukhtamar, tetapi ada kaveat atau persyaratan yang terkandung di dalam usul tersebut. Syarat itu ialah ianya ditetapkan oleh Majlis Syura Ulama.

Saya teringat kembali usul Mukhtamar Pas 2015 berhubung memutuskan hubungan dengan DAP. Masa itu kaveat atau syarat itu tidak ada. Apabila dikatakan bahawa usul itu yang diterima tanpa bahas dengan sendirinya bererti bahawa hubungan dengan DAP secara rasminya telah terputus, ada pula pimpinan Pas yang menafikannya. Dan didakwa bahawa ianya tetap bergantung pada keputusan Majlis Syura Ulama!

Akhirnya terpaksa DAP sendiri menjelaskan bahawa dengan usul tersebut bermakna Pas sudah memutuskan hubungan dengan DAP. Oleh itu Kit Siang istihar, "Pakatan Rakyat sudah terkubur". Pas bermati-matian menafikan bahawa mereka yang memutuskan hubungan dan mendakwa DAP yang memutuskannya bukan Pas! Seolah-olah usul yang diterima tanpa bahas itu tidak bermakna dan hanya main-main! Begitulah juga sekarang dengan usul putus

hubungan dengan Keadilan.

Semanginya saya tak nampak Pas akan memutuskan hubungannya dengan Keadilan secara rasmi. Ini adalah kerana Pas ingin berbangga dengan dakwaan "Pas tak pernah khianat setelah membuat perjanjian. Pas yang ditolak keluar, bukan Pas yang keluar".

Oleh itu saya anggap ianya hanya satu acah-acah dengan harapan bahawa Keadilan akan mengambil serius ugutan Pas untuk memutuskan hubungan dan seterusnya bertanding di kerusi-kerusi Keadilan. Dengan itu maka adalah diharap Keadilan akan tunduk dan bersama Pas sambil menolak Pakatan Harapan (PH). Itu matlamat utama Pas dengan usul main-mainnya ini.

Kalau itu tidak berlaku, dan Keadilan terus bersama PH, maka diharap pula Keadilan akan buat seperti DAP lakukan pada 2015. Ia itu Keadilan yang memutuskannya. Dengan itu Pas boleh memainkan peranan sebagai pihak yang diusir dan bukan yang mengusir. Itulah tahap politik kebudak-budakan Pas dewasa ini. Politik main-main, acah-acah.

Dewasa ini saya melihat banyak sangat ciri politik main-main yang diamalkan Pas. Termasuk jugalah usul persendirian berhubung pindaan RUU 355! Semasa dalam ucapannya di Mukhtamar Tahunan baru baru ini, Presiden Pas

Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengucapkan terima kasih pada Umno kerana membenarkan usul persendiriannya disyarahkan di Parlimen.

Tetapi hanya sekadar disyarahkan dan selepas itu Umno/BN menghalang perbahasan melalui keputusan Speaker untuk menaguhkan perbahasan! Maka yang menghalang usul itu dibahas dan seterusnya diundi untuk diluluskan adalah Umno/BN. Tetapi DAP dan AMANAH juga yang disalahkan. Sepatutnya Umno/BN yang dimarahi tetapi sebaliknya. Ini juga saya anggap sebagai 'politik main-main' Pas, sekadar ingin mensyarahkannya bukan nak dibahas dan diluluskan.

Begitu juga pengisytiharan Pas bahawa mereka ingin bertanding di 80 kerusi Parlimen. Ini pun saya lihat sebagai politik main-main Pas. Ianya hanya sekadar nak pacak bendera dan mendakwa "kerusi ini kerusi Pas", bukan untuk nak menang di 80 kerusi tersebut. Yang penting pacak bendera, menang kalah lain hal. Soal menjatuhkan Najib tidak dilihat serius olehnya.

Maka tak hairan kalau sekiranya usul putus hubungan dengan Keadilan turut merupakan 'politik main-main' Pas secara mutakhir. Pas tidak akan memutuskannya dan akan terus menyerang Keadilan tanpa segan-silu. Isu

PENDAPAT

KHALID SAMAD



demis isu akan diperalatkan untuk menyerang Keadilan. Dengan itu maka diharap bahawa Keadilan akan marah dan bertindak memutuskan hubungan tersebut.

Saya tak nampak Keadilan akan memutuskan hubungannya dengan Pas. Sebaliknya Keadilan akan terus berhubung dengan Pas sambil bersama mengukuhkan PH. Masing-masing tidak mahu menjadi pihak yang mengemukakan hubungan telah putus. Keadilan tidak seperti DAP.

Akhirnya Pas akan terpaksa mengumumkan hubungan dengan Keadilan telah terputus. Ini adalah kerana semua tahu mainan politik Pas. Ianya politik yang tidak serius dan sekadar main-main sahaja. Yang penting pembangkang berpecah dan Umno mencapai matlamatnya untuk mewujudkan suasana pertandingan tiga penjuru. Pas sekadar alat sahaja.

Peliknya ramai pula seronok menjadi alat Umno/BN.

■ Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional dan Ahli Parlimen Shah Alam.

Apa faedah membenci DAP?

AHLI Parlimen Sepang Hanipa Maidin menempekan sikap sebilangan penyokong Pas yang turut salah menafsirkan kenyataan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng yang menganggap parti itu 'sesat' kerana menyokong BN.

Hanipa dalam kenyataan di laman facebooknya berkata, daripada komen-komen balas yang dilemparkan oleh beberapa pemimpin

Pas, beliau menganggapnya sebagai "salah fahaman".

"Daripada komen-komen itu saya rasa wujudnya persepsi salah memahami istilah 'sesat' yang digunakan oleh LGE (Lim Guan Eng).

"Org Arab kata 'hukum kita ke atas sesuatu adalah cabang kepada tasawwur kefahaman kita atas sesuatu itu'. Ini maknanya jika tasawwur kefahaman kita atas sesuatu perkara itu salah, maka kita juga

akan tersalah hukum.

"Bila saya baca kenyataan LGE yang saya faham istilah sesat yang beliau gunakan tidaklah dalam konteks sesat dalam beragama yang selalu difahami sebagai 'al-dholal'. Ia lebih kepada istilah 'astray' dalam bahasa Inggeris yang lebih kurang maknanya melencong atau tersasar," terangnya.

Hanipa turut mengulas kenyataan perwakilan Pas Pulau

Pinang Yusni Mat Piah di dalam muktamar lalu bahawa BN bukan lagi musuh utama Pas pada PRU-14 sebaliknya DAP kerana secara jelas menentang agenda Islam.

Namun pada Isnin Guan Eng menganggap tindakan Pas sebagai tidak masuk akal. Guan Eng dipetik berkata, Pas dari segi perjuangan politiknya telah sesat jalan dan lupa siapa kawan siapa lawan. Sepatutnya musuh utama Pas adalah BN.

Menurut Hanipa lagi, terdapat pemimpin Pas dari Pahang yang turut memberikan komen di dalam facebook mengatakan Guan Eng meminjam istilah Abu Jahal yang menuduh Nabi Muhammad s.a.w. sesat.

"Saya makin yakin dia silap faham maksud LGE.

"Mungkin pemimpin Pas Pahang tu tidak sedar kenyataannya itu mengandung persepsi yang amat bahaya.

"Ia seolah-olah meletakkan Pas dan LGE dalam dua penjuru iaitu ibarat Pas seolah-olah semulia Nabi Muhammad s.a.w. dan LGE sesesat Abu Jahal. Perlu ke komen sampai tahap tu?

"Begitu juga komen daripada salah seorang pemimpin muda Pas daripada Kelantan. Bila dia kata ucapan yang kata 'musuh Pas sekarang bukan Umno tapi Dap' itu bukan pendirian Pas kerana ia hanya ucapan seorang perwakilan dalam muktamar mungkin 'he tried to be smart' (dia cuba berlagak bijak).

"Tapi tahu ke mamat ni yang LGE tahu dalam sesi penggugulan muktamar tu, pimpinan Pas tiada seorang pun yang sangkal atau 'disown' kenyataan perwakilan tu. Lagi satu dia ingat LGE atau ramai lagi orang di luar Pas tak tahu ke apa yang berlaku antara Pas dan Umno?" soalnya. ■

NUNJI 17
ندوة العلماء والنهضة الجديدة
NUNJI WILAYAH PERSEKUTUAN 2017

**MAQASID SYARIAH
MEMBAWA RAHMAT
DAN KESEJAHTERAAN
KOTA RAYA**

HOTLINE
019-2064611 FATHIHAH

Ust. Burhanuddin Ust. Wan Ji Dr. Hassan Baharom Dr. Hattia Ramli Dr. Dzulkefly Dr. Maszlee

Sabtu | 13 Mei 2017 | 8.00 pg - 1.45 ptg
16 Syaaban 1439H

CRYSTAL BALLROOM THE MINES 2
Seri Kembangan

وما أرسلناك إلا رحمة للعالمين

PARTI AMANAH NEGARA
WILAYAH PERSEKUTUAN

قارتي امانه نكارا

Putar belit skandal 1MDB makan tuan

KUALA LUMPUR: Usaha beberapa pemimpin Umno menggunakan isu penyelesaian luar mahkamah antara 1MDB dan International Petroleum Investment Company (IPIC) sebagai hujah kononnya skandal kewangan membabitkan syarikat pelaburan negara itu sudah berakhir sebenarnya memakan diri sendiri, kata Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang.

Malah cubaan mereka untuk mempertahankan 1MDB telah membangkitkan semula persoalan asas yang sehingga kini masih belum terjawab.

Beliau memberi contoh kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan bahawa kononnya penyelesaian antara 1MDB dan IPIC membuktikan perdana menteri tidak bersalah.

Malah tambah Kit Siang, Rahman Dahlan

juga mendakwa dana 1MDB wujud dalam bentuk 'unit' di Singapura dan boleh ditukarkan ke dalam bentuk matawang untuk dibayar kepada syarikat Abu Dhabi berkenaan.

"Terima kasih Abdul Rahman, kerana beliau soal-soalan ini telah dibawa semula kepada perhatian masyarakat umum, bersekali dengan pertanyaan yang dibangkitkan Tony Pua dan pemimpin yang lain," katanya dalam satu kenyataan media.

Tony yang juga ahli parlimen Petaling Jaya Utara dalam kenyataan beliau sebelum ini membangkitkan persoalan mengapa rakyat Malaysia perlu menanggung pembayaran sebanyak dua kali ganda 1MDB kepada IPIC.

Hasil penyelesaian timbangtara antara-bangsa di London memutuskan bahawa IPIC akan menerima bayaran berjumlah USD1.205 bilion.

1MDB dan Kementerian Kewangan juga diarahkan bertanggungjawab ke atas faedah bon bernilai USD3.5 bilion yang dijamin IPIC.

Kit Siang turut mengulas kenyataan ketua pengarah Jabatan Hal Ehwan Khas (Jasa), Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi berhubung penyelesaian secara timbang tara antara 1MDB dan IPIC yang kononnya telah 'melemahkan' dakwaan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) bahawa wang 1MDB telah diselewengkan.

"Sama ada ia (dakwaan Puad) benar atau tidak ia bebas untuk dibahaskan, tapi apa yang mengejutkan adalah reaksi kerajaan Malaysia yang sebelum ini menafikan skandal 1MDB, tetapi secara tiba-tiba menerima senario kes yang dibangkitkan DOJ.

"Jika kerajaan Malaysia berpegang teguh dengan naratifnya bahawa tidak ada skandal melibatkan 1MDB, maka Puad tidak sepa-

tutnya mengeluarkan kenyataan seumpama itu," kata Kit Siang dipetik Raketkini.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Gelang Patah berkata, Puad mungkin tidak menyedari bahawa kenyataan beliau itu telah mengesahkan tindakan saman sivil oleh DOJ bagi merampas aset bernilai lebih USD1 bilion yang berpunca daripada dana 1MDB.

Dalam pada itu, Kit Siang yang juga ahli parlimen Gelang Patah mengulangi desakan agar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengadakan sesi parlimen khas bagi membincangkan skandal 1MDB.

Beliau turut menggesa kerajaan menyelesaikan masalah berkait saman sivil yang dikeluarkan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) secara perundangan bagi membersihkan nama Malaysia yang kini terpalit dengan gelaran kleptokrasi.

Semak status kerakyatan untuk semarak api perkauman

KUALA LUMPUR: Cadangan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) Melayu untuk menyemak kembali status kerakyatan bukan Melayu di negara ini adalah perancangan rapi pihak-pihak tertentu untuk menyemarakkan api perkauman menjelang pilihan raya umum (PRU), kata Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub.

Menurut beliau, adalah terlalu mudah untuk membaca perancangan dan strategi pihak yang tidak bertanggungjawab itu kerana senjata agama dan perkauman mampu membangkitkan sentimen dan

kemarahan rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini.

"Sangat malang apabila menjelang sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke-60 31 Ogos ini, masih ada golongan yang bermain dengan isu kerakyatan satu-satu kaum yang dikatakan bukan berasal dari negara ini," ujar Salahuddin mengulas cadangan Barisan Bertindak Melayu Islam (Bertindak).

Tambah Salahuddin, adalah lebih baik Bertindak berjuang bagi menegakkan integriti kepimpinan Melayu yang sedang dilanda pelbagai isu serta skandal yang mengaibkan maruah

bangsa Melayu seperti amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Beliau turut menyarankan anggota Bertindak supaya membuat ujian DNA bagi membuktikan genetik Melayu mereka.

"Tulen sangatkah darah Melayu yang ada dalam tubuh mereka? Ramai di kalangan jutaan rakyat negara ini yang telah bercampur darah Cina, India, Arab, Pakistan dan lain-lain kerana kita telah hidup bersama dengan harmoni di Malaysia lama sebelum dan selepas kemerdekaan," ujar beliau sinis.

Menurut Salahuddin, perlem-

bagaan negara telah memperuntukkan hak-hak warganegara dan ianya tidak perlu dipertikaikan lagi.

Beliau menyeru rakyat agar bersama membina masa depan negara untuk Malaysia yang lebih baik dan berhati-hati dengan nyalaan api perkauman sesetengah pihak yang bermatlamat menyelamatkan kepimpinan Melayu yang rosak moral dan korup.

Bertindak dianggotai 22 pertubuhan, termasuk Perkasa, Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Muafakat, Yayasan GPMS dan Pembela.

Baru-baru ini, jurucakap Bertindak Mohd Khairul Azam Abdul Aziz

mendakwa pemberian kewarganegaraan kepada bukan Melayu ketika Malaysia mencapai kemerdekaan melanggar proses yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, oleh itu perlu disemak semula.

Khairul berkata Jadual 1 Perlembagaan menetapkan taraf kerakyatan hanya akan diberikan kepada pemohon selepas mereka mengangkat sumpah taat setia.

Bagaimanapun, beliau mendakwa prosedur itu tidak dilakukan pada 1957 hingga 1970 ketika memberi taraf kerakyatan kepada 1.75 juta orang bukan Melayu.

Akhirnya Pas saman Sarawak Report

KUALA LUMPUR: Setelah lebih lapan bulan, Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang akhirnya memfailkan prosiding fitnah (defamation proceedings) di Mahkamah Tinggi London dan menyerahkan saman terhadap Pengasas dan Editor Sarawak Report, Clare Rewcastle Brown yang berpangkalan di London.

Dalam satu kenyataan media enam perenggan, Setiausaha Agung Pas Datuk Takiyuddin Hassan berkata, saman itu dikemukakan untuk mendapatkan sejumlah ganti rugi dan perintah injunksi berikutan penyiaran artikel dalam laman sesawang Sarawak Report bertarikh 6 Ogos 2016 bertajuk "As Najib Denies All Over 1MDB, Let's Not Forget His Many other Criminal Connections".

"Artikel tersebut termasuklah kenyataan yang boleh difahami bahawa Presiden Pas secara peribadi telah menerima atau mendapat atau meluluskan penerimaan sejumlah besar rasuah daripada Perdana Menteri Najib sebagai pertukaran untuk berkompromi dalam

hal pendirian politik Pas.

"Segala tohmahan tersebut adalah sesuatu yang tidak benar sama sekali. Tohmahan dan dakwaan rasuah seumpama ini jelas merosakkan dan menjejaskan reputasi seseorang seperti Presiden Pas, yang amat komited dengan proses demokrasi sejak sekian lama di mana falsafah politik serta segala tindak tanduk beliau jelas menggambaran beliau berpegang teguh kepada prinsip-prinsip dan ajaran Islam," kenyataan bertarikh 27 April itu dipetik.

Menurut Takiyuddin, Presiden Pas telah melantik dan mengarahkan peguamnya yang berpangkalan di London, Carter-Ruck untuk menghantar Surat Aduan (Letter of Complaint) kepada Rewcastle Brown pada akhir tahun 2016 bagi meminta artikel tersebut dibuang dan menyiarkan pernyataan maaf.

Namun tambah beliau, Rewcastle Brown telah gagal sama sekali untuk memberi respon kepada aduan tersebut, sebaliknya telah membuat beberapa kenyataan awam yang

merumitkan lagi keadaan.

"Dengan mengambil kira keadaan fitnah yang amat berat ini, Presiden Pas tidak akan membiarkan tohmahan fitnah ini berlalu begitu sahaja tanpa dicabar, dengan demikian tiada pilihan lain melainkan mengambil tindakan Mahkamah di Mahkamah Tinggi London, bagi membetulkan keadaan yang dengan teruknya menjejaskan reputasi beliau di Malaysia dan Singapura, begitu juga di England dan Wales," katanya.

Desakan agar Pas mengambil tindakan mahkamah terhadap Sarawak Report semakin memuncak apabila Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli mendedahkan bekas Timbalan Presiden Pas Datuk Dr Nasharuddin Mat Isa sebagai individu yang menerima dana dari akaun peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Dana tersebut bersumberkan anak syarikat 1MDB, SRC International dan diyakini disalurkan ke akaun para pemimpin Pas.

Tempoh tahanan Sosma dilanjut 5 tahun lagi

KUALA LUMPUR: Tempoh penahanan maksimum 28 hari di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma) akan terus dikuatkuasakan bagi tempoh lima tahun lagi mulai 31 Julai 2017 apabila diluluskan di Dewan Negara 27 April lalu.

Usul semakan pelaksanaan subseksyen 4(5) di bawah Akta berkenaan dikemukakan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed yang berkata cadangan pelanjutan tempoh penahanan 28 hari di bawah subseksyen 4(5) akta itu merupakan kali pertama dibuat sejak ia dikuatkuasa pada 31 Julai 2012.

Nur Jazlan ketika mengulung perbahasan usul berkenaan memberikan penjelasan terhadap kekhawatiran sesetengah pihak yang mendakwa akta itu digunakan sewenang-wenangnya untuk melakukan tahanan politik.

Beliau turut berkata sepanjang

tempoh akta tersebut dikuatkuasakan, tiada kejadian tahanan cedera atau meninggal dunia akibat didera ketika dalam tahanan.

Subseksyen 4(5) Sosma memperuntukkan kuasa kepada polis bagi menahan seseorang yang disyaki terlibat dalam aktiviti keganasan untuk siasatan selama tempoh tidak lebih 28 hari.

Manakala subseksyen 4 (11) Sosma pula menyebut subseksyen 4(5) hendaklah disemak tiap-tiap lima tahun dan hendaklah terhenti berkuat kuasa apabila diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) untuk tidak melanjutkan tempoh kuat kuasa peruntukan itu.

Terdahulu pada 5 April usul tersebut diluluskan di Dewan Rakyat melalui undian belah-bahagian yang menyaksikan 93 anggota Parlimen menyokong pindaan Akta itu berbanding 77 menentang.

Pesakit kritikal terpaksa kerap ke hospital

Bekalan ubat dicatu

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: "Bang, satu Malaysia macam ini. Ubat memang dah tak cukup," kata staf Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) ketika menyerahkan bungkusan ubat kepada seorang pesakit kanser.

Dua kali lelaki berusia lingkungan awal 20-an berkenaan mengulang hal tentang bekalan ubat yang tidak mencukupi itu.

"Kalau bagi banyak (ubat), nanti orang lain tak cukup pula," tambah kakitangan bercermin mata itu lagi sambil mengambil bungkusan ubat untuk pesakit seterusnya.

Tanpa mahu bersoal jawab lagi, Azlan (bukan nama sebenar) terpaksa melangkah perlahan-lahan meninggalkan kaunter farmasi PPUM tersebut.

Beserta dentingan nombor giliran silih berganti, ruang mengambil ubat pada jam 2 petang ketika itu sememangnya padat dengan pesakit majoritinya warga emas.

Menurut Azlan, 36, situasi catuan ubat yang perlu diambilnya sehingga ke akhir hayat itu sudah berlarutan sejak tahun lalu.

Jika tahun lepas, bapa kepada seorang anak itu perlu sebulan sekali mengambil ubat tersebut tetapi menjengah tahun ini, beliau terpaksa kerap bertandang di PPUM iaitu dua minggu sekali.

"Semua orang macam ini. Kena datang lagi kerap ambil ubat sebab bekalan sudah dipotong," jawabnya apabila saya bertanyakan hal tersebut.

Beliau turut tidak menolak 'catuan' bekalan ubat itu berlaku berkemungkinan akibat pemotongan peruntukan perubatan

dalam pengumuman belanjawan yang lalu. Hal sama juga diakui Abd Hadi Mohamad apabila sudah tidak dapat lagi memperoleh bekalan ubat daripada Hospital Putrajaya seperti dialami ibunya sebagai isteri pesara kerajaan yang berdepan masalah lutut.

"Ada dua jenis bekalan ubat yang ibu saya boleh dapatkan. Tapi sejak pertengahan tahun 2015 lagi sudah tidak boleh lagi.

"Kenalah dapatkan ubat itu di klinik dan farmasi. Satu ubat yang cucuk di lutut kiri dan kanan masing-masing mencecah RM1,500. Maknanya jumlah kesemua sekali RM3,000 bagi dua atau tiga kali setahun.

"Lagi satu ubat, kosnya sekitar ratusan ringgit setiap bulan. Sekarang pun sudah tidak boleh 'claim' dengan pihak jabatan," jelas anak pegawai polis itu.

Menurut Abd Hadi, sukar baginya menggambarkan apa berlaku pada masa akan datang dengan langkah kerajaan dalam menyediakan rawatan perubatan kepada rakyat.

"Mula-mula ubat cucuk di lutut dihen-

tikan. Tahun lepas, ubat yang kena ambil secara bulanan pula. Lepas ini tak tahulah macam mana," ujarnya lagi.

Lama menanggung penyakit, kolumnis akhbar mingguan AMANAH, Ahmad Lutfi Othman turut memberitahu jumlah ubat yang hospital kerajaan berikan secara percuma seperti menjadi kelaziman sebelum ini semakin berkurangan.

"Saya juga pernah lalui bekalan ubat tidak cukup dan semakin banyak kena beli sendiri di farmasi," ujarnya yang menghidap penyakit buah pinggang dan diabetes.

Kerajaan sebelum ini mengakui berlaku kekurangan bekalan ubat di hospital akibat pemotongan peruntukan sebanyak RM380 juta untuk perolehan perubatan pada Bajet 2016.

Walau bagaimanapun, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya ketika menjawab soalan lisan di Dewan Rakyat pada 5 Disember tahun lalu berkata, kerajaan sudah memberi balik peruntukan tersebut selepas kementerian membuat rayuan.

Pekerja asing teramai selepas Melayu menjelang 2040

KUALA LUMPUR: Jumlah pekerja asing di negara ini telah melebihi bilangan rakyat Malaysia berbangsa India pada tahun lepas dan bakal menjadi golongan kedua terbesar selepas Melayu/Bumiputera menjelang 2040.

Sehubungan itu semua pihak perlu memberi fokus kepada usaha untuk mengurangkan lambakan dan kebergantungan kepada pekerja asing menjelang 2030 dan menyelesaikan isu-isu membabitkan pihak berkepentingan dengan pekerja asing, kata Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli.

Beliau memetik pengakuan Timbalan Setiausaha Bahagian Dasar, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chua Choon Hwa bahawa menjelang 2034 jumlah pekerja asing akan mencecah 7.5 juta orang dan menjadi kumpulan kedua terbesar selepas Melayu/Bumiputera menjelang 2040.

Jumlah ini mengatasi rakyat Ma-

aysia berbangsa Cina, India, Iban, Kadazan dan kumpulan Bumiputera lain sekaligus memberi gambaran hala tuju negara di bawah Umno/BN.

Lebih rumitkan, tambah Rafizi perbincangan mengenai reformasi tenaga kerja di negara ini akan menjadi 'caca merba' akibat pertembungan dengan pihak-pihak berkepentingan dalam industri pekerja asing.

Ini kerana jelas beliau, proses membawa masuk, mengawal selia dan menguruskan pekerja asing telah menjadi industri besar bernilai



Pekerja asing akan menjadi golongan kedua teramai di negara ini selepas Melayu/Bumiputera menjelang 2034.

berbilion ringgit membabitkan proses saringan kesihatan, kos permit, ejen-ejen dan pelbagai karehna birokrasi lain.

"Akibatnya sebarang keputusan untuk mengurangkan kemasukan pekerja asing sudah tentu akan

mengganggu periuk nasi golongan berkepentingan ini yang selalunya rapat dengan pimpinan Umno/BN," jelas beliau.

Naib Presiden Keadilan itu juga menyentuh penggunaan pekerja asing dalam beberapa industri yang hanya bertujuan mewujudkan kos buruh yang rendah.

"Sebarang usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing akan mendapat bantahan kuat dari pelobi industri-industri ini," ujarnya.

Malah lambakan dan kebergantungan kepada pekerja asing, ujarnya menjadi salah satu punca utama pengangguran di kalangan rakyat Malaysia apabila tenaga kerja tempatan yang tidak berpendidikan tinggi dikira tidak sesuai untuk kerja-kerja yang tidak

memerlukan kemahiran teknikal.

Beliau turut mempersoalkan keperluan restoran dan kedai menggaji pekerja asing sedangkan kerja-kerja tersebut boleh dibuat oleh pekerja tempatan.

"Apa perlunya kilang-kilang yang tidak memerlukan kemahiran teknikal dan khusus menggaji pekerja asing sedangkan kerja-kerja tersebut sepatutnya diisi oleh rakyat tempatan," tambah beliau.

Sehubungan itu, pihaknya sedang menyiapkan kertas dasar mengenai reformasi tenaga kerja yang akan memperincikan sasaran peratusan pekerja asing berbanding pekerja rakyat Malaysia menjelang 2030 serta langkah-langkah ke arah mencapai sasaran itu.

"Kertas dasar itu akan dibentangkan di dalam satu wacana dasar yang dianjurkan oleh I-CPI (INVOKE Centre for Policy Initiatives) pada 14 Mei 2017 bermula jam 1 petang di Hotel Empire, Subang," ujarnya.

'Tazkirah' jadi alat kempen jika PRU14 pada Ramadan

KUALA LUMPUR: Pengerusi AMANAH Johor, Aminolhuda Hassan bimbang sentimen agama akan digunakan secara meluas oleh Umno-BN dalam kempen pilihan rayanya jika pembuangan undi berlangsung pada bulan Ramadan.

"Kemudahan surau dan masjid akan digunakan Umno-BN yang berkuasa untuk membuat 'kempen tazkirah' atas nama agama dan bangsa untuk memburukkan parti lawan ketika lawannya tidak dibenarkan menggunakan kemudahan atau premis tersebut.

"BN selaku kerajaan peralihan dalam pilihan raya akan mengambil kesempatan di atas kuasa dan kemudahan jentera yang besar serta lengkap.

"Propaganda Umno-BN dalam membu-

rukkan Pakatan Harapan melalui medium sedia ada akan lebih mudah, pantas, meluas untuk membohongi rakyat akan realiti sebenar yang dialami," ujarnya ketika dihubungi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tentang kemungkinan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) yang dijangka sesetengah pihak akan berlangsung di bulan Ramadan iaitu akhir Mei depan.

Mengulas lanjut, beliau berkata paling ketara Umno-BN akan mengambil kesempatan dengan musim ibadat masyarakat Islam itu dengan menyasarkan kelompok pengundi Melayu di lokasi luar bandar.

"Atas nama 'sumbangan Ramadan kepada asnaf', Umno-BN akan mengeksploitasi

segala jentera kerajaan melalui mana-mana jabatan kerajaan seperti Majlis Agama dan JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat).

"Program sumbangan untuk asnaf tentunya akan lebih rancak dan besar-besaran di kawasan Felda dan luar bandar yang sasarannya adalah pengundi Melayu," tegasnya.

Pada masa sama, pemilihan PRU14 pada bulan Ramadan dikhuatiri akan menjejaskan peluang untuk pengundi luar pulang ke kampung masing-masing ekoran langkah penjimatan kos.

"Umno-BN mengambil kesempatan dengan menghalang pengundi luar dari balik mengundi memandangkan tidak lama selepas itu menyambut Hari Raya Puasa.

"Balik hanya untuk mengundi hanya akan membebaskan mereka ketika kos sara hidup sedia ada sudah melambung," jelasnya.

Sehubungan itu, Aminolhuda menyifatkan Ramadan adalah tempoh ibadat umat Islam yang tidak harus dicemarkan dengan kempen pilihan raya.

"Ramadan sepatutnya bulan untuk mengukuhkan silaturahmi sesama umat bukan masa yang sesuai untuk pilihan raya," tegasnya lagi.

Najib Razak yang juga Presiden Umno sepanjang bulan ini dilihat mengumumkan pelbagai agihan peruntukan puluhan juta ringgit kepada segenap segmen masyarakat sekaligus menandakan PRU14 bakal berlangsung dalam tempoh terdekat.



SPRM disaran siasat MB Johor

JOHOR BAHRU: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu menjalankan siasatan sama ada Menteri Besar Datuk Seri Mohd Khaled Nordin terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kes rasuah hartanah membabitkan bekas Exco Perumahan & Kerajaan Tempatan negeri Datuk Abd Latif Bandi.

Sehubungan itu, AMANAH Negeri Johor telah menghantar memorandum kepada SPRM 27 April lalu bagi mendesak siasatan dilakukan terhadap Mohd Khaled dalam kes rasuah hartanah terbesar di negeri itu.

Pengerusi AMANAH Johor Aminolhuda Hassan berkata, Khaled boleh dituduh 'bersubahat' jika penipuan dan rasuah itu berlaku di dalam pengetahuannya ataupun boleh dianggap cuai di dalam melaksanakan tugas sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi Negeri Johor dan juga Pengerusi Majlis Mesyuarat

Kerajaan (MMK) Negeri Johor.

Abd Latif telah didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada 19 April lalu atas 33 pertuduhan membabitkan rasuah hartanah bernilai RM30.3 juta.

Beliau didakwa bersubahat dengan Amir Shariffudin untuk menerima suapan sebagai mendapatkan kelulusan pelepasan sejumlah lot bumiputera kepada pembeli awam serta pengurangan bayaran wang sumbangan Tabung Perumahan Negeri Johor bagi projek Eco Botanic, Pulau.

Menurut Aminolhuda, Polisi Perumahan Rakyat Johor mensyaratkan kawasan perumahan melebihi 5 ekar memperuntukkan 40% unit yang dibina sebagai lot bumiputera dengan diskaun harga 15% daripada harga jualan.

Bagaimanapun selepas 9 bulan daripada tarikh jualan atau projek perumahan telah siap 50%, pihak

pemaju boleh memohon untuk mendapatkan kelulusan pertukaran atau perlepasan status lot bumiputera jika unit-unit itu masih belum terjual.

Exco Perumahan & Kerajaan Tempatan akan menyediakan kertas kerja bagi dibentangkan untuk kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hasil Bumi Negeri Johor yang dipengerusikan Menteri Besar Johor.

Setelah mendapat kelulusan, Exco terbabit sekali lagi akan membawa kertas kerja ke peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Johor yang juga dipengerusikan oleh Menteri Besar.

"Daripada SOP di atas, jelas menunjukkan bahawa Menteri Besar Johor terlibat secara langsung di dalam mempertimbangan dan meluluskan permohonan penukaran status lot bumiputera daripada pihak pemaju," ujarnya.

Rakyat perlu cemburui kemasukan warga asing

TASEK GELUGOR: Rakyat negara ini perlu mempunyai perasaan cemburu dengan kemasukan warga asing ke negara ini kerana dikhuatiri akan menjejaskan keharmonian negara, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, keharmonian yang dipupuk berpuluh tahun di negara ini lebih baik berbanding negara-negara di Timur Tengah yang berperang sesama sendiri hanya kerana perbezaan kecil.

"Di Malaysia kita hidup rukun dan damai. Kita tidak berasa takut. Kita boleh menerima hakikat sebuah negara berbilang kaum, agama, bangsa dan budaya selepas 1969.

"Lain pula jika orang asing masuk dalam negara kita. Sebab itu kita ada dasar Imigresen sejak merdeka kita tidak membenarkan orang lain masuk ke negara kita walaupun ramai yang berminat," ujarnya dalam siri ceramah umum Pakatan Harapan, dekat sini, baru-baru ini.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu berkata, keadaan itu juga diamalkan oleh beberapa negara

dunia yang tidak membenarkan warga asing menetap di negara mereka.

Beliau memberikan contoh beberapa negara dunia yang mengemukakan kemasukan warga asing seperti Amerika Syarikat.

Negara Eropah seperti Hungary, ujarnya telah menangkap pelarian Syria manakala Perancis dan Jerman menghalang kemasukan warga asing.

"Perdana Menteri Australia juga memperketatkan penghijrahan warga negara lain ke Australia.

"Australia besar tetapi penduduk sama dengan Malaysia, tanahnya kaya dengan bijih timah, bijih besi dan sebagainya tetapi orang Australia tidak membenarkan orang asing masuk ke negara mereka.

"Mereka semua mencemburui negara mereka," ujarnya.

Beliau berkata, sekiranya rakyat negara ini tidak bersetuju dengan kemasukan warga asing ia bukan satu perkara luar biasa sebaliknya sudah menjadi kebiasaan mana-

mana negara dunia.

"Kita perlu jaga negara kita. Kita tidak perlu membenarkan orang asing seperti dari China, Indonesia dan India dibawa masuk. Kita sewajarnya tidak senang hati dengan kemasukan mereka," tegas beliau.

Beliau bagaimanapun mengemukakan Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Pulau Pinang kerana hanya membabitkan modal dan teknologi dari luar negara.

Namun tambah beliau, pelaburan yang dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bertujuan menjual hartanah di negara ini dalam beberapa projek dari China untuk membayar hutang 1MDB.

"Najib berhajat untuk jual negara kepada Cina supaya dapat bayar hutang. Jika kita benarkan dia jadi pemimpin negara maka lebih banyak lagi wilayah kita dijual ke negara China," katanya.

Turut hadir dalam siri ceramah Pakatan Harapan itu Naib Presiden AMANAH Datuk Husam Musa dan Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah



Pencerobohan pengawal pantai China perlu ditangani

KERAJAAN digesa bertindak tegas untuk tidak membiarkan pencerobohan perairan Sawarak oleh Pengawal Pantai China (CCG) di negara ini.

Jika kerajaan terus gagal mengambil pendirian tegas di dalam hal ini, pentadbiran Najib Razak disifatkan tidak lagi mampu mengagakkan kedaulatan negara dan hanya akan terus mengundang campur tangan asing.

Ketua Angkatan Muda Keadilan Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, rondaan dilakukan CCG di perairan tanah air sewajarnya tidak berlaku walaupun Malaysia pernah membuat bantahan diplomatik terhadap China kerana kapal mereka yang memasuki zon Ekonomi Eksklusif Malaysia.

"Sejak bantahan pada 2015 itu, dilaporkan sebanyak 11 kapal CCG telah meronda berdekatan perairan Malaysia seolah-olah langsung tidak menghiraukan bantahan tersebut.

Hal ini, jelasnya adalah satu cabaran ke atas kedaulatan negara dan Putrajaya sepatutnya mengambil pendirian lebih tegas untuk membantah kehadiran kapal-kapal negara China ini.

"Jika kita terus berdiam adakah ini bermakna kita terus akur dengan pencerobohan China ke tanah air kita?" ujarnya.

Pasukan CCG dilapor membuat rondaan hampir pada setiap masa di perairan dituntut Malaysia.

Najib umpan kaum India menjelang PRU14

PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Razak didakwa tidak jujur dalam membantu kaum India sebaliknya hanya memancing undi kaum itu ketika hampir pilihan raya umum.

"Jika kerajaan BN jujur, segala masalah yang dihadapi kaum India berkaitan ekonomi, pendidikan, sosial, pekerjaan, serta isu warganegara tidak akan berpanjangan sehingga sekarang," kata Naib Pengerusi Kebangsaan DAP, M Kula Segaran.

Malah kata Kula, pelan tindakan untuk kaum India yang diumumkan Najib dengan peruntukan besar baru-baru ini dilihat sebagai taktik untuk memancing undi.

"Jika kerajaan benar-benar mahu membantu komuniti India, mereka sepatutnya sudah membantu sejak pilihan raya yang lepas.

"Jika tidak, bagaimana perdana menteri dapat memastikan bahawa pelan tindakan terbaru ini dapat dilaksanakan dengan berkesan untuk memberi manfaat kepada masyarakat India?" soalnya.

AMK kemuka usul gantung jawatan Adam Rosly

ANGKATAN Muda Keadilan akan membawa usul supaya Ketua Pemuda Keadilan Ampang, Datuk Adam Rosly digantung jawatan, susulan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap banglo mewahnya yang mengundang enam pertuduhan.

FMT melaporkan usul itu sudah diluluskan dalam mesyuarat biro politik sayap itu, tetapi belum dibentangkan secara rasmi kepada jawatankuasa disiplin parti.

Ketua AMK, Nik Nazmi Nik Ahmad yang dihubungi wakil media bagaimanapun enggan mengesahkan atau menafikan perkara itu.

Adam didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas 6 pertuduhan berkait keterangan palsu, di bawah Seksyen 32(8) (c) dan Seksyen 89 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Amla).

Pengarah kanan Yapeim direman 5 hari

SEORANG pengarah kanan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Yapeim) direman lima hari bagi membantu siasatan kes pecah amanah.

Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman, 26 April lalu membenarkan suspek direman selepas mendengar permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut jurucakap SPRM, pengarah itu ditahan selepas hadir memberi keterangan di ibu pejabat suruhanjaya itu di Putrajaya.

Lelaki berkenaan yang berpakaian lokap jingga dibawa ke Mahkamah Putrajaya kira-kira 9 pagi untuk permohonan reman SPRM itu.

Pengarah berumur 47 tahun itu ditahan kerana dipercayai terlibat pecah amanah melibatkan wang sejumlah RM223,000.

Dia disiasat mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan kerana pecah amanah.

AMANAHAH terus m membawa harapa



1



1 Orang ramai membanjiri khemah pada program ceramah umum Pakatan Harapan di Kuala Kedah.

2 Para pemimpin Pakatan Harapan menjulung tangan tanda perpaduan seusa majlis.

3 Dr Ismail menyapa pengunjung gerai pada program jelajah di Kuala Kedah.

4 Mohamad menandatangani plak perasmian Pejabat AMANAHAH BPR Dun Kubang Rotan.



5



3

5 Rafizi berucap pada majlis ceramah umum Pakatan Harapan di Kuala Kedah.

6 Faiz berucap pada majlis minum petang dan dialog AMANAHAH Kawasan Jerai.

7 Mohamad menyampaikan sumbangan kepada seorang penerima.

8 Dr Ismail berbual dengan pengunjung gerai sambil mengedarkan risalah AMANAHAH.

9 Faiz bertanya khabar seorang pelanggan gerai sambil diperhatikan Mohd Asmirul.

10 Dr Ismail menaikkan bendera besar AMANAHAH di Kupang, Baling



6



9



4

Harapan aman rakyat



2

WALAU PUN baru menempatkan diri di pentas politik tanah air, AMANAH terus mara membawa harapan rakyat untuk melakukan perubahan politik bagi mewujudkan Malaysia yang lebih makmur dan adil.

Di seluruh pelosok tanah air, aktivis AMANAH tidak mengenal lelah mempromosikan parti dan gabungan Pakatan Harapan sebagai alternatif kepada BN.

Di Kedah khususnya, kewujudan AMANAH semakin dirasai apatah lagi gabungan Pakatan Harapan di negeri jelapang padi itu diperkukuhkan lagi dengan kehadiran Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang mampu menarik sokongan para ahli dan penyokong Umno.

Pada 29 April lalu, berlangsung ceramah perdana sempena perasmian Pejabat AMANAH BPR Dun Kubang Rotan.

Hadir menghangatkan pentas ceramah ialah Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli, Pengerusi AMANAH Kedah Datuk Dr Ismail Salleh, Pengerusi Keadilan Kedah Dr Azman Ismail dan Pengerusi DAP Kedah Tan Kok Yew.

Turut hadir Ketua DAPSY Perak yang juga Adun Pasir Pinji Howard Lee, Ketua Bahagian PPBM Pendang Razak Khamis dan Ketua Seketeriat Pakatan Harapan Kedah Dr. Abd Rahman Ahmad.

Kami mewakili AJK Amanah BPR DUN Kubang Rotan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua hadirin yang hadir menyumbang dari

segi masa, tenaga, idea dan wang ringgit bagi menjayakan program ini serta memohon ampun dan maaf sekiranya adanya kelemahan & kekurangan dari pihak kami.

Pejabat AMANAH BPR DUN Kubang Rotan yang dirasmikan Mohamad beroperasi di Taman Kek Wa, Jalan Kuala Kedah.

Sementara itu, pada hari yang sama berlangsung program minum petang (hi-tea) dan dialog anjuran AMANAH Kawasan Jerai.

Program itu dihadiri Mohamad dan Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional Faiz Fadzil.

Turut hadir Dr Ismail dan para pemimpin AMANAH kawasan.

Sempena majlis itu, sumbangan beras dan barang keperluan harian kepada golongan dhuafa turut diadakan.

Keesokan harinya, berlangsung program Jelajah Parlimen Kuala Kedah bersama Faiz, Dr Ismail, Ketua Pemuda AMANAH Kedah Asmirul Aris, Setiausaha AMANAH Kedah Aris Awang, Penolong Setiausaha AMANAH negeri Mazhar Yusof dan Ketua Pemuda AMANAH Kuala Kedah Megat Radzi.

Hadir sama menjayakan program jelajah ahli jawatankuasa Pemuda AMANAH kawasan dan anggota Biro Pilihan Raya (BPR) Dun Kubang Rotan.

Respons orang ramai yang amat memberangsang menjadi petanda jelas bahwa rakyat negeri ini bersedia melakukan perubahan politik bagi menyelamatkan Malaysia daripada pemimpin kleptokrat.



7



8



10

Susunan dakwaan Exco Selangor lantikan Pas

'Jangan intai janda selepas bercerai'

Kelolaan **ARIF ATAN**

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil menepelak Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat yang baharu dilantik, Mohd Khalil Abdul Hadi apabila menganggap tiga Exco Pas dalam kerajaan negeri Selangor tidak perlu meletak jawatan kerana Pas yang melantik mereka.

Beliau berkata, Pas harus bersedia menarik diri daripada pentadbiran kerajaan negeri Pakatan Harapan itu di semua peringkat termasuk Exco.

"Janganlah masih mengintai bumbung rumah janda setelah bercerai," bidasnya sambil menyifatkan kenyataan Khalil begitu naif kerana tidak merujuk peruntukan undang-undang terutama Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959.

Exco terbabit ialah Datuk Iskandar Abdul Samad yang juga Pesuruhjaya Pas Selangor sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar.

Dua lagi ialah Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi serta Exco Infrastruktur Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib.

Sehubungan itu, Faiz menggesa Khalil mengambil nasihat peguam Pas atau mana-mana pakar undang-undang sebelum mempertahankan kedudukan tiga Exco Pas terbabit.

"Lantikan Exco dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor atas nasihat Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Azmin Ali mengikut peruntukan Perkara LIII (53) Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1959.

"Perkara LV (55) pula memperuntukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan



bertindak di atas nasihat salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu Menteri Besar dalam konteks pelantikan Exco," jelasnya dalam satu kenyataan kepada akhbar mingguan Amanah.

Menyifatkan Khalil sebagai keliru, beliau men-

egaskan secara praktikal dan konvensyen, ketiga-tiga Exco tersebut dilantik oleh Menteri Besar dan bukannya Pas.

"Atas dasar inilah, empat Exco Pas dikurangkan kepada tiga setelah Datuk Seri Azmin dilantik sebagai Menteri Besar dan tiada bantahan oleh Pas ketika itu," ujar peguam itu lagi.

Khalil yang juga anak kepada Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang pada sidang media sulungnya di Alor Setar sempena muktamar Pas, 28 April lalu berkata, Exco Pas dalam kerajaan negeri Selangor tidak

dilantik oleh PKR atau DAP.

Sebaliknya, beliau mendakwa ketiga-tiga Exco itu dilantik oleh Pas sekaligus tidak ada keperluan bagi mereka untuk meletak jawatan jika Pas memutuskan hubungan dengan PKR.

SERAH MEMORANDUM...

Ketua Pemuda AMANAH Perak, Hasnul Zulkarnain Abd Munaim bersama Pemuda Pakatan Harapan negeri menyerahkan memorandum bantahan kepada SPR berhubung arahan pemberhentian pengedaran Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) Suku Tahun kepada parti-parti politik di Pejabat Pilihan Raya Negeri Perak, Ipoh pada 2 Mei lalu.



Perluakah SPR jadi lembu dicucuk hidung?



Khairuddin Daud

Pemuda AMANAH Sabah mempersoalkan tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menafikan hak parti politik bagi membuat bantahan terhadap senarai daftar pemilih yang kotor dan meragukan sebelum digazet.

Ketuanya, Khairuddin Daud berkata, masih terdapat keraguan dalam senarai daftar pemilih yang diwartakan.

"Senarai daftar pemilih juga tidak bersih. Janganlah kerana SPR bernaung di bawah Jabatan Perdana Menteri, maka SPR perlu menjadi seperti lembu dicucuk hidung.

"Sebagai sebuah suruhanjaya, kami percaya, SPR mestilah bebas daripada sebarang pengaruh parti Politik sama ada di pihak kerajaan mahu pun pembangkang," tegasnya dalam satu kenyataan.

Sehubungan itu, pihaknya mengulangi pendirian Pemuda AMANAH Nasional sebelum ini supaya SPR menarik balik arahan larangan Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) bagi setiap suku daftar pemilih kepada parti-parti politik.

"Akses terhadap RDPT adalah wajar diteruskan dan perlu diperluas bukan hanya kepada parti-parti politik malah kepada NGO-NGO untuk tujuan penilaian.

Kami membantah sebarang tindakan menafikan hak rakyat bagi mendapatkan akses RDPT," ujarnya.

Pada masa sama, beliau menggesa SPR memberi lebih tumpuan terhadap penguatkuasaan Akta Kesalahan Pilihanraya memandangkan badan berkenaan sebelum ini dilihat gagal berbuat demikian.

"Sebagai bukti, sewaktu Pilihan Raya Umum ke-13, Umno-BN bebas membeli undi di beberapa kawasan pilihan raya dan SPR hanya membisu dalam isu ini," ujar Khairuddin lagi.

Untuk rekod, SPR sebelum ini mengesahkan kesahihan surat dengan nombor rujukan S.P.R 600-3/1/4 bertarikh 18 April lalu berkenaan larangan pengedaran salinan Rang Daftar Pemilih Tambahan (Buku dan Cakera padat) kepada parti politik.

Sebelum ini, akses percuma kepada RDPT membolehkan parti-parti politik di negara ini mendapatkan maklumat mengenai pengundi baharu dan membantah pengundi yang meragukan pada setiap suku daftar pemilih yang diedarkan.

Dalam tempoh sebulan, parti politik boleh menyemak dan menyatakan bantahan kepada SPR jika terdapat sebarang keraguan dalam daftar pemilih tersebut sebelum digazetkan.

Pas tadbir Kelantan secara 'menang-kalah'

PEMUDA AMANAH Kelantan menyifatkan kerajaan negeri Kelantan yang ditadbir Pas pada masa ini lebih kepada pendekatan 'menang-kalah'.

Ketuanya, Hazmi Hassan (*gambar*) berkata, situasi tersebut berlaku apabila hanya kerajaan negeri di pihak yang menang sebaliknya rakyat sentiasa tertindas dan dizalimi.

"Kerajaan Pas Kelantan kini mentadbir negeri secara 'menang-kalah'. Isu Orang Asli, pembalakan tidak terkawal dan pengambilan tanah secara tidak adil di antara contoh Pas semakin jauh daripada rakyat," tegasnya.

Mengulas dakwaan bekas Ketua Pemuda Pas, Nik Abdul Nik Aziz baru-baru ini bahawa Pas semakin dekat dengan rakyat bahkan kian menghampiri Putrajaya, beliau menafikan 'angan-angan' tersebut.

"Kenyataan kononnya Pas semakin didekati satu dakwaan yang tidak tepat. Ini kerana Pas sekarang tidak



ada hubungan yang sinergi dengan rakyat.

"Pas juga kini sudah tidak berani berdialog dengan rakyat berbeza dengan cara Almarhum Tok Guru Nik Aziz yang mengangkat budaya dialog.

"Sehinggakan Kelantan terkenal dengan panggilan Sekolah Politik Terbuka. Lain pula dengan TMB (Timbalan Menteri Besar) yang marah apabila rakyat menegur isu sampah," bidasnya ketika dihubungi akhbar mingguan Amanah, 2 Mei lalu.

Sehubungan itu, Hazmi berpendapat Pas yang pada masa ini semakin jauh dengan rakyat sudah berada di tahap terdesak dengan mengenakan kerahan bagi meramaikan audiens dalam majlis anjuran kerajaan negeri.

"Pas kini menggunakan kuasa dengan memaksa peserta Ladang Rakyat dan cikgu-cikgu YIK (Yayasan Islam Kelantan) datang ke ceramah mereka bagi memenuhi tempat-tempat berceramah," tambah lagi.

Mahasiswa AMANAH turun padang menjelang PRU14

Kelolaan **ARIF ATAN**

Aspek Pendidikan Politik dan Kajian Lapangan merupakan tawaran yang diberi oleh Mahasiswa AMANAH Nasional kepada golongan penuntut yang berminat, kata Pengerusinya, Ahmad Fadhi Umar Aminolhuda.

Menurutnya, pendidikan politik berkaitan dari segi teori dengan paling penting disusuli praktikal manakala kajian lapangan memperkenalkan mahasiswa kepada proses mengumpul maklumat melalui soalan kaji selidik dalam kawasan tertentu.

"Bagi merealisasikan tawaran ini, kami di peringkat Mahasiswa AMANAH sebelum ini telah menjalankan program-program seperti Mahasiswa Masuk Kampung sebanyak dua kali iaitu di Slim River, Perak dan Permatang Pauh di Pulau Pinang.

"Program ini mendedahkan mahasiswa kepada 'real politic' apabila pelajar melaksanakan kerja-kerja gotong-royong dan menziarahi golongan miskin dan orang tua.



"Mahasiswa didedahkan cara bagaimana sebuah parti politik

bertemu dengan para pengundi dalam meyakinkan mereka supaya memberi undi.

"Seolah-olah serampang dua mata apabila mahasiswa berpeluang menjadikan ia medan kajian lapangan bagi melihat sendiri reaksi para pengundi terhadap parti-parti politik dan mood para pengundi menjelang pilihan raya," jelasnya ketika dihubungi akhbar mingguan Amanah, 3 Mei lalu.

Fadhi memberitahu, Mahasiswa

AMANAH juga buat julung-julung kalinya pada tahun lalu bersama Mahasiswa PKR dan DAP Varsity dalam satu gabungan Mahasiswa Pakatan Harapan (Mahasiswa PH) telah berjaya mengadakan Program Mahasiswa Turun Pilihan Raya Kecil (PRK) iaitu di Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

"Program yang berjaya mengumpul hampir 40 orang mahasiswa dari segenap kampus ini memberi pendedahan yang amat positif

kepada gabungan NGO alam sekitar itu di Pusat Penetasan Telur Penyu di Pantai Pasir Panjang. Untuk rekod, Pantai Pasir Panjang di daerah Manjung merupakan satu-satunya kawasan pendaratan penyu terutamanya spesies penyu agar di Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang sedang terdedah kepada ancaman pembangunan termasuk cadangan membina kilang besi dan keluli.

Mengulas lanjut, Penasihat Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa) itu memberitahu ciri fleksibel pada telur penyu dapat dilihat pada proses ibu haiwan terancam tersebut bertelur.

"Sifat telur penyu lembik berbanding telur ayam yang keras cangkerngnya. Telur penyu jatuh satu persatu tidak pecah. Bahkan, ibu penyu selepas bertelur akan mampatkan sarang dengan pasir,"

terangnya. Mengulas ciri keistimewaan penyu lagi, pensyarah di Pusat Pengajian Sains Kajihayat dalam bidang Biologi Alam Sekitar itu berkata, pemilihan sarang di bawah teduhan pohon berkaitan dengan nisbah jantina anak yang akan ditetaskan.

"Penyu bertelur di bawah pokok ambong-ambong atau ketapang sebab suhunya sesuai supaya anak jantan dan betina yang terhasil lebih kurang sama banyak.

"Ibu penyu target 50-50. Kehalusan butiran pasir juga penting selain faktor kecerunan pantai. Kalau (pasir) terlalu kasar, bila dikorek, pasir jatuh semula, struktur akan runtuh," jelasnya.

Satu lagi sifat penyu, tambahnya, adalah membuat sarang palsu seolah-olah ibu haiwan itu bertelur di situ.



Fadhi Umar

kepada para mahasiswa dengan melihat sendiri gerak kerja sebuah parti politik menghadapi pilihan raya sama ada dari segi meraih undi, culaan, pengumpulan maklumat dan ceramah," ujarnya.

Sehubungan itu, Fadhi memberitahu pihaknya sedang merangka untuk meneruskan program berbentuk turun padang dan mempraktikkan ilmu politik bukan sekadar berteori semata-mata.

"Ikuti Facebook kami di halaman Mahasiswa AMANAH Nasional untuk mengetahui program kami yang seterusnya," katanya lagi.

Sepintas

Teknologi tingkatkan pengangguran

Walaupun penggunaan teknologi mampu meningkatkan pengeluaran dan produktiviti tetapi pada masa sama peluang pekerjaan mengecil sekaligus menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran, ujar Prof Madya Izani Mohd Zain.

Dipetik daripada artikelnya baru-baru ini, beliau berkata, mahu atau tidak, peluang pekerjaan baharu perlu sentiasa diwujudkan dari semasa ke semasa.

"Tidak semestinya hanya didukung kerajaan, sebaliknya ia boleh disokong dengan aktiviti keusahawanan. Ini sangat baik dalam menyokong ekonomi berciri bebas tanpa pergantungan penuh kepada kerajaan.

"Kita perlu bertindak proaktif dengan memimpin teknologi yang digunakan untuk memperkasa manusia bukan menggantikannya," tambah pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu lagi.

Rangka 6,000 tahun di Pulau Pinang

Pengkaji di Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) Universiti Sains Malaysia (USM) pada 26 April lalu dilapor yakin rangka manusia berusia sekitar 5,000 hingga 6,000 tahun masih ada di Tapak Arkeologi Guar Kepah di Kepala Batas, Pulau Pinang.

Pengarah PPAG, Prof Datuk Dr Mokhtar Saidin berkata, rangka manusia pertama yang ditemui pada seminggu sebelum itu telah dibawa balik ke USM untuk diawet dan disimpan.

Menurutnya, rangka manusia Neolitik itu dalam keadaan tangan diikat ke dada dan mengiring ke kanan berserta tembikar dan peralatan memburu.

Dalam hal berkaitan, Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng berkata, kerajaan negeri akan memohon menjadikan tapak arkeologi itu sebagai tapak warisan dunia Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) di bawah kelas Tapak Arkeologi Dunia.

Kaji ciri haiwan bantu majukan manusia

BANYAK pihak tidak menyedari kajian secara saintifik terhadap alam haiwan sebenarnya secara tidak langsung boleh dimanfaatkan dalam usaha memajukan kehidupan manusia.

Itu antara ditegaskan pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Nurul Salmi Abdul Latip kepada para peserta Rakan Segari di Manjung, Perak sempena Hari Bumi baru-baru ini.

Menurutnya, sifat fleksibel pada telur penyu sebagai contoh penting dalam memberi idea untuk manusia membuat bahan yang tidak mudah pecah atau rosak.

"Cangkerng pada telur penyu berselirat teksturnya jika dilihat di bawah mikroskop berbanding cangkerng pada telur ayam.

"Itu sebabnya telur penyu fleksibel dan pengetahuan ini boleh diaplikasikan untuk kita hasilkan material yang fleksibel," jelasnya



Dr Nurul Salmi (berdiri dua dari kiri) bersama sebahagian peserta Rakan Segari mendengar taklimat daripada petugas di Pusat Penetasan Penyu Segari, Nazim Ayub baru-baru ini.

"Tujuannya mahu kelirukan musuh. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan hanya satu peratus sahaja telur yang metas akan terus hidup sehingga dewasa lantaran terdedah kepada

pelbagai ancaman.

"Plastik yang terampai misalnya akan mudah disalah anggap oleh penyu sebagai obor-obor yang merupakan bahan makanannya," ujar Dr Nurul lagi.

Deklarasi Tekad Budaya dibaca di khalayak

TERIMA KASIH Tan Sri Nordin Kardi, Naib Canselor Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), yang mencadamenjadikan kepada saya supaya Pertemuan Seni di USAS 7-9 April diakhiri dengan membacakan suatu deklarasi yang dinamakan 'Deklarasi Kuala Kangsar', sebagai rumusan ke pada segala perbincangan di dalam pertemuan itu.

Tidak terfikir oleh saya ketika membacanya di hadapan para seniman-budayawan-ilmuwan peserta Pertemuan Seni serta beberapa orang wartawan tempatan dan Indonesia pada petang Ahad itu, di USAS Kuala Kangsar, bahawa deklarasi empat perkara itu akan hidup dan nanti menemui khalayaknya yang begitu besar dan luas cakupannya.

Pada mulanya saya hanya mempamerkan senarai nama-nama badan atau organisasi yang menyokong deklarasi itu, di fesyen, satu demi satu, dengan menjangka mencapai 30 badan/organisasi sebelum diadakan seminar lanjutannya bersama sidang media di Kuala Lumpur.

Badan pertama yang menyatakan sokongan ialah Ziarah Karyawan (ZK) pimpinan Yassin Salleh; diikuti oleh Gasewap (Pulau Pinang), Tajulmedia Melayu, Persatuan Sejarah Kuala Kubu (Peskubu), Numera Malaysia (pimpinan SN Ahmad Kamal Abdullah) dan Persatuan Alumni Aswara (pimpinan Lenny Erwan).

Penyokong yang ketujuh ialah sebuah masjid yang biasa menganjurkan aktiviti seni dan sastera, iaitu Masjid Abdul Rahman Bin Auf, Puchong, yang SN Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) menjadi nazirnya.

Seorang ahli ZK di Negeri Sembilan kebetulan terlibat dengan suatu pesta di Port Dickson selama tiga hari pada 29 April - 1 Mei. Lalu dia -

memasukkan acara Baca Puisi oleh ZK dan juga membaca Deklarasi Kuala Kangsar (Deklarasi KK) di hadapan khalayak umum Festival Per silatan Tanah Beradat, dalam pesta tersebut.

Hal ini, seperti kebiasaan ZK, diuar-uarkan melalui laman sosial fesyen beberapa hari menjelang tarikh berkenaan, untuk makluman ahli-ahlinya di seluruh Malaysia, Indonesia dan Singapura, dan juga promosi khalayak umum.

Sementara itu seorang Ajk PAKSI, Chan Yong Sin yang juga rakan empunya galeri Xin Art Space (Setia Wangsa), akan mengadakan Pameran Kaligrafi Puisi-Puisi Malaysia, dan perasmian pada 23 April, oleh SN A Samad Said.

Chan Yong Sin bersetuju Deklarasi KK dibacakan dalam majlis perasmian pameran itu, dan teksnya disebar kepada khalayak. Demikianlah Deklarasi KK yang dibacakan oleh Shariffah Khadijah pada petang Ahad tersebut telah memulakan suatu program baru dalam gerakan Tekad Budaya.

Empat hari selepas itu, pada 27 April saya menunaikan jemputan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Selangor (Unisel) untuk berforum bersama tiga panel yang lain, Datuk Abd Jalil Ali, Yassin Saleh dan seorang wakil pelajar, dengan tajuk "Seni alat pembebasan?"

Sebelum forum dimulakan, pengarah program tersebut, Mashitah Sulaiman tampil bersama rakan-rakannya pelakon teater, membacakan Deklarasi KK, dengan diikuti oleh khalayak yang membaca teksnya di tangan masing-masing. Dan itu adalah ikrar sokongan Majlis Perwakilan Pelajar Unisel terhadap deklarasi tersebut.

Bacaan Deklarasi KK yang ketiga berlaku di sebuah panggung teater di pekan lama Sun-

gai Lembing, Kuantan, pada 29 April, iaitu menjadi satu daripada acara Festival Teater Kuantan (Festek) anjuran Majlis Perbandaran Kuantan dan Anggun Performing Arts (pimpinan Roslan Madun).

Roslan Madun yang turut hadir di Pertemuan Seni di USAS adalah tokoh seni-budaya yang paling aktif mempromosi fahaman Tekad Budaya. Beliau telah menganjurkan ceramah dan forum Tekad Budaya dan menjemput saya membicarakannya dalam program-program anjurannya sebelum ini, seperti di Temerloh, di Universiti Putra, di Rumah Pena, dan di UiTM Jengka, Pahang.

Ketika pelbagai badan/organisasi seni-budaya menyatakan sokongan kepada Deklarasi ini, Roslan sengaja menundakan pernyataan sokongannya ke suatu saat yang dirancangnya di dalam Festek (dia menjadi pengarah Festek).

Pagi Sabtu 29 April itu diadakan suatu slot untuk saya berbicara mengenai Tekad Budaya, bersama dengannya. Semestinya saya juga menjelaskan mengenai Deklarasi Kuala Kangsar, yang merupakan puncak kepada gerakan Tekad Budaya sehingga ini.

Suatu hal yang menarik dalam sesi perbincangan ini Datuk Dzulkifli Yaakob, Pegawai Kemajuan Negeri Pahang, yang merupakan tulang belakang penganjuran Festek, turut sama menyatakan pandangannya yang bersetuju dengan gagasan Tekad Budaya.

Di akhir sesi tersebut Roslan Madun mengumumkan akan membaca Deklarasi KK, dan menjemput sesiapa saja yang mewakili badan/organisasi masing-masing yang ingin menyatakan sokongan kepada Deklarasi, untuk naik ke pentas.



Orang pertama yang naik pentas ialah Datuk Mohd Mansor Abdullah, Ketua Satu Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP). Ini amat menggembarakan saya.

(Sebelum ini satu lagi badan kerabat Gapena yang menyatakan sokongan ialah Ikatan Persuratan Melayu (IPM), Melaka.) Dan ini diikuti oleh sebelas lagi wakil badan/organisasi lain yang menyokong, termasuk dari Politeknik Mersing dan Institut Pendidikan Guru (IPG) di Kuala Lipis dan di Terangganu.

Lalu ikrar atau bacaan pemasyhuran secara penuh adat istiadat yang dilakukan oleh Ziarah Karyawan di Pesta Port Dickson pada 1 Mei itupun menjadi aktiviti bacaan Deklarasi KK yang keempat, walaupun ia paling awal dirancang.

Tan Sri Nordin Kardi yang mencetuskan Deklarasi ini turut hadir di majlis tersebut, dan turut sama membacanya, dipimpin oleh Penghulu ZK, Mohd Tazalli Tamin.

Menjelang seminar khas Deklarasi yang akan dibuat di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 15 Mei ini, saya percaya tentu akan ada lagi beberapa aktiviti Baca Deklarasi KK akan diadakan. Siapakah yang akan menganjurkannya? ■

Kepentingan 1 Mei dan 3 Mei bagi negara demokrasi

Oleh **ABU FIRDAUS**

ADA dua hari peringatan berlaku pada bulan Mei ini.

Kedua-duanya merupakan tonggak penting bagi kehidupan demokrasi di negara ini. Pertama, 1 Mei iaitu Hari Buruh atau Hari Pekerja. Kedua, 3 Mei, hari kebebasan akhbar.

Kedua-dua ini penting bagi sesebuah negara demokrasi. Ini kerana Hari Pekerja bertujuan mengingatkan pihak berkuasa, bermodal dan mengupah orang, dapat memberikan kebajikan dan keadilan kepada golongan yang mencurahkan tenaga untuk menggerakkan ekonomi.

Dalam sesebuah negara demokrasi, semua rakyatnya adalah setaraf, tidak ada yang menjadi tuan, tidak ada pula yang menjadi hamba. Tetapi dalam masyarakat demokrasi, orang bebas dan berhak untuk hidup dan menjadi kaya. Maka mereka yang bermodal bebas

melaburkan harta mereka untuk bertambah kaya. Mereka yang berusaha bebas berniaga untuk bertambah makmur, sementara mereka yang bertenaga bebas untuk menjadi pekerja.

Cumanya para pekerja ini perlu diberi pembelaan oleh negara kerana kedudukan mereka yang lemah. Mereka boleh dieksploitasi oleh golongan yang bermodal atau berusaha. Oleh kerana tiada jalan lain untuk hidup selain daripada mengambil upah, mereka mudah ditipu dan diperlakukan. Maka sambutan Hari Pekerja dibuat untuk memberi ingatan kepada pihak-pihak yang berkuasa supaya hak ditegakkan dan keadilan dilaksanakan.

Perjuangan buruh bermula ketika Revolusi Industri berlaku di Britain dengan pihak pengusaha yang menjadi majikan mengeksploitasi para pekerja yang dipaksa bekerja berjam-jam lamanya. Maka para pekerja bangkit yang akhirnya

berjaya memperoleh had waktu bekerja setakat lapan jam sehari. Ini diikuti dengan kebajikan lain seperti cuti rehat.

Sementara Hari Kebebasan Akhbar adalah memperingati tentang kepentingan kewartawanan dan jurnalisme dalam negara demokrasi. Dalam negara demokrasi, nasib negara berada pada tangan rakyat sendiri selaku warga negara. Negara adalah entiti lembaga kesepakatan dan rakyat adalah warganya. Untuk demokrasi negara berfungsi rakyat memerlukan maklumat dan pengetahuan yang bebas, luas dan mendalam.

Maklumat dan pengetahuan ini diperolehi melalui akhbar. Akhbar di sini bukan bermaksud surat khabar semata-mata walaupun secara tradisi ia adalah sumber maklumat dan pengetahuan. Akhbar bermaksud alat yang membawa khabar. Maka kalau dalam konteks hari ini, akhbar itu bermaksud media, yang boleh -

datang dalam pelbagai bentuk sama ada bercetak atau elektronik, sama ada media konvensional atau siber.

Namun begitu akhbar juga bukan saja bermaksud alat tetapi isi. Isi khabar itu adalah kewartawanan. Dalam bahasa Inggerisnya disebut press. Press pula bukan bermaksud media semata-mata tetapi kewartawanan dan jurnalisme. Maka struktur asal kewartawanan adalah pemberitaan, penyiasatan, analisis dan gagasan. Ia bukan sekadar hebahan, penerangan, perhubungan awam atau strategi media. Tetapi ia lebih daripada itu.

Kewartawanan atau jurnalisme membongkar kepincangan, malah ia merupakan wadah bagi whistle blower atau penghidu penyelewengan, pencadang pendapat, penyegar pandangan dan akhirnya menjadi peneroka gagasan. Inilah yang hendak di ingatkan dan diraikan pada tarikh 3 Mei.

Buruh dan pekerja mempunyai tempat istimewa bagi Parti Amanah Negara. Selain daripada AMANAH turut memperjuangkan hak dan kepentingan buruh serta pekerja, ia juga mempunyai latar belakang yang turut ada kaitan dengan perjuangan golongan itu.

Sebagai contoh, ada pemimpin parti ini dalam wadah lamanya turut terlibat dengan buruh. Sementara parti ini sendiri sebelum dijenamakan semula adalah bernama Parti Pekerja-Pekerja Malaysia yang pernah meletakkan asas perjuangannya atas pembelaan terhadap para pekerja. Ia juga merupakan lanjutan perjuangan Parti Buruh Malaya terdahulu.

Dalam persuratkhabaran pula, sebaik AMANAH ditubuhkan, serta-merta *Mingguan Amanah* diusahakan penerbitannya. Ia merupakan komitmen terhadap kepentingan kewartawanan atau jurnalisme dalam perjuangan. ■

Kerajaan Selangor bakal tumbang?

Oleh AHMAD LUTFI OTHMAN

POLITIK di Selangor memang menarik tetapi saya tidak bercadang mengulasnya --selepas menulis tentang Kedah, Johor dan Perak-- sehinggalah muktamar tahunan Pas baru-baru ini mengambil ketetapan sebulat suara untuk memutuskan hubungan dengan KeADILan.

(Sebenarnya saya lebih berminat untuk membuat tinjauan di Kelantan, dengan membayangkan kemungkinan berlaku arus perubahan pada akar umbi, selain keistimewaan faktor Husam Musa dan kesediaan Parti Amanah Negara untuk mengambilalih kerajaan negeri daripada Pas, yang memerintah sejak 1990).

Dalam muktamar 2015 di Kuala Selangor, Pas meluluskan usul --tanpa bahas-- menamatkan kerjasama politik dengan DAP, seterusnya menguburkan Pakatan Rakyat. Bagaimanapun Parti Islam itu kekal dalam kerajaan negeri Selangor, dengan tiga Adunya dilantik anggota exco, kerana, antara lain, masih ada hubungan dengan KeADILan.

Dalam PRU13, Pakatan Rakyat menang besar dengan majoriti lebih dua pertiga, iaitu 44 kerusi Dun (KeADILan, 14; Pas, 15; DAP, 15). Berbanding pilihan raya 2008, prestasi Pas melonjak hampir dua kali ganda, KeADILan kurang satu dan DAP menambah dua kerusi. Bagaimanapun atas persefahaman bersama tiga parti, wakil KeADILAN tetap dilantik menteri besar.

Dalam PRU1999, Pas sudah menunjukkan keupayaannya sebagai pembangkang utama di Selangor apabila menguasai empat kerusi Dun, manakala KeADILan dan DAP masing-masing satu. Adun Pas Sungai Burong, Dr Hasan Ali dilantik ketua pembangkang dan berjaya menggagalkan sidang Dewan Negeri dengan isu salah-guna kuasa MB Dr Khir Toyo.

Sebenarnya hubungan dingin di antara

Pas dan KeADILan ini sudah dikesan sejak lama. Ya, bukan mudah untuk memastikan kerjasama politik kedua-dua parti yang tertumpu kepada konstituensi hampir sama. (Ia juga terjadi dalam BN dahulu, antara Pas dan Umno, yang hanya bertahan dalam satu pilihan raya, 1974). Maka berlakulah pertandingan melibatkan pertembungan sesama sendiri calon Pas dan KeADILan, di beberapa kerusi Dun, khususnya pada 2013.

Saya secara peribadi pernah meramalkan hubungan Pas-KeADILan lebih sukar dipertahankan berbanding persefahaman Pas-DAP. Ini kerana kerusi tumpuan Pas tidak bertindan dengan DAP, walaupun dari segi dasar perjuangannya cukup berbeda. Kematangan dan pengalaman kepimpinan kedua-dua parti juga meyakinkan saya bahawa hubungan unik itu tidak mudah retak, apatah lagi untuk putus terus, sehingga dianggap musuh utama pula! Malangnya, rakaman sejarah menunjukkan tanggapan saya meleset.

Selagi parti-parti pembangkang utama bercakaran, dan terus berbalah atas perbedaan masing-masing, Umno-BN boleh tidur lena. Keupayaan elit pemerintah menggekalkan kuasa lebih difaktorkan oleh perpecahan sesama oposisi, berbanding prestasi baik kerajaan. Dan hanya berpunca daripada faktor remeh-temeh atau sengaja dimanipulasi seteru politik, tanpa pengurusan konflik dalaman yang berkesan, gabungan oposisi boleh terburai dengan senang.

Dalam konteks Selangor, apakah sekiranya Pas menarik diri susulan keputusan muktamar di Kota Sarang Semut, Kedah, kerajaan negeri boleh ditumbangkan? Saya kira Majlis Syura Ulama Pas tidak mempunyai pilihan selain menurut usul yang dipersetujui itu.

Banyak pihak berpendapat, sukar bagi

wakil-wakil Pas mengosongkan beribu-ribu jawatan politik di Selangor, bukan hanya atas kepentingan peribadi, tetapi ia akan memberi nilai-tambah yang besar kepada saingan utamanya, iaitu Parti Amanah Negara.

Secara umum, AMANAH akan diberikan kepercayaan mewakili Pakatan Harapan, di kawasan-kawasan yang pernah ditandingi Pas. Pada 2013, Pas menang 15 daripada 21 kerusi Dun. Dengan kehadiran satu lagi parti baru, Bersatu, dipercayai AMANAH akan memberi laluan kepadanya, terutama di kerusi yang Pas kalah ataupun di kawasan majoriti pengundi Melayu.

"Ramai tokoh Pas Selangor yang dikenali ramai dulu kini menyertai AMANAH. Saya percaya majoriti penyokong Pas di negeri ini, yang bersikap terbuka, juga tidak bersetuju bukan saja dengan keputusan tamat hubungan DAP, malah menentang tidak bekerjasama dengan KeADILan. Secara senyap mereka ini menyokong AMANAH," kata seorang pensyarah politik.

"Dan AMANAH akan makin mantap dan diperkukuhkan jika kerajaan negeri Pakatan Harapan benar-benar tertegak di Selangor," tambahnya.

Menurut analisis sebuah akhbar Cina, *Oriental Daily*, daripada 15 kerusi yang dimenangi Pas itu, lapan Dun atas sokongan pengundi bukan Melayu, khususnya masyarakat Cina, iaitu Taman Templer, Lembah Jaya, Paya Jaras, Seri Serdang, Chempaka, Meru, Dusun Tua dan Tanjung Sepat.

Malah di beberapa kerusi lagi, misalnya, Sabak, Gombak Setia, Selat Kelang, Sijangkang, majoriti kemenangan calon BN kecil berbanding jumlah pengundi bukan Melayu. Dalam situasi imej Pas dilihat negatif pada kacamata masyarakat bukan Islam, kemungkinan untuk mempertahankan kerusi berkenaan juga sukar. Pada awalnya, peluang BN untuk kembali berkuasa jika berlaku

pertandingan tiga penjurong agak terbuka. Namun, faktor kehadiran Bersatu dan penubuhan AMANAH meranapkan impian itu, apatah lagi sentimen kepembangkangan dan anti-BN begitu terasa di Selangor, negeri termaju, pesat dengan proses perbandaran, sekali gus terdedah dengan ledakan informasi.

Rakyat Selangor juga masih belum lupa dengan pentadbiran BN di bawah Khir Toyo. Pelbagai salah laku dan kes korupsi dibongkar. Di peringkat lokal, masyarakat melihat wakil-wakil rakyat BN mengambil kesempatan untuk memperkayakan diri dan kroni, terutama melalui projek pembangunan yang rancak berjalan. Sementalahanpula, kerajaan Pakatan melancarkan banyak skim peduli rakyat, yang membawa keuntungan untuk dinikmati bersama.

Khabar angin bertiup kencang. Kerajaan pimpinan Azmin Ali mungkin tumbang disebabkan gabungan baru Umno-BN, Pas dan dua Adun Bebas, ditambah beberapa Adun KeADILan yang melompat. Saya tidak menganggapnya sebagai berita yang mengejutkan, sekadar penglipurlara atau jenaka.

Situasi di Selangor sekarang jauh berbeda dengan keadaan di Perak pada 2009, walaupun menyedari dalam politik segalanya serba mungkin. Bersediakah Pas mengambil risiko besar, yang bakal memusnahkan sisa-sisa reputasinya? Kecenderungan masyarakat di Selangor juga ketara, berpatah arang dengan Umno-BN, apatah lagi dalam skandal besar menyelubungi Najib Razak dan populariti MB Azmin melonjak 62 peratus.

Malah, jika Umno dan Pas cuba untuk menumbangkan kerajaan Selangor, saya percaya beberapa Adun Pas akan isytihar keluar parti, termasuk Pesuruhjayanya, Iskandar Samad, yang juga Exco Kanan kerajaan negeri.

Saya akan membuat analisis menyeluruh politik Selangor, khususnya perkembangan AMANAH, dalam keluaran berikutnya.

Serangan sebenar Pas adalah Pakatan Harapan

Oleh HISOMUDDIN BAKAR

BARISAN kepimpinan Ahli Jawatankuasa Pas Pusat yang dipilih kali ini boleh disifatkan adalah barisan yang akan menempuhi PRU14.

Namun, saya melihat tiada elemen kejutan mahupun kelebihan pada barisan kepimpinan yang menggekalkan status quo kepimpinan lalu.

Seperti dijangka, Muktamar Tahunan Pas ke-63 berakhir 1 Mei lalu mencatatkan serangan Pas terhadap parti dalam Pakatan Harapan melebihi serangan kepada Umno dan Barisan Nasional.

Ini membayangkan Pas akan kekal dengan bacaan dunia mereka yang tersendiri tanpa menghiraukan pandangan kelompok teramai dalam posisi politik mereka.

Muktamar di Kompleks Pas di-

Sarang Semut lalu menyaksikan Pas menyerang PPBM, doa jahanam buat AMANAH manakala DAP dianggap lebih bahaya daripada Umno. PKR kali ini dilihat titik fokus serangan Pas bermula dengan peringkat Negeri, sayap Ulama dan Pemuda kemudian disudahi dengan muktamar penuh untuk memutuskan hubungan politik antara kedua-dua parti tersebut.

Sekarang, keputusan muktamar sudah termeteri hanya menunggu hukum akhir di Majlis Syura Ulama dan AJK Pas Pusat untuk menokhtahkan keputusan berkenaan.

Semua pemerhati melihat sekiranya Pas memutuskan tahaluf siyasi secara mutlak termasuk di Selangor, maka ia merupakan parti yang berprinsip.

Namun, jika keputusan sebaliknya iaitu dengan menggunakan pelbagai hujah dan alasan untuk menggekalkan penguasaan lantikan

politik di Selangor, Pas mengesahkan parti mereka sebagai parti oportunist dan mementingkan kuasa melampaui prinsip perjuangan.

Tindakan memutuskan hubungan dengan PKR juga membayangkan kerusi Pas yang 'dipinjamkan' kepada parti reformasi itu akan diambil kembali.

Maka 'roadmap' Pas untuk menjadi 'king maker' adalah konsep yang akan diutamakan. Sebanyak 40 kerusi sasaran untuk menang dan menawan lima negeri adalah matlamat pilihan raya bagi Pas.

Dalam situasi ini membayangkan pertembungan tiga penjurong atau lebih tidak lagi dapat dielakkan.

Blok Gagasan Sejahtera setakat ini tidak memberikan impak besar kerana parti di dalamnya tidak mempunyai kekuatan signifikan. Maka, saya boleh katakan, hanya Pas memikul segalanya bagi meng-

hadapi PRU14.

Mengenai kerjasama atau ta'awun dengan Umno, saya menjangkakan pendirian Pas lebih kepada gerakan yang tersirat. Jika kerjasama dizahirkan, ia lebih memberi kesan kepada ahli Pas di peringkat akar umbi yang masih sukar menerima kerjasama antara dua buah parti ini.

Walau bagaimanapun, polisi Pas tidak mengadakan mana-mana kerjasama politik adalah bahaya kepada Pas. Gerak strategi seakan 'mesra' Umno menyebabkan ahli Pas sukar menepis serangan mengatakan Pas akan membantu Umno. Jika silap catur, akan ada ahli yang akan keluar beramai-ramai dan ini tidak baik untuk masa depan politik Pas.

Pendekatan Pas mengugut Pakatan Harapan untuk tidak masuk dalam perlawanan Pas



Hisomuddin merupakan Pengerusi Eksekutif Ilham Centre.

lawan Umno di 80 kawasan adalah kenyataan angkuh dan menjelekkan bagi pengundi.

Persoalannya, apa tujuan Pas masuk lawan Umno? Adakah kerana mereka yakin boleh menewaskan Umno tanpa sokongan Pakatan Harapan?

Saya lihat strategi Pas tetap akan melawan Umno sebenarnya membantu Umno untuk menang. Dengan maksud perlawanan hanya sekadar memastikan undi orang Pas tidak mengundi Pakatan Harapan.

Pas tahu sukar untuk mereka menggerakkan kempen supaya ahlinya mengundi Umno. Jika situasi itu wujud, sebahagian ahli akan keluar parti.

Cikgu Naziera

Oleh ISKANDAR AL-ISFAHAN

NAZIERA terkedu membaca surat yang baru saja diterimanya itu. Hatinya seolah-olah hancur meneliti setiap bait kata yang terkandung dalam surat itu. Setiap isi dalam surat itu seolah-olah membunuhnya.

Mimpi ngeri yang selalu menerpanya kini menjadi kenyataan. Naziera akan ditukarkan ke sebuah sekolah pedalaman di negeri Sarawak. Keputusan pertukaran ini adalah sebagai tindakan yang dikenakan kepadanya kerana menyalahi etika perguruan. Dia masih kabur sebenarnya. Apakah kesalahan yang dilakukannya?

Naziera menerima surat amaran dua minggu lepas setelah dia menghadiri ceramah anjuran sebuah parti politik. Kehadirannya dapat dihidu oleh pihak Kementerian dan sejak itulah musibah yang tiada noktah menimpanya. Musibah paling besar adalah yang berlaku sekarang di mana dia akan ditukarkan ke sekolah pedalaman. Naziera berfikir sejenak. Adakah mampu untuk dia bertahan di kawasan pedalaman itu?

Pernah sekali dulu rakannya Ali terpaksa dihantar pulang ke Semenanjung kerana terlalu tertekan mengajar di pedalaman. Sedangkan Ali yang lelaki pun boleh berputus asa mengajar di pedalaman apatah lagi Naziera yang merupakan seorang perempuan lemah-lembut.

Naziera terduduk di bilik guru sambil mendaratkan kepalanya di atas meja guru miliknya kerana terlalu tertekan memikirkan dugaan baru yang menimpanya itu. Mungkin dengan berbuat begitu dia mampu bertemu ketenangan.

Melihatkan tiada sesiapa di dalam bilik guru melainkan dirinya, Naziera mengambil kesempatan ini untuk melepaskan semua tekanannya melalui air mata. Dia menangis sepuas hatinya. Menangis bukan bermakna dia lemah tetapi untuk mencari sinar bagi mencari semangat untuk meneruskan hidup yang sangat susah di pedalaman nanti. Dia akan berada tersangat jauh malah akan terputus hubungan dengan keluarganya.

Sebenarnya, ini bukan kali pertama Naziera menjadi mangsa keadaan. Namun, ketabahan serta kecekalan diri yang tinggi

merupakan sebab utama Naziera masih bertahan dengan segala cabaran dan dugaan yang tidak putus-putus menimpanya.

Walaupun kadangkala dia tidak kuat dan seakan-akan mahu berputus asa, dia masih berdiri memperjuangkan kerjaya mulianya sebagai seorang guru. Itulah cita-cita Naziera sejak kecil. Dia mahu mendidik anak bangsanya supaya menjadi orang yang berguna pada masa hadapan.

Dugaan mendakap erat Naziera sehingga kini dan hari ini iman dan kekuatannya terlalu tercabar. Tidak kuat untuk dia menerimanya. Jauh di sudut hatinya ingin sekali Naziera berputus asa dan meninggalkan kerjayanya itu hari ini.

TAPAK KAKI

Kedengaran bunyi tapak kaki menghampiri bilik guru. Naziera bagaikan terpaksa menghentikan tangisan. Belum sempat dia mengesat air mata, Cikgu Zati sudah terpacak berdiri di hadapannya.

"Kenapa ni Naziera? Saya tahu awak menangis. Awak ada masalah ke?"

Soalan Cikgu Zati itu tidak dijawab oleh Naziera sebaliknya dia terus merapatkan tubuhnya dan terus memeluk erat Zati sambil menyambung tangisannya. Dalam keadaan teresak-esak menangis, Naziera menceritakan segala-galanya kepada Zati. Naziera kemudiannya mengambil surat pertukarannya itu dan memberikannya kepada Zati.

Zati mengamati setiap isi surat itu. Terkejutnya bukan kepalang. Ini bermakna dia akan kehilangan Naziera yang bukan sahaja rakan sekerjanya tetapi juga sahabat karibnya.

"Saya yakin kita mesti ada cara untuk

selesaikan masalah ni," Zati cuba untuk meyakinkan Naziera.

"Tak apa Zati. Sukar untuk kita menentang keputusan kerajaan. Kesudahannya kita tidak akan berjaya. Saya yakin ada hikmah di sebalik apa yang berlaku ini. Insya Allah saya boleh berdikari di sana. Jangan risaukan saya ya."

Zati hanya mampu menundukkan kepalanya mendengarkan jawapan Naziera itu. Kesedihan turut menyelubungi hatinya. Dia akan kehilangan sahabat karibnya itu hari ini.

"Saya bersimpati dengan nasib awak Naziera. Inilah yang selalu terjadi. Pemerintahan kuku besi yang tak habis-habis

irnya di sekolah itu sebelum dia berpindah.

Naziera cepat-cepat mengeringkan air matanya kerana dia tidak mahu murid-murid di kelas 5 Dinamik bertanya sebab dia menangis. Sesi pembelajaran kelas 5 Dinamik berjalan lancar seperti yang telah dirancang oleh Naziera. Dia berjaya menyembunyikan kesedihannya sepanjang satu jam kelas berlangsung.

Loceng balik akhirnya berbunyi. Naziera masih serba salah sama ada ingin memberitahu perkara sebenar bahawa dia akan berpindah atau tidak. Dia tidak kuat jika anak-anak murid kesayangannya turut bersedih atas pemergiannya selepas ini.



mencengkam hidup kita. Guru pun manusia juga. Kita pun ada hak untuk berpolitik. Mungkin mereka ingat kita ni robot perlu ikut sahaja kata mereka. Kami di sini akan rindukan awak Naziera. Kami akan sentiasa doakan yang terbaik untuk awak."

Zati sekali lagi memeluk Naziera erat, kali ini seperti tidak mahu melepaskan pelukannya itu.

"Jangan risau Zati. Bila ada cuti saya akan balik dan melawat awak di sini."

Sambil mengesatkan air mata dengan sapu tangan, Naziera berjalan lemah keluar daripada pintu bilik guru untuk ke kelas 5 Dinamik yang akan menjadi kelas terakhir-

"Terima kasih semua. Cikgu sangat menghargai kerjasama yang telah kamu berikan selama ini. Jadi orang yang berguna ya."

Itu sahaja yang mampu Naziera ucapkan kepada murid-murid kelas itu.

"Kenapa cikgu cakap begitu? Cikgu nak pergi mana?" Nazri, ketua kelas 5 Dinamik mempersoalkan kata-kata Naziera itu.

"Cikgu tak pergi mana-mana. Kita akan jumpa lagi nanti ya."

Tanpa bercakap banyak, Naziera segera mengemaskan barang-barangnya dan keluar daripada kelas itu sambil air matanya tidak henti-henti mengalir. ■

SI PENGEMBALA TUA

Si pengembala tua berjalan lemah
Sambil peluh terpercik di dahi
Masuk ke sebuah sidang
Tangan kanan memegang tali gembala
Tangan kiri mengenggam sekeping nota

Nota terakhir dari sang penguasa
Yang baru diterima
Bagai panahan berbisa
Menyentap perasaan dan sisa-sisa nyawa
Menggugat harapan dan cita-cita
Sebidang padang menghijau kelak menjadi korban

Bakal menjadi deretan taman
Demi mengisi kepadatan wargakota

Nun di sana ada sebuah temasya
Di sebuah padang yang telah dirata
Pada asalnya padang ragut menghijau
Sambil hadirin yang ada bergelak ketawa
Menunggu sosok penting memotong riben
Tanda perasmian projek mega
Yang bakal merencanakan harapan si gembala tua
Hilanglah lagi sebuah tanda
Padang menghijau akan menjadi kerandaÖ

Lalu si gembala berbisik pada sang lembuÖ

Bercerita pada sang kambingÖ
Bermadah pada beringin tuaÖ
Bahawa padang ini bukan lagi kepunyaan kita
Untuk dipusaka selama-lama

Berbekal sisa-sisa kudrat dan secebis harapan
Si pengembala tua mengajak sidang
Bukan untuk memberi kata dua
Tapi sekadar fahamlah keluhan
Harmonikan alam menjadi sejahtera
Selamatkan tanah pertanian yang ada
Kerana di sinilah sumber makanan anak cucu kita

PUTERA SRI ALAM

Laporan polis siasat MB Johor

JOHOR BAHRU: Pemuda AMANAH Negeri Johor telah membuat laporan polis terhadap Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohammed Khaled Nordin berikutan isu rasuah membabitkan pemimpin kerajaan negeri.

Laporan polis yang dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru pada 2 Mei lalu itu mahu siasatan dilakukan terhadap Khaled ekoran penahanan dan pendakwaan bekas Exco Kerajaan Negeri Datuk Abdul Latiff Bandi atas tuduhan rasuah membabitkan hartanah bumiputera.

Naib Ketua Pemuda AMANAH negeri 'Asim Abdullah Ainullofi berkata, isu membabitkan salah urus tadbir sesebuah negeri bukan terletak di bahu seseorang individu bawahan seperti Abdul Latiff malah diyakini membabitkan Menteri Besar.

"Laporan polis ini dibuat untuk

“Jangkaan kami terhadap Menteri Besar Khaled adalah disebabkan seorang pengerusi bagi Jawatankuasa Hasil Bumi Negeri Johor tidak mungkin sama sekali tidak mengetahui bahawa berlakunya pertukaran status dari lot bumi kepada lot non bumi yang seperti mana berlaku dalam tuduhan ke atas bekas exco Kerajaan Negeri Johor...”

memohon pihak polis membuat siasatan di atas kecurigaan yang berlaku pada Menteri Besar Datuk Seri Mohammed Khaled Nordin.

"Jangkaan kami terhadap Menteri Besar Khaled adalah disebabkan seorang pengerusi bagi Jawatankuasa Hasil Bumi Negeri Johor tidak mungkin sama sekali tidak mengetahui bahawa berlakunya pertukaran status dari lot bumi kepada lot non bumi yang seperti mana berlaku

dalam tuduhan ke atas bekas exco Kerajaan Negeri Johor," ujar beliau.

'Asim menambah, tindakan lepas tangan Menteri Besar dalam isu ini menimbulkan kesangsian rakyat negeri ini kerana orang yang disyaki terlibat masih bebas tanpa sebarang siasatan.

Tindakan berlepas diri Menteri Besar juga, ujar 'Asim bertujuan mempertahankan tindakannya yang selama ini dilihat sebagai kerajaan



Pemuda AMANAH Johor selepas membuat laporan polis di IPD Johor Bahru, 2 Mei lalu.

yang bersih.

Siasatan ke atas Khaled, jelasnya perlu bagi memastikan amalan

rasuah yang membabitkan wang rakyat tidak berulang di masa akan datang.

Ugut batal biasiswa bercanggah perlembagaan

JOHOR BAHRU: Pemuda AMANAH Johor menyelar tindakan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Datuk Seri Zainal Rahim Seman yang mengugut membatalkan biasiswa pelajar-pelajar tajaan Mara sekiranya mereka didapati mengkritik kerajaan.

Malah Ketuaanya Muhammad Taquiuddin Che Man menyifatkan ugutan Zainal sebagai bercanggah dengan perkara 10 perlembagaan

persekutuan yang memberi ruang dan kebebasan kepada mana-mana warganegara untuk bersuara.

"JPA adalah badan awam bawah kerajaan yang berfungsi untuk berkhidmat kepada rakyat. Ia bukan alat atau instrumen kepada parti Umno untuk mereka sewenang-wenangnya guna bagi menghalang dan mengugut rakyat daripada bersuara.

"Zainal dan kerajaan perlu

faham bahawa kritikan-kritikan daripada rakyat terutama daripada golongan terpelajar adalah penting agar proses semak dan imbang boleh berlaku dengan baik," tegas beliau.

Menurut Taquiuddin, kerajaan perlu belajar mendengar keluh kesah dan denyut nadi rakyat

kerana terlalu banyak kepincangan yang sedang berlaku dan memberi kesan buruk kepada kehidupan rakyat.

Beliau turut mempersoalkan slogan "Rakyat didahulukan, Pencapaian Diutamakan" dan adakah ia hanya retorik kosong

untuk menutup kepincangan kerajaan.

"Pemuda AMANAH Johor menggesa institusi awam berhenti daripada menjadi balaci Umno dan menyebarkan ketakutan dalam rakyat.

"Institusi awam sepatutnya meletakkan kepentingan awam di hadapan berbanding kepentingan survival politik Umno/BN," tegasnya.



BANJIR TAK SURUT... Ketua Pemuda AMANAH Kawasan Pontian, Noorsaiful Amri Suloh (paling kanan) bersama penduduk kampung melihat kawasan yang digenangi air banjir di kebun milik penduduk, baru-baru ini. Masalah banjir dihadapi penduduk empat kampung iaitu Kampung Parit Hassan, Kampung Sungai Besar, Kampung Parit Stan dan Jalan Tampok Darat. Air banjir yang bertakung hampir tiga minggu itu berbau busuk dan dipercayai berpunca daripada sistem perparitan yang tidak diselenggara dengan baik. Ini mengakibatkan tanaman penduduk seperti pisang rosak dan kerja-kerja mengeluarkan buah kelapa sawit sukar dilakukan. Noorsaiful mendesak tindakan segera diambil bagi mengatasi masalah tersebut.



KUKUH HUBUNGAN... Mesyuarat pertama Pakatan Harapan Parlimen Pontian telah diadakan 26 April lalu bertempat di Pejabat AMANAH Kawasan Pontian, Wisma ABG, Pontian. Mesyuarat bersetuju membentuk Sekretariat Pakatan Harapan (PH) Pontian bagi menghadapi pilihan raya umum (PRU) yang dijangka berlangsung tahun ini. Raden Sarobo Ponoh yang mewakili AMANAH dilantik sebagai Pengerusi PH Pontian. Tiga Timbalan Pengerusi ialah Zulkefly Tasrip (PPBM), Yeo Tung Siong (Adun DAP Pekan Nenas) dan Rahman Hosman (Keadilan). Turut dilantik Setiausaha, Bendahari dan Pengarah Komunikasi.

Pusat pelancongan terbiar usang

Oleh MOHD ALI HASHIM

LANGKAWI: Kegagalan kerajaan negeri memelihara pusat tumpuan pelancongan di pulau peranginan ini mengakibatkan kerugian jutaan ringgit, kata Ketua AMANAH Kawasan Langkawi, Hasbi Mohamad.

Ketika ditemui selepas meninjau kawasan sekitar Taman Sungai, Kuala Muda, di Kampung Bohor Chantek, Padang Mat Sirat, Hasbi berkata, sikap tidak peduli kerajaan negeri khususnya Exco Pelancongan Kedah terhadap taman rekreasi itu merugikan industri pelancongan Langkawi.

"Taman ini terbiar tanpa dipedulikan oleh kerajaan negeri sedangkan ia mempunyai lokasi yang bersebelahan dengan Jambatan Kuala Muda yang begitu indah dan menarik.

"Ia juga dikenali sebagai 'River Park' bersebelahan dengan Sungai Melaka yang dahulunya menjadi tarikan utama pelancong serta mampu menjana pendapatan penduduk kampung sekitar.

"Namun begitu kegagalan kerajaan negeri untuk memastikan kawasan ini kekal sebagai daya tarikan pelancong membuatkan ia terbiar dan merugikan sehingga kini," jelasnya lagi.

Tinjauan yang dibuat juga mendapati pondok-pondok rekreasi sudah tidak lagi



Rumah kayu terbiar usang dengan bumbung yang sudah roboh

dipedulikan sejak sekian lama.

Malah bangunan kayu yang penuh dengan seni dan ukiran tersebut turut rosak serta banyak dinding telah tertanggal.

"Bangunan yang telah dibangunkan untuk dijadikan pasar yang penuh dengan puluhan gerai semakin rosak, sedangkan banyak wang telah dikeluarkan bagi pembinaannya.

"Siling dewan besar yang ada juga semakin meruntuh dan jatuh ke lantai.

"Manakala kabel pendawaian juga dicuri akibat kawasan ini tidak berjaga," kesal beliau.

Hasbi menambah, kerajaan negeri sepatutnya membangunkan semula kawasan

rekreasi yang pernah menjadi tarikan pelancong itu kerana kedudukannya yang hampir dengan jambatan Kuala Muda.

Jika kawasan itu dipulihara, Hasbi yakin ia mampu memberi pulangan lumayan sekaligus meningkatkan ekonomi penduduk tempatan.

"Namun begitu, terbukti kerajaan BN yang memimpin Langkawi kini lemah dan tidak berdaya untuk memperbaiki kedaifan tersebut," ujarinya lagi.

Menurutnya, banyak lagi projek pelancongan yang didakwa untuk kepentingan rakyat terbiar dan tidak dikawal

selia dengan baik sehinggakan memberi imej buruk kepada Langkawi.

Beliau akan terus membuat pendedahan bagi memastikan wang rakyat tidak dibazirkan bagi projek-projek segera yang hanya menguntungkan kroni pemerintah.

Rakyat negeri ini khususnya penduduk Langkawi, tambah beliau perlu menjadikan isu ini sebagai pengajaran dan melakukan perubahan politik pada pilihan raya umum akan datang.

Pemimpin yang boros dan membazirkan wang negara, ujarinya tidak wajar diberi ruang untuk menerajui negara.



Hasbi (dua dari kiri) menunjukkan mercu tanda Taman Sungai, Kuala Muda yang kini terbiar.

PRU14: PH Perak akan tawar calon wibawa

IPOH: Parti Amanah Negara (AMANAH) Negeri Perak yakin parti-parti gabungan Pakatan Harapan (PH) akan menyediakan calon-calon berwibawa dan berintegriti pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Timbalan Pengerusinya Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin berkata, menyediakan calon yang mampu berkhidmat untuk rakyat dan beramanah adalah penting bagi

PH menghadapi calon-calon BN dan sekutunya.

Beliau yakin rakyat akan menghantar isyarat yang jelas bagi membentuk kerajaan persekutuan dan negeri yang cakna dan membela rakyat sekaligus meringankan beban yang ditanggung selama ini.

"AMANAH Perak bagi mengambil semangat itu akan memastikan calon-calon daripada AMANAH

terdiri daripada kalangan ulama, wanita, profesional dan orang bukan Islam yang akan menyipkan calon-calon tersebut sesuai dengan kehendak rakyat dan penuh amanah," ujarinya.

AMANAH Perak, tambah beliau bertekad untuk memastikan rakan-rakan di dalam PH meletakkan agenda rakyat sebagai perkara utama mengatasi cita-cita peribadi.



BERTEMU RAKYAT...

Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub menjelaskan sesuatu kepada pengunjung pasar Tapah dalam program santai anjuran AMANAH Kawasan Tapah dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Bahagian Tapah. Salahuddin turut dibawa melawat pekan Tapah Road untuk bertemu penduduk.

Pembangunan Islam kukuh di Pulau Pinang

GEORGETOWN: Aspek negeri berkebijakan dan pembangunan Islam terus menjadi teras utama di Pulau Pinang di bawah pentadbiran baru sejak 2008.

Ketua Menteri, Lim Guan Eng berkata melalui program Agenda Ekonomi Saksama (AES) dan Program i-Sejahtera, bantuan kewangan secara wang tunai sebanyak RM412.63 juta diberikan kepada 1.6 juta rakyat Pulau Pinang sejak 2008.

"Ia merangkumi warga emas, bayi, OKU, ibu tunggal, ibu yang tidak bekerja, pelajar, pemandu teksi, operator bas sekolah berdaftar, penarik beca, bantuan pukut kepada nelayan.

"RM 1,000 turut di beri kepada mahasiswa-mahasiswa yang mendapat tempat di IPT tempatan," katanya dalam ucapan sempena istiadat mengangkat sumpah pelantikan Yang Dipertua negeri Pulau Pinang, 29 April lalu.

Kerajaan negeri, ujarinya turut mendokong kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan apabila jumlah peruntukan untuk Hal Ehwal Agama Islam naik 100% selepas tahun 2008 kepada RM457 juta untuk tempoh 2008-2016.

"Kompleks Kehakiman dan Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang di Jalan Scotland, atas tanah kerajaan negeri bernilai RM80 juta dan perbelanjaan kos pembinaan RM33 juta oleh Kerajaan Persekutuan telah siap dibina untuk kemudahan seluruh masyarakat Islam," katanya.

Pada Majlis itu, Tun Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas dilantik semula sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Guru pondok tidak terpedaya

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KOTA BHARU: Guru-guru pondok dan sekolah agama rakyat tidak akan tertipu dengan helah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang memberikan sumbangan RM80 juta untuk mendapat sokongan politik, dakwa Naib Presiden AMANAH Datuk Husam Musa.

Menurutnya, pusat pengajian agama seperti itu sepatutnya mendapat peruntukan lebih besar dari kerajaan jika tiada pembaziran wang negara.

"Mereka sudah faham itu hak mereka dan tentu semua masih ingat pesanan Almarhum Tok Guru Nik Aziz, beri gula kacau, beri kain pakai tapi jangan undi BN bila tiba pilihan raya.

"Dalam skandal tersalah bayar kepada IPIC melalui anak syarikatnya Aabar saja 1MDB kehilangan wang berjumlah USD1 bilion.

"Kalau ditukar kepada ringgit nilai ini sekarang RM4.3 bilion.

"Kalau gunakan wang ini saja sekolah agama yang terima wang itu semalam akan dapat 58 kali ganda daripada jumlah yang diberi semalam," kata Adun Salor itu



Husam menerima borang keahlian AMANAH daripada Ir Zakaria.

pada program Dialog AMANAH di Jalan Yaakubiah, dekat sini, 26 April lalu.

Perdana Menteri menyerahkan peruntukan sebanyak RM80 juta kepada sekolah pondok berdaftar, Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan institusi tahfiz ketika melawat Kelantan, baru-baru ini.

Menurut Najib, peruntukan di bawah Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah seperti mana diumumkan dalam Bajet 2017 itu bertujuan memperkasa dan memperkukuhkan institusi pendidikan agama ke arah lebih

cemerlang.

Daripada jumlah itu kata Najib, sebanyak RM30 juta diperuntukkan bagi menyelaraskan dan membangunkan pendidikan tahfiz melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN), kali pertama peruntukan seumpamanya diberikan kerajaan dalam sejarah pendidikan tahfiz negara.

Menurut Husam, seluruh rakyat perlu sepakat untuk menggantikan kerajaan BN dalam pilihan raya ini dengan memilih Pakatan Harapan.

"Semasa saya di tingkatan enam kita berbangga dengan Malaysia ketika itu dari segi ekonomi kerana

kita terhadapan berbanding rakan-rakan lain di Asia kerana ekonomi kita jauh lebih baik.

"Negara seperti Korea, China, Filipina, Hong Kong, Indonesia kita pandang lekeh kerana dianggap ketinggalan.

"Namun sekarang kita pula jauh ketinggalan sedangkan negara-negara lain bergerak maju meninggalkan kita," katanya.

Apa yang diketahui seluruh dunia sekarang katanya, wujud satu kegiatan menggelapkan wang

negara melalui operasi sebuah syarikat bernama 1MDB.

"Jika tiada kegiatan seperti ini negara kita yang kaya dengan pelbagai sumber tidak akan susah seperti sekarang," katanya.

Pada majlis itu Husam juga menerima permohonan dua cawangan baru AMANAH di Taman Maju dan Jalan Yaakubiah.

Seorang jurutera, Ir Zakaria Awang dari Kubur Kuda, dekat sini turut menyerahkan borang menyertai AMANAH di majlis itu.

Kembalikan subsidi minyak untuk kekang inflasi

PARIT BUNTAR: AMANAH Parit Buntar menggesa kerajaan mengembalikan subsidi minyak kerana penetapan harga siling minyak secara mingguan memberi kesan kepada kehidupan rakyat.

Ketua Komunikasinya, Hamdan Fadel Ahmad berkata, rakyat sukar membuat anggaran perbelanjaan kerana harga minyak akan berubah setiap minggu.

"Kenaikan harga minyak memberi kesan kepada kenaikan harga barangan lain. Sedangkan pada masa yang sama, agak mustahil peniaga menurunkan harga barangan jika harga minyak turun pada minggu tertentu.

"Rakyat terpaksa berbelanja lebih untuk membeli barang keperluan harian mereka disebabkan kenaikan kos pengangkutan," katanya ketika ditemui semasa majlis penyampaian sumbangan kepada golongan asnaf di Sungai Betul, Tanjung Piandang, dekat sini, baru-baru ini.

Seramai 30 penduduk menerima barangan keperluan harian sumbangan AMANAH Parit Buntar pada majlis tersebut.

Turut hadir Ketua Awan Parit



Hamdan Fadel berucap di majlis penyampaian sumbangan kepada golongan asnaf.

Buntar Aisyatul Jamaeyah Ahmad dan Ketua AMANAH Cawangan Tanjung Piandang Abd Razak Md Teridi.

Hamdan berkata, kerajaan akan memperolehi keuntungan yang lebih kerana harga minyak berubah pada setiap minggu berbanding bulanan seperti yang dilaksanakan selama ini.

"Kerajaan perlu mendedahkan dengan telus mekanisme pengiraan harga minyak, serta jumlah 'cukai minyak' yang diambil daripada rakyat sejak pemansuhan subsidi sebelum ini.

"Harga minyak akan tetap tinggi kerana harga siling mingguan itu tidak berfungsi untuk mengekang

kenaikan harga minyak tanpa mekanisme subsidi," katanya.

Menurut beliau, ketiadaan subsidi minyak menambah beban hidup rakyat yang sudah terseksa dengan kenaikan kos sara hidup, cukai barangan dan perkhidmatan (GST), salah urus tadbir negara, korupsi dan penyelewengan.

"BR1M sudah tentu tidak mencukupi dalam keadaan kenaikan harga barang keperluan yang semakin meningkat.

"Masih ramai lagi mereka yang dikategori sebagai fakir miskin dan golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap terus hidup dalam keadaan daif terutama yang tinggal di luar bandar," katanya.

Jangan henti edar rang daftar pemilih tambahan

KOTA KINABALU:

Pemuda AMANAH Sabah kesal dengan tindakan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang menafikan hak parti politik mendapatkan Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) pada setiap suku daftar pemilih.

Ini kerana maklumat pengundi baharu dan bantahan pengundi yang meragukan diperolehi melalui RDPT yang diedarkan kepada parti politik secara percuma dalam bentuk cakera padat.

Dalam tempoh masa sebulan, parti politik boleh menyemak dan menyatakan bantahan kepada SPR sekiranya terdapat sebarang keraguan dalam daftar pemilih tersebut sebelum digazetkan.

Ketua Pemuda AMANAH Sabah Khairuddin Daud berkata, maklumat mengenai larangan itu tersebar menerusi surat bertarikh 18 April 2017 bertajuk "Larangan Pengedaran Salinan Rang Daftar Pemilih Tambahan (Buku dan Cakera padat) kepada Parti Politik".

Sehubungan itu, Khairudin menuntut penjelasan SPR sama ada surat yang tular diedarkan itu benar.

"Sekiranya benar, Pemuda AMANAH Sabah menggesa arahan tersebut ditarik balik," tegasnya.

Beliau menambah, akses terhadap RDPT wajar diteruskan dan perlu diperluaskan kepada NGO untuk tujuan penilaian.

"Kami membantah sebarang usaha bagi menafikan hak rakyat bagi mendapatkan akses RDPT tersebut," ujarnya.

Khairuddin juga mahu SPR memberikan tumpuan terhadap penguatkuasaan Akta Kesalahan Pilihan Raya yang telah diluluskan parlimen.

"Sebagai bukti sewaktu pilihan raya umum ke-13, Umno-BN bebas membeli undi di beberapa kawasan pilihan raya dan SPR hanya membisu dalam isu ini.

"Lebih malang lagi, senarai daftar pemilih juga tidak bersih. Masih terdapat keraguan dalam senarai daftar pemilih yang digazetkan," dakwanya.

Menurutnya, walaupun SPR bernaung di bawah Jabatan Perdana Menteri, ia perlu bebas daripada sebarang tekanan politik.

"SPR jangan menjadi seperti lembu dicucuk hidung. Sebagai sebuah suruhanjaya, kami percaya SPR mestilah bebas daripada sebarang pengaruh politik sama ada di pihak kerajaan mahupun pembangkang," tegasnya.



KHAIRUDDIN DAUD
KETUA PEMUDA AMANAH SABAH

Belajar dari dua tokoh: Anies dan Ahok

AKAR dari pendidikan itu pahit, tetapi buahnya manis. "The roots of education is bitter, but the fruit is sweet..." demikian kata Aristoteles.

Dalam ucapan Hari Ikhtifal di hadapan ibu bapa sebuah tadika Islam di Kuala Lumpur pada suatu ketika dulu, saya pernah menyatakan tentang kecemerlangan didikan seorang ayah dari Mesir, Dr. Said Ramadhan dan seorang ibu (Puterinya Hassan Al-Banna) mendidik putera mereka, Dr. Tariq Ramadhan; pemegang gelar PhD yang menguasai pelbagai bahasa dunia. Tariq, pemikir alaf baru yang pernah disenarai sebagai seratus orang pemikir paling berpengaruh di abad ini.

Setelah bertemu dengan beliau beberapa kali dan dulunya dengan Almarhum ayahnya Dr Said Ramadhan, timbul angan-angan untuk saya mempunyai anak seperti beliau, tapi apakah daya usia saya dan isteri tidak mengizinkan. Lalu, saya menganjurkan para ibu bapa yang masih muda berusaha melahirkan seorang lagi Tariq. Namun bukan sekadar melahirkan, tetapi mendidik dan mewujudkan suasana persekitaran yang mampu melahirkan seorang tokoh pemimpin masa depan.

Kali ini saya mahu memperkenalkan seorang intelek bukan kelahiran Geneva seperti Tariq, tetapi putera rantau ini yang dilahirkan dan dibesarkan di Jogjakarta; Anies Baswedan. Dulunya seorang remaja yang tinggal dan membesar di sekitar kawasan Wisata, Malioboro, Jogja.

Pada usia 38 tahun, Anies Baswedan telah menjadi Rektor (Naib Canselor) Universiti Paramadina, seorang rektor yang termuda di Indonesia. Beliau adalah pendiri Gerakan Indonesia Mengajar, satu kempen mengajak para profesional bersukarela mengajar di sekolah-sekolah rendah (sekolah dasar) di pelbagai kota besar Republik Indonesia.

Dalam usia yang belum genap 40 tahun, Anies Rashid Baswedan dimasukkan oleh jurnal 'Foreign Policy' yang berpangkalan di Amerika Syarikat sebagai seratus intelektual dunia bersama Samuel Huntington, Francis Fukuma, Thomas Friedman dan sederet ilmuwan penting lainnya.

Bagaimana Anies Baswedan dididik oleh orang tuanya Profesor Rashid Baswedan dan ibunya Profesor Dr Aliyah Rashid sehingga berjaya menghantar anaknya menjadi tokoh internasional. Apakah rahsianya? Profesor Dr. Aliyah, sang ibu memberitahu bahawa beliau mengajar anaknya dengan pembiasaan.

Pembiasaan taat ibadah, pembiasaan banyak membaca, pembiasaan bekerja keras, pembiasaan bersikap santun kepada sesiapa pun, pembiasaan bertanggungjawab, pembiasaan berbicara di depan umum, pembiasaan berorganisasi, pembiasaan menghadapi cabaran dan perkara-perkara baik yang lain.

Selain dari mendidik dengan cara pembiasaan, Profesor Dr Aliyah juga membiasakan dirinya tidak terlalu melindungi (overprotec-

tive) terhadap anaknya. Pernah suatu ketika, beliau melihat anaknya yang berusia 4 tahun dikerjakan/dikeroyok oleh rakan-rakannya di halaman rumah mereka. Beliau tidak segera melerai atau memukul anak-anak itu, walhal cuma melihat dan memantau dari jauh agar tidak membahayakan. Bahkan, berpura-pura tidak melihat dan kemudian apabila didapati selamat beliau masuk ke dalam rumah dan memerhatikan gelagat mereka dari jauh.

Natijah didikan sang ibu itu, anak-anak terbiasa menghadapi dan menyelesaikan permasalahan sendiri. Itulah cara Anies dididik. Beliau kemudiannya menjadi mahasiswa Universiti Gajahmada dan aktif dalam politik mahasiswa, bertindak sebagai ketua senat UGM. Sewaktu belajar di sana, beliau memperolehi Biasiswa Japan Airlines Foundation untuk mengikuti kuliah musim panas di bidang pengajian Asia di Universiti Sophia, Tokyo.

Setelah lulus sarjana pada tahun 1995, be-

yang akan kita dekati itu mungkin akan memakai pakaian yang amat sederhana, rumah mereka mungkin panas dan kumuh (rumah-rumah setinggan) tetapi ajaklah mereka bermimpi untuk punya cita-cita besar. Anda hadir di kelas itu menanamkan bibit mimpi mulia bagi saudara sebangsa."

Walaupun seorang Anies Baswedan kelihatannya tidak ada di Malaysia, namun kita juga harus berusaha agar anak-anak kita punya mimpi untuk sebuah masa depan yang berwarna-warni tetapi manusiawi.

Para ibu bapa sekalian, anda adalah pemimpin. Kalau pemimpin-pemimpin politik di negara ini gagal memimpin ke arah pendidikan yang benar-benar memanusiakan manusia. Saudara-saudara sekalianlah yang akan memimpin anak-anak di rumah agar menjadi manusia. Bertindak sebagai pemimpin seperti yang dianjurkan oleh Guru Bangsa Ki Hadjar Dewantara.



Anies (kanan) dan Ahok dalam debat pemilihan gabenur Jakarta baru-baru ini.

liau menyambung pengajian ke peringkat sarjana di Universiti Maryland, Amerika Syarikat. Kemudiannya beliau meraih gelaran Doktorat dari Northern Illinois University.

Pendidikan yang dilalui oleh Anies tidak mudah dan tidak menyelesaikan, beliau melalui proses yang sangat berat dan memerlukan iltizam.

Benarlah kata-kata Filasuf Aristoteles yang saya sebut tadi:

"Akar dari pendidikan itu pahit, tetapi buahnya manis."

Anies Baswedan mendidik Indonesia menerusi program inisiatif beliau Program Indonesia Mengajar. Melalui program ini, beliau menjemput semua golongan profesional ikhtisas untuk turun bersukarela mengajar anak-anak di sekolah rendah. Mereka disarankan mengambil cuti untuk mengajar di kelas-kelas inspirasi di Jakarta, Surabaya, Pekanbaru, Bandung, Jogja, Solo dan lain-lain.

Beliau menulis surat terbuka kepada semua profesional Indonesia untuk mengambil cuti dan bersukarela mengajar. Dalam suratnya beliau mengatakan, "Anak-anak

**"Ing ngarso Sung Tulodo
Ing madyo mangun karso
Tut wuri handayani."**

Terjemahannya,
"Di depan pemimpin menjadi teladan,
di tengah pemimpin memberi inspirasi,
di belakang pemimpin memberi motivasi
dan rakyat mengikuti."

Baru-baru ini saya berulang-alik ke Jakarta untuk menyaksikan Pilgub (Pemilihan Gubernur) DKI Jakarta. Anies Baswedan dicalonkan oleh Parti Gerindra untuk menentang Basuki Thahaja Purnama atau nama poplarnya Ahok (Gubernur penyandang).

Ahok dilahirkan di Manggar Belitung Timur pada Jun 1966 berketurunan Tionghoa Indonesia dari suku Hakka. Beliau melalui sebuah kehidupan yang menarik di tengah-tengah masyarakat Tionghoa dan Muslim.

Lulusan Sarjana Geologi Trisakti 1990 itu mula menceburi bidang politik kerana sejak kecil minat pergaulan masyarakatnya sangat tinggi sekali. Walaupun berasal dari keluarga



**PENDAPAT
MOHD ANUAR TAHIR**

berada beliau tidak kekok menyantuni kaum dhuafa.

Beliau mendapat pendidikan keluarga yang kuat bagi membina potensi seorang pemimpin bermula sebagai anggota DPRD (Dewan Perwakilan Rakyat Daerah) kemudian Bupati Belitung Timur pada 2005, kemudian maju setapak lagi pada tahun 2009 untuk dipilih sebagai anggota DPR (Dewan Perwakilan Rakyat).

Pada tahun 2006 Ahok pernah dinobatkan oleh majalah Tempo sebagai salah seorang dari sepuluh tokoh yang mengubah Indonesia. Pada 2007 di dinobatkan sebagai tokoh antikorupsi oleh tiga badan iaitu KADIN, Kementerian Pendayagunaan dan Masyarakat Tranparansi Indonesia. Pada tahun 2012 beliau dan Jokowi memenangi PILKADA Jakarta, terpilih sebagai wakil Gubernur dan mengambil alih jawatan Gubernur apabila Jokowi memenangi PILPRES (Pilihanraya Presiden).

Kedua-dua tokoh ini telah melalui dua pusingan pilihan raya di mana pada pusingan pertama Ahok mengunggulinya dan di pusingan kedua Anies pula yang mencapai kemenangan besar menduduki kursi Gubernur baru DKI Jakarta.

Terlepas dari kontroversi yang diperkatakan mengenai tokoh-tokoh yang bertanding, saya melihat kedua-dua mereka sebagai politikus unggul di era baru ini. Siapapun yang memenangnya itu adalah hak para pengundi di Jakarta yang tidak wajar diperdebatkan di sini.

Sebagai pengajaran dari pemilihan dua tokoh ini, seorang pemimpin tidak lahir dalam vakum tetapi ia perlu dididik dan dicerdaskan.

Menjadi tanggungjawab kita di Malaysia untuk memunculkan seramai mungkin pemimpin muda yang bakal memimpin negara. Setiap organisasi masyarakat dan politik punya tanggungjawab berat ini dengan mempengaruhi para ibu bapa agar benar-benar terlibat dengan kempen mega ini.

Saudara-saudaraku, kalian didiklah anak-anak untuk menjadi Tariq atau Anies Baswedan.

Selamat mendidik dan selamat memimpin.

■ **Penulis ialah Setiausaha Agung AMANA.**

Setuju pinda Akta 164 bukan bererti liberal

RES IPSA LOQUITUR
(the thing speak for itself)



MOHAMED HANIPA MAIDIN

nitikberatkan isu 'natural justice', saya bangun pertikaian hal tersebut.

Saya memersoalkan bagaimana

DALAM Mukhtar Dewan Ulama Pas baru-baru ini, ada terkeluar kenyataan daripada pemimpin tertentu Pas yang antara lain mengaitkan fahaman Islam liberal dengan mereka yang menyokong pindaan Akta 164.

Dalam sidang Parlimen baru-baru ini, kerajaan ada mencadangkan satu Rang Undang-undang (RUU) pindaan kepada Akta 164. Namun pindaan ke atas RUU tersebut, meskipun telah ada di dalam senarai teratas agenda mesyuarat Dewan Rakyat, dan sesalanan RUU itu juga telah diletakkan di atas meja wakil-wakil rakyat, namun ianya tidak diteruskan pembentangnya oleh kerajaan, jauh sekali dibahaskan.

Kerajaan sebaliknya memberi laluan kepada beberapa RUU lain termasuk RUU persendirian Akta 355 yang dibawa oleh Presiden Pas yang juga Ahli Parlimen Marang untuk dibentangkan. Ia menyebabkan ada beberapa wakil rakyat yang tidak berpuas hati dan bangun bertanya kepada Speaker Dewan Rakyat bagi mendapat penjelasan mengapa keadaan itu berlaku?

Dengan lain perkataan, mereka bertanya kenapa Dewan Rakyat mengesampingkan pembentangan dan perbahasan RUU pindaan Akta 164 tapi dalam masa yang sama memberi laluan yang secukupnya untuk beberapa RUU lain dibentangkan dan dibahas.

Seingat saya antara wakil rakyat yang bangun dan meminta penjelasan tersebut adalah YB Ipoh Barat (DAP) dan YB Bukit

Gelugor (DAP). Bila saya lihat yang bangun hanya wakil rakyat bukan Islam sahaja, saya bimbang isu ini mungkin akan dimanipulasi seolah-olah ianya isu pertelagahan agama antara orang bukan Islam dan orang Islam.

Saya pun mengambil keputusan untuk bangkit juga dan minta penjelasan. Saya rasa saya ialah satu-satunya wakil rakyat beragama Islam yang meminta penjelasan mengapa kerajaan tidak meneruskan pembentangan RUU pindaan ke atas Akta 164 tersebut?

Saya tidak pasti sama ada pemimpin Pas betul-betul hadam dan faham isu-isu yang masih tidak selesai dari Akta 164 tersebut? Seingat saya di dalam Parlimen, antara wakil rakyat Islam yang banyak kali menyentuh masalah-masalah berkaitan Akta 164 ini adalah YB Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusof, YB Kota Raja Dr Siti Mariah Mahmud dan saya sendiri sebagai Ahli Parlimen Sepang.

Seingat saya juga, saya tidak pernah melihat atau mendengar mana-mana wakil rakyat Pas yang pernah berbahas membangkitkan masalah Akta 164 ini. Saya rasa YB Menteri dari Jerai tahu sangat perkara ini sebab kami banyak kali berbahas dengan beliau di Parlimen tentang isu ini.

Akta 164 adalah nama lain kepada Akta Memperbaharui (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 yang kami para peguam memanggilnya dengan istilah singkat LRA iaitu singkatan kepada Law Reform Act. Saya masih ingat semasa masih seorang pelajar undang-undang lagi, mantan pensyarah saya

iaitu Almarhum Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim telah bercakap dan menulis tentang beberapa seksyen dalam Akta 164 yang banyak mendatangkan masalah khususnya seksyen 51 Akta 164 tersebut. Almarhum telah sekian lama dan banyak kali mencadangkan pindaan ke atas seksyen 51 tersebut.

seksyen 51 Akta 164 (bold)

Saya juga banyak kali menyentuh tentang isu seksyen 51 Akta 164 tersebut dalam perbahasan saya di Parlimen. Seksyen 51 menyentuh isu salah satu pasangan yang berkahwin menurut Akta 164 itu masuk Islam sama ada suami atau isteri. Masalahnya pasangan yang masuk Islam itu tidak boleh membatalkan perkahwinan mereka di mahkamah sivil. Oleh itu, sama ada isteri atau suami yang masuk Islam itu akan pergi ke mahkamah syariah untuk membatalkan perkahwinan dan/atau jika ada anak untuk mendapatkan perintah jagaan ke atas anak itu.

Masalah yang timbul adalah Mahkamah Syariah tidak boleh mendengar dua-dua pihak kerana salah satu pasangan lagi masih tidak masuk Islam. Ini kerana Mahkamah Syariah tidak ada bidang kuasa ke atas orang bukan Islam. Kesannya Mahkamah Syariah hanya akan mendengar permohonan sebelah pihak sahaja.

Sebab itu apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom dalam ucapan penggulungannya di Parlimen menyatakan Mahkamah Syariah sekarang me-

Mahkamah Syariah boleh dianggap menitikberatkan isu 'natural justice' sedangkan dalam isu Akta 164 ini, Mahkamah Syariah hanya mendengar sebelah pihak sahaja. Saya kata 'natural justice' mengkehendaki mahkamah mendengar kedua-dua belah pihak. Beliau tidak dapat menjawab soalan saya itu.

Sebab itu bila saya lihat ada cadangan dalam RUU pindaan itu mahu meminda seksyen 51 tersebut, bagi saya, ini satu langkah yang baik. Bagi saya, cadangan pindaan itu adalah perjalanan ke arah yang betul (a move to a right direction). Bagi saya juga, ia menunjukkan Islam juga mengambil berat hak orang bukan Islam kerana seperti mana yang kita tahu, keadilan adalah sine qua non (ciri penting) Syariat Islam.

Begitu juga pindaan ke atas isu penggantian Islam anak secara unilateral (unilateral conversion of a child to Islam). Meskipun secara zahir nampak seolah-olah pindaan ini, jika dibenarkan, menyebabkan orang Islam khawatir nasib akidah anak tersebut, namun dari segi yang lain, ia juga menuntut satu pandangan yang holistik dan kritikal tentang konsep keadilan.

Apa yang penting biarlah RUU ini dibahaskan dengan tenang. Janganlah terus dihukum Islam liberal.

■ **Mohamed Hanipa Maidin ialah Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) Parti Amanah Negara.**

Apa maksud 'undi Pas atau undi Umno' Presiden Pas?

MEMBENTUK pakatan pembangkang tidaklah mudah di Malaysia. Asas BN kekal bukan kerana BN kuat tetapi pembangkang senantiasia lemah dalam membentuk kesepakatan mereka. Memecahkan pembangkang adalah teras strategi Umno/BN.

Lebih ketara isu Hudud dan terkini RUU 355, adalah bukti strategi ini sejak pasca PRU 2013. Antara parti yang rapuh dengan isu ini adalah Pas yang 'tergoda' dengan janji Umno sehingga keseluruhan infra kekuatan pembangkang dalam Pakatan Rakyat (ketika itu) hancur.

Kebangkitan semula pembangkang terbentuk tahun 2015 dengan lahirnya Pakatan Harapan (PH) dengan parti AMANAH menjadi impetus kepada kemunculan PH. Terkini Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) telah memperkuatkan kebangkitan pakatan

pembangkang.

Kecuali Pas, semua parti pembangkang utama kini tekad dengan kesepaduan mereka untuk menggantikan kerajaan Umno/BN dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Hasil usaha membentuk semula infra bagi parti pembangkang, garis pemisah pertembungan PRU akan datang telah dilukis dan ianya amat jelas antara BN dan PH. Kejelasan ini amat penting bagi menentukan kejayaan menumbangkan BN atas matlamat 'Selamatkan Negara'.

Soalnya Pas dimana? Kenggan-an Pas menyertai PH pasti akan mengelirukan mesej UBAH yang dibawa oleh gabungan pembangkang selama dua PRU yang lalu. Sistem politik berpilihan raya di Malaysia unik kerana berlakunya 3 atau 4 penjuror akan mencatatkan infra yang terbina selama ini dan

memberi kelebihan kepada BN.

Apakah Pas akan bersendirian? Tentunya tidak bijak. Saya yakin Pas perlu ada strategi kesepakatan. Buktinya Pas cuba membawa ide Blok ke-3 yang kini entah ke mana. Ada juga maklumat yang menyatakan Pas mencadangkan kepada salah satu komponen PH untuk buat persefahaman berasingan tanpa AMANAH dan DAP. Semua ini membuktikan Pas sedar kehilangan tapak sokongan jika ia bersendirian.

Saya amat yakin satu lagi alternatif adalah Pas akan bersefahaman dengan Umno atas manifesto Melayu-Islam. Hal ini telah ditunjukkan melalui kenyataan terkini Presiden Pas dalam wawancara Mingguan Malaysia tentang survival Melayu-Islam hanya terletak jika pengundi menyokong Pas atau Umno.

Razman Zakaria selaku Pesuruh-

jaya Pas Perak dan Ahli Jawatankuasa Pas Pusat turut menyeru dalam status FB-nya bahawa lebih baik menyokong Melayu Pas atau Umno daripada menyokong 'PAN' DAP dan PKR. Razman juga menyatakan daripada mengundi DAP lebih baik undi MCA.

Mesej Pas amat jelas malah 'body language' dalam isu RUU 355 telahpun membuktikan ada persefahaman pra-PRU antara Pas dan Umno. Hubungan Pas-Umno berputik sejak pasca PRU 2013 adalah satu kecurangan kepada undi yang rakyat beri kepada PR. Kekasih 'haram' Pas adalah 'musuh' rakyat sedangkan Pas masuk PRU 2013 untuk mengalahkan Umno yang kini 'bercumbuan' dengan Pas.

Mesej PH kepada rakyat dalam PRU akan datang adalah tolak Umno/BN. Ini bermakna sesiapa yang menjadi penghalang dalam cita-cita ini akan turut ditolak termasuk hubungan 'curang' Umno dengan kekasih gelapnya.

Saya tiada keraguan pada tahap ini untuk membuat kesimpulan

PENDAPAT



DATUK DR MUJAHID YUSOF

awal bahawa satu undi kepada Pas adalah undi kepada Umno/BN kerana Presiden Pas dan Razman menyebut orang Melayu tiada pilihan untuk melindungi Islam-Melayu mereka mesti mengundi Pas atau Umno. 'Atau' dalam Bahasa Melayu bermakna dua atau lebih merupakan perkara yang sama sebagai pilihan.

Saya kekal menyatakan tolak Umno dan tolak mana-mana parti yang kata sokong partinya atau Umno. Asas penolakan adalah jelas, tak perlu saya perincikan di sini.

■ **Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa ialah Naib Presiden AMANAH.**

Bahaya internet kepada anak-anak



HARI ini internet bukan lagi satu lambang kemewahan. Sebaliknya sudah bertukar menjadi satu keperluan. Segala urusan yang dahulu mengambil masa untuk diuruskan seperti pembayaran bil dan sebagainya, sekarang segalanya boleh selesai dalam tempoh kurang seminit melalui internet.

Dalam pada itu, cabaran penggunaan internet semakin bertambah. Anak-anak yang masih bersekolah juga menggunakan internet untuk berhubung dengan guru dan rakan-rakan. Di samping itu, internet turut berguna untuk menyelesaikan tugas sekolah.

Tetapi dalam penggunaan internet itu, sudah tentu anak-anak akan terdedah kepada pelbagai jenis ancaman dan bahaya seperti gejala buli, godaan orang asing dan jenayah pengantunan seksual (sexual grooming).

Oleh itu, ibu bapa perlu menyedari perkara ini dan memainkan peranan penting seperti memantau penggunaan internet bagi memastikan anak-anak terlindung dari bahaya ini.

Dalam hal ini, ibu bapa perlu memilih jalan perbincangan untuk memahami anak-anak tentang internet, bahaya dan langkah pencegahan.

Berikut disertakan beberapa alasan mengapa perbincangan itu penting.

1. KERANA ILMU ADALAH KUASA

Dalam dunia yang sentiasa berubah, kita akur bahawa anak-anak kita kini berkembang dengan lebih cepat berbanding sebelum ini. Dalam era super-berwajar ini, kita dapat mengelakkan masalah dengan sentiasa berada selangkah di hadapan ledakan Internet.

Dengan mendidik diri memahami kaedah

terbaik memaklumkan anak-anak, kita dapat melindungi mereka daripada sebahagian risiko ketika saling terhubung secara global: bahaya penyalahgunaan Internet.

2. MENGELAKKAN BAHAYA ORANG ASING

Berhubung dengan orang asing melalui media sosial mungkin berisiko untuk anak-anak jika mereka membuat perhubungan yang salah.

Memandangkan tiada cara yang benar-benar dapat menentukan kesahihan profil sosial seseorang atau sebaliknya, kita dapat melindungi diri dan anak-anak dengan mengetahui bilamana hubungan atau jalinan dalam talian menjadi berbahaya.

Langkah ini penting bagi mengelak daripada mempercayai golongan yang mungkin merupakan pemangsa dalam talian.

Cara terbaik bagi memantau adalah dengan memastikan anda tahu kesemua hubungan media sosial anak-anak anda.

Penentuan peringkat umur bagi anak-anak untuk dibenarkan memiliki profil media sosial terletak kepada ibu bapa, tetapi daripada titik tersebut, anda perlu menangani sebaiknya siapakah kawan-kawan dalam talian mereka.

Jika mereka bukan saudara-mara, bukan dari sekolah yang sama dengan anak anda atau bukan ahli keluarga di kalangan masyarakat anda, maka mereka perlu diperiksa semula.

3. HAKIKAT: SETELAH SESUATU BERADA DALAM TALIAN, IA MENJADI SANGAT SUKAR UNTUK DIPADAMKAN

Walaupun kita seakan-akan dapat memadamkan suatu pos kerana ia sudah tidak lagi

kelihatan, maklumat yang dihantar telah pun dimuat ke Internet.

Jika sesuatu berada dalam talian, ia akan kekal di sana selama-lamanya. Kiriman carutan spontan atau aksi mengarut yang kita lakukan di sebuah majlis, sebenarnya tiada butang 'batal' atau 'padam' yang dapat ditekan.

Imej dan teks yang dipos boleh menjadi suatu jenayah, membahayakan orang lain mahupun diri sendiri, kerana ia boleh tersebar dalam tempoh beberapa saat sahaja.

Imej-imej boleh disalah guna, diubah malah

dikongsi dalam rangkaian yang tidak sesuai, maka berfikir sebelum mengepos amatlah penting.

Kajian tentang sikap kanak-kanak dan remaja terhadap Internet sering menunjukkan bahawa majoriti mereka tidak hiraukan pencerobohan privasi mereka atau ketanpanamaan individu yang berinteraksi dengan mereka.

Dipetik dari: <https://www.unicef.org/malaysia> ■



Ibu bapa perlu memantau penggunaan internet dalam kalangan anak-anak.



Perjuangan hak di meja rundingan

PADA umur 7 tahun, Pratima Gurung kehilangan sebelah tangannya dalam satu kemalangan.

"Segala-galanya berubah selepas itu. Orang sekeliling mula bercakap-cakap tentang masa depan saya yang suram.

"Apa yang boleh saya boleh buat dan tidak boleh. Perlukah saya ke sekolah atau bolehkah saya mendirikan rumah tangga?" beliau berkongsi kisah.

Pratima, 37, merupakan penggerak sosial bagi hak-hak Orang Asli dan wanita kelainan upaya di Nepal dan Asia.

Pada masa yang sama, beliau merupakan anggota Jawatankuasa Pemandu Jaringan Orang Asli dan Kelainan Upaya Sedunia.

Baru-baru ini, beliau berucap dalam Sesi ke-61 di Suruhanjaya tentang Status Wanita dengan tema "The Empowerment of indigenous



Dalam salah satu sesi perbincangan di PBB.

women".

Wanita cekat ini sambung bercerita, beliau tiada masalah jika bersama dengan keluarganya tetapi sebaik keluar dari pintu rumah, seluruh dunia terasa mendiskriminasi dirinya.

"Ibu bapa saya berpindah ke bandar lain dan sukar untuk saya sesuaikan diri dengan segala perubahan ini.

"Saya menggagahkan diri dengan kelainan upaya ini seperti yang ibu bapa saya lakukan semasa menjaga

saya. Mereka sumber motivasi saya," kata beliau.

Wanita kelahiran Pokhara, Nepal ini bersyukur ibu bapanya menyedari kepentingan pendidikan dan senantiasa memastikan Pratima menikmati hak tersebut sepenuhnya.

"Ramai wanita Orang Asli dan kelainan upaya di negara saya tidak mendapat peluang pendidikan seperti saya."

Menyedari kelemahan tersebut pada ketika ini di Nepal, Pratima

memimpin sebuah advokasi untuk wanita dari kalangan Orang Asli dan kelainan upaya.

Beliau berkata, banyak organisasi tentang kelainan upaya, Orang Asli dan mekanisme dari kerajaan di negara itu tidak memenuhi keperluan yang khusus serta unik seperti dihadapi dua golongan berkenaan.

Tambahnya lagi, perubahan iklan dan bencana yang berulang meletakkan wanita Orang Asli dalam risiko yang lebih tinggi.

Kira-kira 80 peratus dari seluruh populasi dari 13 daerah di negara itu berdepan ancaman gempa bumi.

"Jika wanita mengandung tanpa tempat berlindung menghabiskan masa selama lima jam setiap hari untuk mengangkat air dan kayu api, dia langsung tidak sedar ba-

gaimana keadaan ini boleh memberi kesan kepada kesihatan dan bayi dalam kandungannya," ujarnya.

Selain itu, katanya, masalah psikososial meningkat, kebuluran dan kekurangan nutrisi secara senyap menyebabkan kecacatan dalam kalangan kanak-kanak.

"Sebab itulah saya yakin, usaha mengupayakan dua golongan yang saya sebutkan tadi boleh dicapai apabila kita sendiri berada di meja rundingan untuk memutuskan sebarang dasar yang melingkari kehidupan sehari mereka," ujarnya.

Hasrat itu semakin jelas nampakkan harapan apabila Pratima semakin dikenali dalam memperjuangkan hak-hak kumpulan tersebut.

Hanya melalui langkah ini, kata Pratima, kehendak dua golongan itu boleh menjadi lebih vokal dan meluas dalam lingkungan masyarakat sekarang.

Diterjemah bebas dari <http://www.unwomen.org> ■



PRATIMA GURUNG

Idea 'king maker' yang celaru

MUKTAMAR Pas telahpun berlalu dan hasil dari muktamar tersebut memperlihatkan pemikiran Pas tetap bercelaru seperti mana sebelumnya. Tiada yang menjadi lebih jelas berbanding dengan sebelumnya selain dari kecelaruan ingin menjauhkan diri dari Pakatan Harapan tetapi ingin juga jatuhkan BN.

Kononnya Pas masih merupakan parti pembangkang yang ingin jatuhkan BN tetapi tidak sanggup mengemblem tenaga bersama pembangkang yang lain.

Persoalan-persoalan yang sepatutnya dijawab, seperti bagaimana ingin jatuhkan BN sambil berjauhan dari PH terus tergantung dan tidak dijawab. Selain dari heboh dan riuh di Muktamar, keadaan kembali seperti mana yang wujud sebelum muktamar. Yang jelas adalah pemikiran Pas yang bercelaru sebelum Muktamar hanya bertambah dalam kecelaruannya selepasnya.

KAEDAH 'KING MAKER'

Antara pemikiran bercelaru yang sedang dijaja pimpinan dan penyokong Pas adalah konsep perjuangan yang berpaksikan peranan Pas sebagai 'king maker'. Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang pernah menyebutnya seperti mana Timbalannya Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man juga pernah menyebut. Konsep ini mengandaikan keadaan di mana Pas memenangi sejumlah kerusi yang memungkinkan Pas menjadi penentu kepada siapa yang akan membentuk kerajaan.

Sebagai contoh, sekiranya BN dan Pakatan Harapan (PH), masing-masing memenangi 105 kerusi Parlimen, kedua-duanya tidak mempunyai kerusi yang cukup untuk membentuk kerajaan. Pada masa yang sama, baki kerusi

Parlimen sebanyak 12 kerusi dimenangi Pas. Sekiranya Pas bersama BN maka BN boleh membentuk kerajaan dan sekiranya Pas bersama PH maka PH yang akan membentuk kerajaan.

Konsep menjadi 'king maker' mudah difahami tetapi pada masa sama, mengandungi beberapa kecelaruan yang tidak mampu diperjelaskan Pas.

KECELARUAN PADA KAEDAH 'KING MAKER'

Salah satu kecelaruan yang jelas adalah persoalan bagaimana Pas ingin memenangi jumlah kerusi yang memungkinkannya menjadi 'king maker'? Setelah mengistiharkan niatnya untuk menjadi 'king maker', maka adakah wajar Pas mengharapkan bantuan dari PH? Adakah mungkin PH membantu sedangkan kebersamaan Pas dengan PH tidak terjamin? Susah payah beri laluan kepada Pas dan memenangi Pas melalui undi ahli dan penyokong PH, tiba-tiba Pas berunding dengan BN selepas menang!

BN sememangnya sanggup menjanjikan bantuan pada Pas dalam parti itu berusaha untuk menjadi 'king maker'. Ini adalah kerana sememangnya pertandingan tiga penjurua adalah kehendak BN. Maka mereka boleh berikan sokongan dan sumbangan tetapi akhirnya ahli dan penyokong BN akan tetap mengundi BN.

Memang saya faham, bagi Pas ianya tidak haram dan tidak salah sekiranya selepas menang dengan sokongan PH tiba-tiba berunding dengan BN! Kononnya demi 'kepentingan Islam'. Melalui alasan itu, pengkhianatan sanggup diharuskan. Ianya pernah diusahakan sebelum ini, iaitu pada tahun 2008 setelah menang di Perak dan di Selangor.

Tetapi dulu pihak lain tak sangka Pas sang-

gup menjadi pengkhianat sebegitu rupa, maka mereka berkempen bersama untuk calon Pas. Tetapi sekarang, ianya diistiharkan dari awal-awal lagi bahawa Pas berniat untuk menjadi 'king maker' dan dengan itu sanggup mengkhianati PH sekalipun PH memberi laluan dan berkempen untuk calon Pas!

Maka sekiranya sudah diistiharkan bahawa selepas menang Pas mungkin akan bersama dengan BN, atas logik apa PH akan membantu Pas atau memberi laluan kepada Pas? Dan tanpa diberi laluan dan bantuan serta sokongan dan undi penyokong PH, bagaimana Pas boleh menang?

Yang mempunyai harapan yang lebih cerah untuk menang apabila Pas mengejar cita-cita untuk menjadi 'king maker' hanyalah Umno/BN.

ROSAKNYA IMEJ PERJUANGAN ISLAM

Satu lagi kecelaruan yang tidak mampu disanggah Pas adalah kerosakan terhadap imej perjuangan Islam melalui kaedah ini. Tidakkah ini akan menunjukkan Pas sebagai parti oportunis yang tidak berpendirian sehingga sanggup bersama mana jua pihak asalkan agenda Pas dapat dimajukan? Adakah perjuangan Islam bersifat oportunis sebegini?

Pas akan memilih berdasarkan apa yang ditawarkan dua pihak yang sedang bersaing itu. Yang paling 'menguntungkan Islam' kononnya akan diterima oleh Pas. Dengan itu Pas dapat apa yang diinginkan dan akan membentuk kerajaan sama ada bersama BN atau PH.

Dalam keadaan sekarang, BN akan menawarkan apa sahaja yang diinginkan Pas kerana tidak sanggup kehilangan kuasa. Kehilangan kuasa akan menyebabkan segala salah-laku mereka akan terbongkar dan su-

LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL

KHALID SAMAD



dah menjadi kepastian pemimpin-pemimpin mereka akan ke penjara apabila penyelewengan dan salah guna kuasa dibuktikan. Maka adakah Pas sanggup menggunakan Islam untuk melindungi penjenayah semata-mata supaya dapat mencapai apa yang diinginkan Pas?

Sekiranya Pas 'menjual' dirinya kepada BN atas sebab ingin mencapai sesuatu matlamat dalam perjuangannya, maka tidakkah ini bermakna Pas memaksakan agendanya ke atas masyarakat yang telah secara jelas menolak agenda Pas itu? Atas sebab ditolak masyarakatlah maka Pas hanya mampu menjadi 'king maker' dengan memenangi hanya 12 kerusi sahaja sedangkan yang lain mendapat 105 kerusi! Itu pun kalau boleh dapat 12 kerusi!

Tidakkah pendekatan ini secara jelas mengeneipkan kehendak dan persetujuan masyarakat dan dengan itu mencemar imej perjuangan Islam? Demi kuasa sanggup bersekongkol dengan perompak dan penjenayah semata-mata kerana ingin mencapai matlamat tertentu Pas?

Sudah hampir pasti Pas tidak akan menerima PH sebagai rakan untuk membentuk kerajaan bersama kerana adanya AMANAH dan DAP bersama PH. Begitu juga adanya PPBM, parti pimpinan Tun Mahathir. Lagipun PH tidak akan setuju untuk menerima apa jua kehendak Pas kerana PH ada prinsip dan pegangan. PH akan berpegang kepada janji-janji manifestonya dan tidak akan membenarkan Pas membawa agenda yang ditolak rakyat melalui PH. Antara prinsip PH adalah menolak pendekatan memaksa sesuatu agenda ke atas rakyat sedangkan rakyat menolaknya.

Bagi AMANAH, walaupun kami membawa perjuangan Islam tetapi Islam dibawa secara bertanggung jawab dan tidak gopoh. Kesabaran dalam berusaha mendapatkan persetujuan rakyat amat perlu dan ini tercapai melalui pencerangan serta dakwah secara lisan dan secara amalan. Bukan melalui pendekatan khianat mahupun oportunis.

Oleh itu, apabila dikaji secara terperinci, maka jelas bahawa pendekatan 'king maker' hanya relevan untuk Pas bersama BN.

KESIMPULAN

AMANAH yakin bahawa kemenangan Islam boleh tercapai tanpa perlunya tindakan khianat mahupun oportunis. Yang perlu hanya kesabaran dan contoh yang baik oleh sesebuah parti Islam. Tindakan khianat dan oportunis mungkin mencapai kemenangan jangka masa pendek tetapi secara jangka masa panjang ianya akan menyebabkan perjuangan Islam dipandang hina dan ditolak masyarakat.

Inilah yang sedang dilalui dan dialami Pas dewasa ini.

IKLANEKA @ AMANAH

JOM IKLAN!

LUASKAN PASARAN PERNIAGAAN ANDA

MENGAPA KAMI RAKAN PENGIKLANAN TERBAIK ANDA?
 Akhbar Amanah dipimpin oleh beberapa jurnalis yang berpengaruh dan dipadatkan dengan beberapa artikel dari pemimpin utama dari arus perdana parti pembangkang Malaysia.

Masa depan akhbar Amanah memperlihatkan peluang capaian pembaca yang tinggi disebabkan kualiti artikel dan rencana yang disiarkan. Capaian pembaca yang tinggi akan meningkatkan jumlah jualan produk pengguna yang memberangsangkan jika mana-mana syarikat berminat untuk mengiklankan produk mereka dengan akhbar Amanah.

Amanah juga mempunyai pembaca merentasi pelbagai golongan dalam masyarakat serta cuba mengambil ruang kosong yang ditinggalkan oleh beberapa akhbar pembangkang yang lain pasca PRU13 yang lalu.

PENGENALAN AKHBAR AMANAH

Pada 18 Mac 2016, KDN secara rasmi mengeluarkan permit untuk akhbar ini dengan dinamakan Amanah. Sehingga kini, permintaan masyarakat kepada akhbar ini sangat baik dengan jumlah langganan yang senantiasa meningkat. Akhbar ini diedarkan di seluruh Negara dengan capaian hampir 500,000 pembaca dari pelbagai latar belakang.

Ia bukan sekadar tertumpu menyiarkan berita berkaitan Parti Amanah Negara, malah turut menyiarkan berita berkaitan parti pembangkang yang lain serta menyiarkan apa saja berita yang tidak mendapat liputan yang adil oleh akhbar arus perdana.

SAIZ IKLAN

| | | | |
|------------------|---------|---------|---------------------|
| MUKA SURAT DEPAN | IKLAN 2 | IKLAN 3 | MUKA SURAT BELAKANG |
| IKLAN 1 | IKLAN 4 | IKLAN 5 | |

PROMOSI HEBAT 2017

DISKAUN 20%

LUASKAN PASARAN PERNIAGAAN ANDA

MEDIA ALTERNATIF PILIHAN RAKYAT MALAYSIA

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Rakan Media Akhbar Amanah :

HUBUNGI

+6019 207 6801 (En. Amim)
 +6013 287 5766 (En. Hadi)
 saadamediahq@gmail.com

AMANAHA Gopeng bersedia hadapi BN dan sekutu

Oleh HAZAYANI ZAKARIA

GOPENG: Pengalaman bersusah-payah sewaktu bersama Pas bagi mendapatkan undi bukan Melayu membuatkan pemimpin AMANAHA Gopeng berasa bertanggungjawab untuk mengambil bahagian dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Ditambah pula dengan faktor majoriti penggerak Pas berhijrah ke AMANAHA, AMANAHA Gopeng yakin PRU14 adalah medan terbaik untuk melawan Umno-BN apatah lagi apabila Pas dilihat bersikap lunak terhadap Umno-BN.

Itu yang diperkatakan Ketua Kawasan AMANAHA Gopeng Badrul Hisham Kadir sewaktu memulakan perbualan di Pusat Khidmat Peduli Rakyat Sungai Rokam, Gopeng baru-baru ini, usai mereka mengadakan mesyuarat Biro Pilihan Raya.

"PRU13 Pas menang di Dun Sungai Rapat ini dengan jentera kita dan sekarang ini 80 peratus jentera yang buat kerja untuk Pas



AMANAHA Kawasan Gopeng menerima Anugerah Pusat Khidmat Peduli Rakyat dan Program terbaik ketika Konvensyen Tahunan Pertama AMANAHA Perak tahun lalu.

dulu berhijrah ke AMANAHA.

"Jadi jentera yang sama akan buat kerja untuk AMANAHA dalam PRU14," katanya.

Menurut beliau, berdasarkan analisis pada PRU13 sejumlah 89 peratus pengundi bukan Melayu mengundi Pas.

Justeru katanya, dengan sikap Pas yang lebih bersifat perkauman, pengundi bukan Melayu seakan-akan hilang hak mereka dan

kerana itulah AMANAHA merupakan alternatif terbaik kepada mereka.

"Kita bukan buat tafsiran sendiri tapi turun ke lapangan jadi kita tahu susah payahnya nak dapatkan undi dan bagaimana nak

dapat cula dan buat mereka kenal Pas mengambil masa yang lama.

"Jadi apabila berlaku perubahan sikap Pas kita rasa rugi, apa yang kita buat dulu seolah-olah tak dihargai tapi kita tahu realiti rakyat di bawah bagaimana.

"Kalau Pas nak bertanding pengundi bukan Melayu akan hilang hak. Mereka yang telah bersama dengan parti Islam dulu tak yakin lagi dengan Pas kerana Pas sekarang hanya mementingkan undi Melayu. Jadi alternatif di sini adalah AMANAHA untuk tolak BN," jelasnya.

Badrul juga berkata, beliau tidak menghadapi masalah dalam melaksanakan gerak kerja dengan ahli jawatankuasa yang lain memandangkan mereka telah bersama sejak sekian lama.

"AJK yang sama, muka-muka lama yang saya memang dah kenal. Jadi tak ada masalah dalam gerak kerja malah gerak kerja kita semakin mantap dengan semangat baru untuk tumbangkan Umno-BN," katanya.



Timbalan Pengerusi AMANAHA Perak yang juga AJK AMANAHA Gopeng, Dato' Seri Ir Mohamad Nizar Jamaluddin menyerahkan sumbangan kebajikan kepada penerima terpilih.

JAWATANKUASA AMANAHA KAWASAN GOPENG SESI 2016 - 2018

| | | |
|---|---|--|
| <p>Ketua Kawasan : BADRUL HISHAM KADIR</p> <p>Timbalan Ketua : SHAHARI ANUAR IBRAHIM</p> <p>Naib Ketua 1 : MAT RAZALI ABDUL RAHMAN</p> <p>Naib Ketua 2 : AZIZ OMAR</p> <p>Setiausaha : AHMAD TARMIZI MUSA</p> <p>Bendahari : IDRIS ISMAIL</p> | <p>Ahli Jawatankuasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - DATUK SERI IR. MOHAMMAD NIZAR JAMALUDDIN - ZAINAL AYUB ABDULLAH KUSHAIRI - KAMARULZAMAN ABDUL HAMID - SYED MAHADZIR SYED OMAR - MOHD HANI ALANG ISMAIL - RAFIDAH ABDUL HAMID - MOHD FIRDAUS FAHME | <ul style="list-style-type: none"> - ROSIDI ABDUL MUTALIB - MEJAR (B) YAKUB YASIN - PAHRUL RIJAL OMAR - MIQDAD ABDUL AZIZ - AHMAD OSMAN - RAHIM OMAR |
|---|---|--|

Ramai pemuda jadi penyokong senyap AMANAHA

PEMUDA AMANAHA

Gopeng berharap ahli Pas yang masih belum berani menzahirkan sokongan terhadap AMANAHA menterjemahkan sokongan mereka di atas kertas undi dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14) nanti.

Ketuanya Mohd Fadzlan Ahmad Nazeri (*gambar*) berkata, masih ramai pemuda yang menyokong AMANAHA namun tidak berani menyatakannya kerana takut kehilangan rakan lama.

"Kawan-kawan dalam Pas ramai yang menyokong AMANAHA tapi takut nak tunjuk. Mereka tak bersedia dikata macam-macam.

"Jadi saya harapa walaupun tak zahirkan sokong AMANAHA tapi mengundi AMANAHA dalam pilihan raya," katanya.

Beliau berkata, pemuda AMA-



NAHA Gopeng kini sedang menumpukan gerak kerja pilihan raya.

"Fokus gerak kerja kami memang untuk pilihan raya. Oleh itu kami banyak bergerak bersama AMANAHA kawasan. Buat program

bersama-sama tapi setiap duya bulan sekali memang pemuda akan buat pemeriksaan percua kepada jentera, ahli dan orang ramai dan kami memang ada doktor sendiri," katanya.

Fadzlan juga berharap keempat-empat parti dalam Pakatan Harapan dapat memperkasa kerjasama bagi menghadapi Umno-BN.

"Harapan pemuda agar kerjasama Pakatan Harapan bertambah kukuh dalam menghadapi pilihan raya dan membuat keputusan secara bersama," katanya.



Nizar Jamaluddin bersama aktivis AWAN Gopeng menziarai Mufti Perak di rumahnya.



Timbalan Ketua AMANAHA Gopeng, Anuar Ibrahim menyampaikan sumbangan ketika program Khatan Perdana anjuran Pemuda AMANAHA Kawasan.



Sarapan sambil berdialog dengan penduduk setempat menjadi aktiviti wajib setiap hujung minggu.



Pengerusi AMANAHA Perak, Asmuni Awi menerima borang keahlian semasa program ceramah umum baru-baru ini.

Komitmen ahli aset utama AMANAH Gopeng

PENOLONG Setiausaha Biro Pilihan Raya Dun Sungai Rapat, Shahrul Fariq Razali mengakui pada awalnya berasa malu untuk mengaku sebagai ahli AMANAH yang dianggap parti serpihan Pas.

Namun katanya, sehari demi sehari rasa malu itu hilang sebaliknya semakin bersemangat meneruskan gerak kerja bagi menumbangkan Umno-BN dalam PRU14.

"Awal penubuhan AMANAH kita rasa sangat malu. Nak cerita pasal AMANAH pun malu tapi selepas setahun penubuhan AMANAH orang yang di belah sana (Pas) pula malu dengan kita.

"AMANAH semakin banyak program dan mendapat sambutan rakyat dan Pas seakan-akan tenggelam di Gopeng khususnya di Sungai Rapat ini," katanya yang mesra dipanggil Bob di kalangan



Shahrul (tengah) bersama Nizar ketika menyantuni masyarakat sejurus solat Jumaat.

kawan-kawan.

Shahrul berkata, secara peribadi beliau melihat kekuatan AMANAH Gopeng bergantung kepada komitmen ahlinya yang tinggi dan program yang konsisten di

kawasan itu.

"Dari segi gerak kerja yang kita buat hari ini mungkin keahlian tidak lagi ramai tapi saya nampak dari segi komitmen melaksanakan program sangat bagus. Kita buat program yang terus kepada penduduk, bukan penduduk yang datang kepada kita.

"Kita buat program yang sama tetapi di tempat berlainan. Contohnya setiap pagi Sabtu wajib ada program sarapan santai bersama penduduk. Minggu ini di kampung lain, minggu depan di kampung lain pula,"

katanya yang juga Bendahari Pemuda AMANAH Gopeng.

Optimis AMANAH akan bertanding di Dun Sungai Rapat, beliau yang juga

pembantu peribadi kepada Datuk Seri Mohamad Nizar Jamaluddin sedaya upaya memberikan khidmat terbaik agar pimpinan parti yakin AMANAH mampu bertanding di Dun itu dan memberikan saingan yang sengit kepada lawan.

Membayangkan Nizar sebagai calonnya, Shahrul berkata, program-program diatur bersama Nizar yang juga bekas Menteri Besar Perak.

"Penerimaan AMANAH di Gopeng ini semakin hari semakin baik. Bila dah kenal calon, pengundi berasa yakin terhadap AMANAH.

"Kami memang memberi tumpuan kepada Sungai Rapat dahulu menjelang pilihan raya. Selepas pilihan raya barulah kita akan bergerak ke seluruh Gopeng kerana Gopeng ini besar. Tak sempat kita nak ke semua tempat sebelum pilihan raya," jelasnya.

3 Mei dibiarkan berlalu

Sehingga lewat petang Rabu lalu, 3 Mei, saya masih belum menyedari hari itu adalah antara peristiwa besar dalam proses demokrasi. Hari Kebebasan Akhbar Sedunia. Sejak beberapa tahun lalu, terutama apabila rehat panjang daripada menjadi sebahagian warga akhbar, saya seolah-olah melalui tarikh berkenaan tanpa sebarang makna.

Persoalan kebebasan akhbar jarang diberikan perhatian serius, termasuk oleh aktor politik dan jurnalis sendiri. walaupun media dianggap tonggak atau tiang utama demokrasi. Hatta pemimpin dan aktivis oposisi -- yang menjadi mangsa terbesar -- menyedari kepentingan dan keperluan media independen apabila hak mereka untuk bersuara dinafikan tetapi tidak banyak aksi proaktif dilakukan.

Pemerintah pula mengambil kesempatan sepenuhnya, dengan mengawal kandungan dan penerbitan akhbar, selain memastikan hanya individu atau syarikat yang disenanginya sahaja yang memperoleh permit. Proses pemberian permit penerbitan masih melalui jalan berliku dan sentiasa terbuka kepada notis pembatalan atau penggantungan jika melanggar syarat-syarat ketat Kementerian Dalam Negeri.

Susah untuk dipercayai, tetapi begitulah hakikatnya; di zaman langit terbuka ini, akhbar dan media seluruhnya masih dikongkang undang-undang primitif. (Usah berbicara soal lesen untuk stesen televisyen atau saluran

radio). Untuk menerbitkan bahan bercetak bersiri, seperti akhbar, majalah dan jurnal, permit mesti dipohon dan kelulusannya tidak mudah diperolehi.

Ramai pemohon yang berpengalaman dalam dunia akhbar dan kewartawanan, gagal tetapi mereka yang rapat dengan elit penguasa, berjaya. Permit akhbar diputuskan sendiri oleh menteri bertanggungjawab. Sedikit kelonggaran diberikan kepada permohonan majalah, yang biasanya diuruskan oleh pegawai tinggi KDN.

Secara peribadi, saya tersentuh dengan "peraturan karut-marut" KDN ini sejak 1989 ketika permohonan permit untuk majalah bulanan

penolakan.

Selepas itu, puluhan permohonan saya dibakul-sampah begitu saja. Mungkin nama saya telah disenarai-hitamkan, terutama apabila menerbitkan siri akhbar tidak berkala, yang sebenarnya tidak pun memerlukan permit. Kemuncak pertembungan saya dengan KDN serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan apabila majalah-majalah yang saya sewa perमितnya daripada dua rakan baik, iaitu *Detik* dan *Wasilah* diharamkan sekitar tahun 2000.

Sebelumnya, pada Oktober 1998, di waktu bahang Reformasi mengelegak, saya ditahan dan dibawa ke balai polis Sentul. Mahu tahu apa kesalahan yang saya



Konvensyen Akses Media dalam PRU13 anjuran KAMI.

isu-isu semasa, *Kini*. Kebetulan seminggu selepas menyerahkan borang, saya ditahan Akta Keselamatan Dalam Negeri, ISA. Sebaik dibebaskan, saya menerima keputusan rasmi: Ditolak. Tanpa ada sebarang temuduga atau pertemuan khusus dengan KDN, apalagi untuk mengetahui alasan

lakukan? Buku politik saya, mengenai pemecatan Timbalan Perdana Menteri, *Anwar: Skandal Seks atau Konspirasi Politik?* dirampas atas kesalahan tidak mempamerkan nama dan alamat pencetak!

Itulah juga kesalahan saya sehingga hampir 50,000 naskah tabloid *Memo14* -- mengand-



Ahmad Lutfi Othman

ungi butiran lengkap dakwaan salah laku menteri besar Selangor -- yang baru siap dicetak, dirampas di kilang percetakan, Shah Alam, seterusnya saya dibawa ke balai polis berdekatan untuk soal-siasat. Selepas itu, hampir setiap terbitan akhbar tidak berkala saya dirampas dan premis yang menjualnya diganggu. Ramai juga penjual tabloid berkenaan dihadapkan ke mahkamah dan rangkaian penerbitan lumpuh.

Sekitar tahun 1998-2000 menyaksikan banyak tindakan intimidasi bagi menyekat kebebasan bersuara dan berhimpun, termasuk kepada karyawan, antara lain kartunis Zunar dan pembekal-pengedar kaset ucapan Anwar Ibrahim. Akhbar politik berbahasa Melayu juga menjadi sasaran KDN; mingguan *Eksklusif* terbitan Karangkrak diharamkan dan *Harakah*, organ rasmi Pas, dikurangkan penerbitan daripada dua kali bulan kepada dua kali seminggu.

Sejurus selepas itu, saya dan beberapa teman rapat, antaranya Fathi Aris Omar mengambil inisiatif menubuhkan Kumpulan Aktivis Media Independen (KAMI) bagi memperjuangkan dan mempromosi isu kebebasan akhbar. Antara program besar yang sempat kami usahakan, majlis makan malam Hari Kebebasan Akhbar 2001 di Hotel Vistana dengan memberi anugerah khas kepada Almarhum Said Zahari, bekas Ketua Pengarang *Utusan*.

Beberapa kali juga pertemuan diatur dengan Suhakam, antaranya di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur, yang diketuai Almarhum Harun Hashim, serta tiga anggota lain, Prof Mehrun Siraj, Prof Hamdan Adnan dan Zainah Anwar. Respons Harun Hashim cukup menggalakkan dan amat positif, namun kami menyedari keterbatasan kuasa Suhakam untuk mempengaruhi proses reformasi undang-undang. KAMI juga diundang Suhakam sebagai ahli panel forum media bebas dan sempat bertukar fikiran dengan pengerusi, Abu Talib Othman, yang menggantikan Musa Hitam.

KAMI pernah menganjurkan Konvensyen Akses Media dalam PRU13, pada 12 Mei 2012, di Hotel Nouvelle, Sungai Besi. Antara rumusannya, setiap parti yang bertanding harus diberikan ruang yang memadai ketika musim kempen. Hak menjawab kepada pihak yang terkilan dengan laporan media mesti diberikan. Tempoh kempen juga perlu secukupnya. Media yang dibiayai dana awam, misalnya RTM dan Bernama selepas Parlimen dibubarkan, tidak lagi boleh dikendalikan Kementerian Penerangan tetapi diurus-selia oleh badan bebas.

Akhirnya saya membuat kesimpulan sendiri; usah berangan-angan kebebasan akhbar dapat dinikmati jika tiada perubahan regim atau pemerintah. Penguasa yang ada beranggapan rakyat yang dibekalkan maklumat sah-mencukupi akan menjadi musuh kerajaan. Media bebas yang sepatutnya menjadi rakan dilayan sebagai seteru ketat walaupun ia cukup banyak membantu menyampaikan maklum-balas rakyat.

27 Apa maksud 'undi Pas atau undi Umno' Presiden Pas?

28 Perjuangan hak wanita di meja rundingan

29 Idea 'king maker' yang celaru



PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 50 | 7 - 13 MEI 2017

WAKTU Solat
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU dengannya.
SUMBER: JAKIM

| TARIKH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|-----------|-------|-------|--------|-------|-------|---------|-------|
| 7.5.2017 | 5:33 | 5:43 | 7:02 | 13:13 | 16:32 | 19:20 | 20:32 |
| 8.5.2017 | 5:32 | 5:42 | 7:02 | 13:13 | 16:33 | 19:20 | 20:32 |
| 9.5.2017 | 5:32 | 5:42 | 7:01 | 13:12 | 16:33 | 19:20 | 20:32 |
| 10.5.2017 | 5:32 | 5:42 | 7:01 | 13:12 | 16:33 | 19:20 | 20:32 |
| 11.5.2017 | 5:32 | 5:42 | 7:01 | 13:12 | 16:33 | 19:20 | 20:33 |
| 12.5.2017 | 5:31 | 5:41 | 7:01 | 13:12 | 16:34 | 19:20 | 20:33 |
| 13.5.2017 | 5:31 | 5:41 | 7:01 | 13:12 | 16:34 | 19:20 | 20:33 |

PRU 14 TSUNAMI MAHATHIR

PENGANALIS politik meramalkan, 'Tsunami Mahathir' akan berlaku dalam pilihan raya umum akan datang walaupun Pas meramalkan akan berlaku 'Tsunami hijau'. Pensyarah Kanan dari Sekolah Perdana Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Mazlan Ali berkata, di mana-mana sahaja Mahathir pergi sekarang, orang ramai akan turun menyambut beliau.

"Potensi Tun Mahathir ini 'membahayakan' kepada sokongan rakyat terhadap Umno-BN," ujarnya

Laporan Lanjut muka 8

PENGANALIS yakin akan berlaku 'Tsunami Mahathir' dalam PRU 14 ini.



Setuju pinda Akta 164 tiada kaitan dengan Islam liberal

PEGUAM yang juga Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin membidas ulamak Pas yang mengaitkan fahaman Islam liberal dengan pihak yang menyokong pindaan Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164).

"Saya tidak pasti sama ada pemimpin Pas betul-betul hadam dan faham isu-isu yang masih tidak selesai dari Akta 164

tersebut?" katanya mengulas pandangan ulama Pas.

Hanipa yang juga pengerusi Biro Undang-undang Amanah (Kanun) berkata, Akta 164 perlu dibahas dengan tenang kerana ia menuntut pandangan yang holistik dan kritikal tentang konsep keadilan.

Jelasnya, Akta 164 adalah nama lain kepada Akta Memperbaharui (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 yang dikenali



Hanipa Maidin kesal dengan mudahnya sesetengah pihak memberi label.

dengan istilah singkat LRA iaitu singkatan kepada Law Reform Act oleh para peguam.

"Saya masih ingat semasa saya masih seorang pelajar undang-undang lagi, mantan pensyarah saya iaitu Almarhum Datuk Prof Ahmad Ibrahim telah bercakap dan menulis tentang beberapa seksyen dalam Akta 164 yang banyak mendatangkan masalah khususnya seksyen 51 Akta 164 tersebut.

"Almarhum telah sekian lama dan banyak kali mencadangkan pindaan ke atas seksyen 51 tersebut," katanya.

**BUKU TERBARU
KOMBO BUKU NUNJI
TEMPAH SEKARANG!**



01132334322
UNTUK URUSAN PEMBELIAN

**HANYA
RM65**

